

ORANG-ORANG CINA ISLAM DI SELANGOR :  
SATU KAJIAN SOSIOLOGIKAL

Terkaitkan buat ayah dan ibu,  
... yang sentiasa mendukung kejayaanku.

OLEH  
NO. MATRIK 030907

"Penduduk orang yang lebih rendah daripada

orang yang lebih tinggi dalam masyarakat tidak dapat melihat

LATIHAN ILMIAH

BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT

UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1979

## SINOPSIS

Kajian yang dibuat ke atas orang-orang Cina Islam dan orang-orang Melayu ini adalah bertujuan untuk mengkaji tentang hubungan etnik di Malaysia. Dalam hal ini, ugama Islam dianggap sebagai satu kreateria utama yang menghubungkan antara dua golongan ini. Disamping itu perlu dikaitkan dengan konsep-konsep dan teori yang pernah dibuat oleh para sarjana untuk dijadikan sebagai garis panduan dan perbandingan. Kajian ini menggunakan pendekatan sosiologikal, oleh sebab itu iaanya merangkumi aspek-aspek kemasyarakatan iaitu aspek politik, ekonomi dan sosial. Dalam bab I buku ini, pengkaji mengemukakan tentang tujuan kajian, hipotesis-hipotesis, cara-cara dan masaalah kajian. Bab II diberikan tentang rangka bidang konsep-konsep dan teori yang ada kaitannya dengan kajian ini seperti konsep assimilasi, integrasi, etnik, kelompok minoriti dan konsep Melayu dan budaya. Dalam bab III pula, ada dibentangkan tentang latarbelakang kedua-dua responden, iaitu dari segi umur, pekerjaan, pendidikan dan sebagainya. Adalah perlu sekali untuk mengetahui tentang nilai sosio-budaya orang-orang Cina Islam dan ini dapat dilihat dalam bab IV. Begitu juga dengan bab V yang memperihalkan tentang nilai responden terhadap aspek-aspek politik dan ekonomi. Akhirnya dalam bab VI, dikemuka tentang kesimpulan yang didapati dari kajian ini, termasuklah segala pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan pengkaji sendiri,

<u>TAJUK</u>	<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
Sinopsis .....	i	
Kandungan .....	ii	
Senarai Jadual .....	v	
Penghargaan .....	vi	
<b>BAB I : PENDAHULUAN</b>		<b>11 - 10</b>
1. Kajian		
1.1 Tujuan Dan Bidang Kajian .....	1	
1.2 Kepentingan Kajian .....	2	
1.3 Kenyataan Masaalah Kajian .....	2	
1.4 Metodologi .....	4 <i>(1) Pendekatan dan (2) Kebutuhan yg diperlukan.</i>	
2. Pemilihan Sampel .....	9	
<b>BAB II : KONSEP DAN TEORI</b>		<b>11 - 30</b>
1. Pendahuluan .....	11	
2. Assimilasi .....	11	
3. Integrasi .....	16	
4. Etnik .....	19	
5. Kumpulan Minoriti .....	23	
6. Konsep Melayu Dan Budaya .....	25	
7. Kesimpulan .....	28	
<b>BAB III : LATARBELAKANG RESPONDEN</b>		<b>31 - 51</b>
1. Pendahuluan .....	31	
2. Responden Cina Islam		
2.1 Umur .....	31	
2.2 Taraf Perkahwinan .....	32	
2.3 Tempat Lahir .....	33	

2.4	Tarikh Mula Memeluk Ugama Islam ....	34
2.5	Ugama Sebelum Islam .....	36
2.6	Sebab-sebab Menganut Islam ....	37
2.7	Dari Mana Mendapat Ajaran Islam	39
2.8	Kebolehan Responden Bertutur, Menulis dan Membaca .....	40
2.9	Pendidikan .....	43
2.10	Pekerjaan .....	44
2.11	Pendapatan .....	45
<b>3.</b>	<b>Responden Melayu</b>	
3.1	Umur .....	47
3.2	Pendapatan .....	47
3.3	Pelajaran .....	49
<b>4.</b>	<b>Kesimpulan .....</b>	<b>50</b>
<b>BAB IV</b>	<b>: ANALISA TENTANG NILAI SOSIO-BUDAYA ORANG-ORANG CINA ISLAM</b>	<b>52 - 82</b>
1.	Pendahuluan .....	52
2.	Aspek Material	
2.1	Makanan .....	53
2.2	Pakaian .....	55
<b>3.</b>	<b>Aspek Non-material</b>	
3.1	Ugama Dan Kepercayaan .....	57
3.2	Perkahwinan Campur .....	63
3.3	Jalinan Hubungan Sosial Dalam Masyarakat .....	67
<b>4.</b>	<b>Masaalah-masaalah Yang Dihadapi Oleh Responden Cina Islam .....</b>	<b>77</b>
<b>5.</b>	<b>Kesimpulan .....</b>	<b>81</b>

BAB V : ANALISA TENTANG NILAI RESPONDEN TERHADAP  
POLITIK DAN EKONOMI 83 - 107

1. Pendahuluan .....	83
2. Nilai Responden Terhadap Politik Negara Masakini .....	83
3. Sistem Politik Islam .....	92
4. Kesimpulan Aspek Politik .....	99
5. Aspek Ekonomi .....	100
6. Kesimpulan Aspek Ekonomi .....	107
BAB VI : PENUTUP .....	108

Lampiran A : PERKIM Dan Peranannya

Lampiran B : Soalan-soalan Soalselidik

Bibliografi

Jurnal XII : Pelajaran Dari Analisis Terhadap Jawapan Responden Dalam Malaysia, China dan Indonesia	31
Jurnal XIII : Pelajaran Dari Analisis Jawapan Responden Dalam Malaysia, China dan Indonesia	47
Jurnal XIV : Pelajaran Dari Analisis Jawapan Responden Dalam Malaysia, China dan Indonesia	48
Jurnal XV : Pelajaran Dari Analisis Jawapan Responden	49
Jurnal XVI : Pelajaran Dari Analisis Jawapan Responden Dalam Malaysia, China dan Indonesia	50
Jurnal XVII : Pelajaran Dari Analisis Jawapan Responden Dalam Malaysia, China dan Indonesia	50
Jurnal XVIII : Pelajaran Dari Analisis Jawapan Responden Dalam Malaysia, China dan Indonesia	59
Jurnal XIX : Jenis-jenis Jawatankuasa Yang Sering Dianggap Sebagai Ciri Khas Dilihat Dalam Pemerintahan	70
Kajian : Islam Mewujudkan Masyarakat Dalam Kehidupan	93

SENARAI JADUAL

<u>TAJUK</u>	<u>HALAMAN</u>
Jadual I : Taburan Umur Responden Mengikut Jantina	32
Jadual II : Taburan Taraf Perkahwinan Di - Kalangan Responden	33
Jadual III : Taburan Tempat Asal Responden Mengikut Negeri Dan Jantina	34
Jadual IV : Bilangan Orang-orang Cina Yang Memeluk Ugama Islam Di Selangor Tahun 1951-1979	35
Jadual V : Taburan Tarikh Mula Memeluk Ugama Islam Di kalangan Responden Mengikut Tahun	36
Jadual VI : Taburan Ugama-ugama Responden Sebelum Menganut Ugama Islam	37
Jadual VII : Alasan-alasan Responden Memeluk Islam	38
Jadual VIII : Faktor-faktor Sebagai Punca Mendapat Pengetahuan Islam Di Kalangan Responden	40
Jadual IX : Taburan Kebolehan Responden Bertutur Bahasa Malaysia, Cina dan Inggeris	41
Jadual X : Taburan Responden Menulis Dalam Bahasa Malaysia, Cina dan Inggeris	42
Jadual XI : Taburan Kebolehan Responden Membaca Dalam Bahasa Malaysia, Cina dan Inggeris	42
Jadual XII : Taburan Taraf Pendidikan Responden	44
Jadual XIII : Taburan Jenis-jenis Pekerjaan Di Kalangan Responden	45
Jadual XIV : Taburan Pendapatan Responden	46
Jadual XV : Taburan Umur Responden Melayu Mengikut Jantina	47
Jadual XVI : Taburan Pelajaran Di Kalangan Responden Melayu	50
Jadual XVII : Bahasa-bahasa Yang Sering Digunakan Oleh Responden Cina Islam Bila Berhubung Sesama Mereka	69
Jadual XVIII: Jenis-jenis Suratkhabar Yang Sering Dibaca oleh Responden Cina Islam	70
Rajah I : Islam Merangkumi Seluruh Bidang Kehidupan	93

## PENGHARGAAN

Dalam menyiapkan buku yang tidak sapertinya ini, pengkaji telah mendapat banyak pertolongan dari orang ramai. Tanpa bantuan dari mereka mungkin hasil kajian ini tidak dapat dibukukan.

Pertama sekali, ucapan setinggi-tinggi terima kasih ditujukan kepada En. Mohd. Nor Hj. Nawawi, selaku penyelia kajian ini dari awal hingga akhirnya. Biarpun di dalam kesibukan tugas, namun beliau tidak jemu-jemu memberikan teguran, pandangan dan nasihat tentang apa yang pengkaji tuliskan. Tanpa nasihat dan teguran beliau mungkin buku ini tidak jadi sebegini rupa.

Pengkaji rasa terhutang budi yang teramat sangat kepada Puan Salsah sekeluarga, di Pekan Meru, Kelang, Selangor atas kemurahan hati beliau membenarkan pengkaji tinggal di rumahnya selama kajian ini dijalankan. Di atas dorongan dan pertolongan yang tidak termilai, juga pada kemesraan yang terjalin, tidak mungkin dapat pengkaji lupakan selagi hayat ini dikandung badan. Kepada Puan Salsah, Abang Husin, Abang Dasuki, Asmawati, Hawa dan ahli-ahli keluarga yang lain, terimakasih pantun usang ini sebagai tanda terima kasih.

" Pisang emas dibawa belayar,  
Masak sebiji di atas peti,  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dibawa mati."

Tidak lupa juga pengkaji hulurkan sekalong budi ini kepada pihak PERKIM. Terutamanya kepada PERKIM Cawangan Negeri Selangor dan beberapa orang kakitangannya yang telah berkerjasama memberikan nama dan alamat responden. Pengkaji ucapkan "terima kasih daun keladi" sekali lagi kepada PERKIM Cawangan Negeri Selangor yang telah sudi

memberikan sumbangan ikhlas bagi membiayai kajian ini. Kepada Institut Dakwah PERKIM, Pengetuanya, Tan Sri Hj. Abdul Jalil Hassan, guru-guru dan juga pelajar-pelajar yang terlibat, pengkaji ucapan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama yang diberikan. Begitu juga kepada Pejabat Ugama Islam Negeri Selangor (Bahagian Mubaligh), terutamanya kepada Puan Wahida.

Pengkaji amat berterima kasih kepada responden Melayu dan Cina Islam yang telah berkerjasama memberikan pandangan dan jawapan-jawapan terhadap soalan-soalan yang diberikan, merupakan bahan utama kajian ini. Tanpa mereka mungkin kajian ini tidak dapat dijalankan.

Akhirnya, kepada sesiapa yang terlibat, yang tidak disebutkan namanya, di atas segala bentuk pertolongan yang diberikan, semoga Allah sahaja yang membalaanya. Wassalam.

Salam hormat dari pengkaji,  
YPM, Bangsar, K.L.

30hb. Nov. 1979.

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1. Kajian.

##### 1.1 Tujuan dan bidang kajian

Menyedari perpaduan kaum menjadi masaalah utama di negara Malaysia, kerana sedia diketahui bahawa rakyatnya adalah terdiri dari berbilang etnik dan berlainan ugama. Etnik yang terbesar ialah etnik Melayu, Cina dan India manakala ugama yang menjadi amalan atau anutan mereka ialah Islam, Keristian, Hindu dan Buddha. Oleh kerana ugama menjadi sesuatu pegangan yang terpenting dalam hidup manusia, jadi untuk mengujudkan perpaduan kaum di kalangan rakyat yang berbagai pegangan adalah sukar sekali. Usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh setengah badan-badan dakwah sekarang ialah menarik lebih ramai lagi orang-orang bukan Islam supaya menganut ugama Islam selain daripada mengujudkan Bahasa Kebangsaan, Kebudayaan Kebangsaan, dan berbagai-bagai lagi simbol perpaduan. Jadi, kajian ini antara lain adalah bertujuan untuk mengkaji orang-orang Cina Islam (converts) dengan menguji hipotesis-hipotesis seperti berikut:-

- i) Ugama Islam merupakan faktor utama dalam menyelesaikan masaalah etnik di Malaysia dan orang-orang Cina Islam dianggap sebagai "jambatan" dalam menghubungkan diantara orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina.
- ii) Pengislaman orang-orang Cina yang semakin ramai di negara ini, akan menimbulkan prasangka dan penerimaan yang negatif oleh masyarakat Melayu.

Bidang kajian ini adalah meliputi dari segi ekonomi,

politik dan sosial responden secara umum. Ianya tidak dikaji secara mendalam kerana kajian ini hanyalah merupakan kajian ilmiah dengan berdasarkan kajian yang dibuat ke atas 25 orang responden Cina Islam sahaja. Contohnya, dari segi ekonomi akan dilihat dari aspek pekerjaan, pendapatan dan taraf ekonomi mereka pada keseluruhannya. Begitu juga dari segi sosial dan politik, akan dilihat keadaan hubungan mereka dengan orang-orang Melayu dan bagaimakah reaksi mereka terhadap politik negara secara sepantas lalu sahaja.

### 1.2 Kepentingan kajian.

Kepentingan kajian di sini dalam ertikata membincangkan masaalah pokok iaitu ugama dan etnik. Ugama ialah satu ideologi atau pegangan manakala etnik adalah satu keturunan. Memang sejak dilahirkan di dunia ini sesuatu etnik itu berhak menganut ugama apa yang disukainya.

Perkembangan ini memberi kesan kepada perkembangan dalam negara di samping mempunyai kebaikan terdapat juga masaalah yang dihadapi yang seharusnya mendapat perhatian dari pihak-pihak yang berkenaan.

Di samping dapat membuat sumbangan yang empirikal, sekurang-kurangnya kajian ini dapat membuka jalan baru kepada kajian yang lepas-lepas yang lebih merupakan cara diskriptif mengenai tajuk ini.

### 1.3 Kenyataan masaalah kajian.

Adalah menjadi hasrat pemimpin dan rakyat negara ini agar satu negara yang aman dan makmur dan masyarakat yang bersatupadu dapat diujudkan. Proses menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum ini

menjadi masaalah utama dan kerajaan telah mengadakan berbagai cara dan simbol-simbol perpaduan seperti Bahasa Kebangsaan, Kebudayaan Kebangsaan dan bermacam-macam lagi. Namun begitu apa yang dapat diperhatikan sekarang hasilnya masih belum lagi memuaskan. Didapati setiap kumpulan etnik masih ingin mengekalkan identiti masing-masing dan kadangkala boleh menyebabkan berlakunya konflik antara etnik. Dalam hal ini terfikir oleh kita apakah sebaik-baik cara yang boleh digunakan untuk menyatukan semua etnik tanpa sebarang perselisihan dan cara ini dapat di terima umum. Teori yang paling biasa ialah mengujudkan perpaduan dibawah satu ideologi atau pegangan yang sama, sebagaimana galakan yang diberikan oleh kerajaan kepada badan-badan dakwah ialah mengislamkan orang-orang yang berugama bukan Islam kerana Islam ialah satu ugama yang universal. Islam sebagai 'a way of life' boleh dijadikan alat untuk mengintegrasikan etnik tanpa mengira asal keturunan masing-masing, malah usaha seperti ini juga sangat-sangat dituntut oleh ugama Islam.

Oleh itu kerajaan telah menggalakkan badan-badan dakwah memainkan peranannya, contohnya PERKIM (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia) yang sekarang ini sedang giat mengislamkan ramai orang-orang Cina, India dan orang Asli. Jadi, sekarang sudah ramai didapati dalam negara ini orang-orang Cina Islam, India Islam, dan orang-orang 'mualaf' dari keturunan lain. Adalah agak menarik perhatian jika dikaji tentang sikap, penyesuaian dan penerimaan mereka ini dalam masyarakat Melayu. Dapatkah mereka ini menyesuaikan diri dengan keadaan yang baru dialami daripada cara hidup mereka sebelumnya. Apakah mereka itu masih dapat mengekalkan identiti etnik sendiri ataupun ingin mengujudkan satu identiti masyarakat Islam yang baru yang berlainan dengan masyarakat Melayu Islam.

Sebelum ini biasa saja disebut bahawa orang-orang Islam

di negara ini, apa yang terbayang ialah orang-orang itu terdiri dari orang-orang Melayu. Adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa ugama Islam itu kepunyaan orang Melayu sahaja, tetapi itulah biasanya anggapan masyarakat. Ini adalah kerana salah faham dan prajudis. Sekarang anggapan seperti ini tidak dapat diterima kerana sudah ramai terdapat dalam masyarakat ini orang-orang Islam yang terdiri dari etnik lain. Pengislaman mereka ini menimbulkan pertanyaan apakah mereka ini benar-benar memeluk Islam dan menjalani ajarannya atau apakah dorongan atau motif mereka sebenarnya? Ada khabar-khabar yang didengar bahawa terdapat pada setengah mereka yang telah pun memeluk Islam tetapi masih mengamalkan ajaran yang tidak sesuai dengan Islam. Jika mereka ini benar-benar sudah menjalani ajaran Islam tentu perkara ini tidak akan terjadi. Satu perkara yang perlu difahamkan ialah bahawa mereka ini tidak mendapat bimbingan yang cukup dari badan-badan yang berkenaan ataupun mereka belum dapat menyesuaikan diri dengan keadaan yang baru ataupun kemungkinan besar mereka ini mengalami dilema kerana mereka tidak diterima oleh masyarakat Melayu Islam. Ini semua hanyalah merupakan andaian sahaja, sebab itulah objektif kajian ini ialah untuk mendapatkan bukti yang konkret, metode yang digunakan ialah kajian yang empiris.

#### 1.4 Metodelogi

##### i) Cara mendapatkan data.

###### a) Soal selidik

Memandangkan yang dikehendaki hanyalah mengenai sikap dan pandangan responden, jadi metode soal selidik adalah dianggap paling sesuai. Soalan-soalan telah disediakan dan jawapan responden ditulis di kertas soalan itu juga. Dua jenis soalan yang diberikan iaitu soalan

jenis 'close ended' atau berbentuk objektif dimana responden dikehendaki memilih jawapan yang disediakan. Manakala soalan yang berbentuk open ended pula, responden diberi peluang mengemukakan pendapatnya sendiri di tempat kosong yang disediakan. Sepatutnya pengkaji sendiri yang menulis jawapan yang diberikan oleh responden tersebut tetapi responden itu diberi kebebasan seandainya mereka ingin menulis sendiri.

Soal selidik yang diberikan itu mengandungi berbagai pertanyaan untuk mendapatkan data-data kuantitatif dan kualitatif.

Data-data kuantitatif ini ialah data-data untuk mendapatkan tentang latarbelakang pekerjaan, pendapatan, pendidikan, taraf perkahwinan, umur dan sebagainya.

Manakala data kualitatif pula, untuk mengetahui tentang sikap mereka terhadap kumpulan etnik yang lain, kerjasama dan perhubungan mereka dengan anggota kumpulan etnik yang lain, pendirian dan pandangan mereka terhadap persoalan-persoalan ugama, kahwin campur, dasar ekonomi baru dan politik juga sosial negara ini.

#### b) Temuramah

Disamping pengkaji mengemukakan soalan soal selidik kepada responden, pengkaji juga mengadakan temuramah secara informal dengan mereka dan tajuk-tajuk yang dikemukakan adalah berkisar masaalah yang mereka hadapi.

Temuramah juga diadakan dengan Pengetua Institut Dakwah PERKIM, di Jalan Universiti, Petaling Jaya, juga dengan beberapa orang guru-guru di situ untuk mengetahui tentang pelajaran yang diajar dan reaksi penuntut terhadap pelajaran tersebut.

Seterusnya, temuramah diadakan dengan beberapa orang pegawai

yang bekerja di Ibupejabat PERKIM, di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur, untuk mengetahui tentang sedikit sebanyak latarbelakang PERKIM itu sendiri sebagai badan yang bertanggungjawab mengislamkan orang-orang 'mualaf' ini.

c) Pemerhatian

Disamping pengkaji pergi ke rumah responden untuk menemui mereka, secara tidak langsung pengkaji dapat memerhati keadaan dan suasana rumah-rumah mereka.

d) Bahan-bahan kajian dari buku-buku teks

Buku-buku teks juga merupakan bahan rujukan yang penting disamping data-data yang diperolehi dari responden. Ini ialah kerana data-data yang diperolehi dari 55 orang responden tidak mencukupi (30 orang responden Melayu dan 25 orang responden Cina Islam).

Buku-buku teks juga boleh dijadikan sebagai garis panduan bagi kajian ilmiah ini kerana dengannya boleh dijadikan sebagai bahan rujukan berdasarkan kajian yang telah dibuat mengenai assimilasi sesuatu golongan etnik ke satu golongan etnik yang lain. Sebelum ini banyak kajian yang telah dibuat mengenai assimilasi dan penyesuaian dikalangan orang-orang yang baru memeluk ugama Islam. Dari kajian-kajian yang dibuat, didapati ramai yang mengkaji tentang masyarakat India Islam.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> contohnya seperti:-

- a) Azizah Ismail, Assimilasi dan Integrasi Di Kalangan Masyarakat India Muslim di Kampung Sungai Pinang, Pulau Pinang, Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1976/77.
- b) Norliyah Jaafar, Assimilasi dan Integrasi Masyarakat Barah Keturunan Arab Ke dalam Masyarakat Melayu, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1976/77.

Jarang-jarang sekali orang mengkaji tentang masyarakat Cina Islam.<sup>1</sup> Dengan ini segala konsep dan andaian yang telah dibuat itu boleh dijadikan sebagai perbandingan dengan data-data yang pengkaji perolehi sendiri.

Disamping buku-buku teks, segala makalah dan risalah mengenai PERKIM juga digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan keterangan yang lebih lanjut mengenai PERKIM kerana keterangan-keterangan seperti ini jarang-jarang terdapat di buku-buku teks.

#### e) Sampling.

Kaedah ini merujuk kepada bilangan responden yang hendak dikaji. Pengambilan secara simple random sampling ini terhadap 30 orang responden Melayu dan 25 orang responden Cina Islam, adalah dianggap dapat mewakili keseluruhan penduduk Cina Islam dan orang Melayu di Semenanjung Malaysia.

Untuk mendapatkan responden Cina Islam, pengkaji telah pergi ke ibupejabat PERKIM di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur dan di pejabat Majlis Ugama Islam Negeri Selangor, untuk mendapatkan nama dan alamat orang-orang Cina Islam yang tinggal di sekitar bandar Kelang, Selangor.

Bagi responden Melayu pula, pengkaji telah memilihnya secara arbitrary sehingga mencukupi jumlah 30 orang.

<sup>1</sup> contohnya seperti:-

- a) Hassan Talib, Masaalah Assimilasi Cina Muslim Ke dalam Masyarakat Dan Budaya Melayu, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1976/77.
- b) Norizan Murad, An Exploratory Study Of The Chinese 'Mualaf'(converts), Jabatan Atropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1976/77.

ii) Kesulitan yang dihadapi.

Dalam mendapatkan data seringkali menghadapi kesulitan. Didapati ada setengah responden enggan memberi kerjasama dan enggan memberikan jawapan ke atas soalan-soalan yang dikemukakan. Pengkaji telah menerangkan kepada mereka tentang tujuan kajian ini, tetapi ternyata masih terdapat kekuatiran di kalangan mereka tentang kedatangan pengkaji. Dalam hal ini pengkaji tidak mahu memaksa dan cuba mendapatkan responden yang lain pula.

Setengahnya pula tidak ada di rumah ketika ditemui, kerana mereka keluar bekerja atau ke tempat lain. Pengkaji telah meminta izin dengan ahli-ahli di rumahnya untuk menemuinya pada keesokan harinya, tetapi telah ditolak oleh ahli keluarga itu supaya jangan menemui responden tersebut.

Setengah-setengah alamat responden yang pengkaji perolehi itu tidak betul. Ini mungkin disebabkan penghuni rumah tersebut telah berpindah ke tempat lain atau sebagainya.

Untuk mendapatkan data-data yang konkret mengenai pendapat mereka tentang aspek ugama Islam, politik dan Dasar Ekonomi Baru, pihak responden teragak-agak untuk memberikan jawapannya. Mungkin ada rasa kekuatiran di kalangan mereka kerana soalan-soalan mengenai aspek tersebut dirasakan 'sensitif' bagi setengah-setengah mereka, jadi mereka memilih jawapan yang dirasakan 'baik' sahaja.

Ada setengah-setengah responden tidak begitu fasih bertutur Bahasa Malaysia sedangkan soalan yang dikemukakan adalah dalam Bahasa Malaysia. Dengan ini pengkaji terpaksa menggunakan bahasa Inggeris bagi responden yang tahu berbahasa Inggeris dan juga menggunakan bahasa Malaysia yang paling mudah difahami. Jadi, dalam hal ini 'terjemahan'

yang dilakukan mungkin kurang tepat dan jawapan yang diperolehi juga mungkin kurang memuaskan.

Pengkaji kurang puas hati terhadap jawapan yang diberikan kerana bukan semuanya lahir dari pendapat responden itu sendiri tetapi juga pengaruh dari orang-orang di sekeliling mereka (kawan-kawan, suami, isteri, anak dan lain-lain) tatkala pengkaji pergi menemuinya. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana responden 'segan' bila berhadapan dengan pengkaji secara berseorangan. Seringkali orang - orang di sekeliling responden itu menolongnya menjawab soalan-soalan secara tidak langsung walaupun pengkaji sudah memberitahunya supaya jangan berbuat demikian.

Dikhawatirkan akan berlakunya reactive measure<sup>1</sup> pada diri pengkaji sendiri kerana tatkala pengkaji cuba memahamkan soalan yang diberikan itu pengkaji cuba menerangkannya dengan memberikan contoh-contoh. Jadi, secara tidak langsung contoh yang diberikan itu dianggap sebagai jawapan oleh responden.

Kajian ini dimulakan hanya pada awal bulan April hingga akhir bulan Oktober 1979. Jadi, pengkaji telah mengalami kesuntukan masa tambahan pula tempat kajian dibuat di dua kawasan yang jauh jaraknya.

## 2. Pemilihan sampel (sample).

Responden yang dikaji adalah dari dua golongan etnik iaitu etnik Melayu dan etnik Cina.

Untuk mendapatkan responden etnik Melayu, seramai 30

<sup>1</sup> Reactive measure ialah satu alat pengukur (pengkaji) yang boleh mempengaruhi apa yang dikaji (responden).

orang, pengkaji telah memilih kawasan Pengerang, Johor iaitu kawasan tempat asal pengkaji sendiri. Pengkaji telah memilih secara 'arbitrary' untuk mencukupi bilangan 30 orang itu berdasarkan kepada kategori seperti berikut:-

- a) 5 orang terdiri dari para graduan
- b) 5 orang terdiri dari guru-guru sekolah menengah
- c) 10 orang terdiri dari guru-guru sekolah rendah
- d) 5 orang terdiri dari guru-guru sekolah ugama, imam atau bilal.
- e) 5 orang terdiri dari orang-orang yang bekerja sebagai buruh kasar.

Untuk mendapatkan responden etnik Cina (orang-orang Cina Islam), pengkaji telah mengategorikan kepada dua iaitu:-

- a) 12 orang terdiri dari para pelajar yang menuntut di Institut Dakwah PERKIM, Wisma Selangor, Jalan Universiti, Petaling Jaya.
- b) 13 orang terdiri dari orang-orang awam yang tinggal di sekitar bandar Kelang, Selangor.

Pada awalnya pengkaji hendak mendapatkan seramai 30 orang responden Cina Islam tetapi disebabkan oleh beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan, jadi pengkaji hanya memperolehi seramai 25 orang sahaja.

Pemilihan sampal dari dua golongan etnik ini adalah penting untuk melihat sejauhmana adanya penerimaan orang-orang Melayu sebagai golongan dominant terhadap golongan minority yang terdiri dari orang-orang Cina Islam.

## BAB II

### KONSEP DAN TEORI

#### 1. Pendahuluan

Konsep-konsep dan teori-teori yang telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana yang berkenaan adalah merupakan sesuatu yang penting untuk dijadikan sebagai panduan atau mencari jawapan sama ada konsep dan teori itu boleh diterima atau tidak. Dalam bab ini akan diuraikan serba sedikit mengenai konsep 'Assimilasi', 'Integrasi', 'Kumpulan Etnik', 'Hubungan Etnik', 'Kumpulan Minoriti' dan 'konsep Melayu dan Budaya'. Dengan berdasarkan konsep-konsep ini adalah diharapkan agar dapat memberikan gambaran mengenai tujuan kajian ini. Adakah orang-orang Cina Islam di Malaysia, yang merupakan golongan minoriti, dapat diassimilasikan atau diintegrasikan dengan masyarakat dan budaya Melayu yang merupakan golongan majoriti atau dominant. Disamping itu perlu difahamkan juga apakah yang dikatakan kumpulan etnik dan hubungan etnik.

#### 2. ASSIMILASI

Terdapat berbagai-bagai pengertian yang diberikan oleh sarjana-sarjana barat mengenai konsep assimilasi ini. Diantaranya ialah Richard J. Coughlin yang membuat kajiannya mengenai orang-orang Cina di Bangkok, Thailand. Beliau mengatakan,

" Assimilation is the process whereby individual and group of one society are incorporated into groups and institutions of other societies with which they are in contact. Complete assimilation in this sense implies the virtual merging of the individuals and groups in the contact situation

so that they cannot be distinguished as separate and distinct." <sup>1</sup>

Dengan ini proses assimilasi boleh berlaku atau akan berlaku bila ada contact atau hubungan diantara dua kumpulan manusia yang berlainan budaya melalui proses incorporation atau penyerapan di mana manusia dari satu kumpulan lain bergabung dan menjadi satu dengan kumpulan manusia yang lain sehingga kedua-dua kumpulan itu tidak dapat dipisahkan dan dibezakan.

Menurut kamus sosiologi pula, assimilasi itu didefinisikan sebagai,

" a term usually applied to an immigrant or ethnic minority in process of being absorbed socially into a receiving society. It implies a dispersion of the minority ecologically, their increasing participation in the social system of the majority group and a measure of acculturation sufficient eventually for the minority group to cease to be identifiable ". <sup>2</sup>

Yang dipentingkan di sini ialah partisipasi atau penglibatan orang-orang yang dari kumpulan minoriti ke dalam sistem sosial kumpulan majoriti yang mana akan mengujudkan assimilasi kumpulan yang berkenaan.

Dengan ini bolehlah dikatakan bahawa, assimilasi boleh berlaku dengan adanya angkubah-angkubah seperti berikut:-

1. Adanya golongan pendatang.
2. Bilangan golongan pendatang itu adalah kecil dari segi etnik.
3. Golongan pendatang itu adalah dalam proses penyerapan ke dalam masyarakat tempatan.

<sup>1</sup> Richard J. Coughlin, The Chinese in Bangkok - A Study of Cultural Persistence, Institute of Microfilms International, An Arbor, Michigan, 1969, ms: 5

<sup>2</sup> A.H. Richmond, A Dictionary of Sociology, ed. G.D. Mitchell, Routledge and Kegan Paul, London, 1973, ms: 9

Melalui angkubah-angkubah tadi, kemungkinan terdapatnya implikasi dalam proses assimilasi ini, iaitu golongan pendatang ini dipisahkan dari tempat tinggal atau terdapatnya pengasingan dari segi tempat tinggal. Jadi dengan ini, golongan pendatang tadi dapat mengambil bahagian dalam sistem sosial masyarakat tempatan sehingga luputnya ciri-ciri kebudayaan sendiri. Diantara golongan pendatang dan masyarakat tempatan boleh terjalin melalui perkongsian kenangan, sentimen dan sikap, pengalaman dan sejarah diantara kedua kumpulan tersebut. Ini adalah tepat seperti apa yang dikatakan oleh Park dan Burges. Kata mereka,

" a process of interpenetration and fusion in memories, sentiments, and attitudes of other person and by sharing their experience and history, are incorporated with them in a common cultural life ".<sup>1</sup>

Proses assimilasi yang disarankan oleh Park dan Burges ini ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan nilai. Nilai sesuatu unsur budaya itu dapat diserap, diterima dan seterusnya diamalkan oleh golongan pendatang tadi untuk masuk ke dalam host society. Jadi, assimilasi ini bolehlah dikatakan sebagai satu proses penyerapan segala unsur-unsur budaya sesuatu masyarakat oleh seseorang yang hendak masuk dan menyesuaikan diri ke dalam masyarakat tersebut. Terdapat faktor-faktor pendorong dan penghalang bagi proses assimilasi ini berlaku.

---

<sup>1</sup> Park and Burges, Introduction To The Science Of Sociology, 2nd.(ed), University of Chicago Press, 1921, ms: 735.

### Faktor pendorong

1. Adanya pertembungan diantara dua atau lebih individu atau kumpulan yang berlainan keturunan dan kebudayaan, khasnya di mana berlakunya kemasukan sesuatu kumpulan minoriti ke dalam sesuatu masyarakat yang lebih besar dan didapati satu pihak itu lebih besar dari pihak yang lain. Dengan ini, pihak yang lemah akan membuat lebih banyak penyesuaian dan perubahan dari pihak yang kuat.
2. Didapati perhubungan yang ujud hasil dari pertembungan itu akan kekal dan berterusan di dalam masyarakat yang dimasuki.
3. Interaksi yang ujud di kalangan ahli-ahli diantara dua pihak itu adalah hubungan yang bercorak asas dan mengujudkan perasaan kekitaan diantara semua anggota masyarakat tanpa mengira etniknya.
4. Perasaan kekitaan dan pengorbanan terhadap masyarakat yang dimasuki akan ujud.
5. Penguasaan dan pemahaman bahasa "ibunda" kumpulan tempatan oleh kumpulan mendatang akan dapat mempercepatkan lagi proses assimilasi.
6. Proses assimilasi akan cepat berlaku sekiranya terdapat penerimaan nilai-nilai baru masyarakat tempatan disamping meninggalkan nilai-nilai tradisional mereka.
7. Pemikiran yang liberal dan tidak terdapatnya ethnocentrism yang kuat terhadap institusi perkahwinan campur.

### Faktor penghalang

Faktor penghalang adalah lebih disebabkan oleh sikap yang dipegang oleh kedua-dua kumpulan minoriti dan kumpulan majoriti.

1. Sikap golongan pendatang yang sengaja mengasingkan diri mereka dari masyarakat tempatan dan didapati mereka masih tinggal di dalam kelompok sesama mereka.

2. Masyarakat tempatan juga enggan menerima golongan pendatang kerana menaruh prasangka terhadap golongan pendatang.

Jenis-jenis dan ukuran assimilasi

Milton M. Gordon,<sup>1</sup> telah membahagikan assimilasi ini kepada tujuh jenis yang berasaskan kepada aspek-aspek perubahan. Pembahagian ini semata-mata untuk memudahkan kajian dan bukan pembahagian yang dapat dipisahkan dengan jelas. Saperti kata Simpson,

" This conceptual scheme provides the most satisfactory criteria yet proposed for measuring assimilation and for determining to what extant it is taking place ".<sup>2</sup>

Pembahagian Gordon itu adalah seperti berikut:-

1. Assimilasi kebudayaan atau perlakuan. Dengan ini akan berlakunya perubahan pola kebudayaan mengikut corak kebudayaan masyarakat yang dimasuki (host society). Nilai assimilasi ini adalah dari jenis kepercayaan dan nilai.

2. Assimilasi struktur, dimana terdapatnya kemasukan orang-orang dari kumpulan yang mendatang secara meluas ke dalam clique, kelab dan institusi sosial masyarakat tuan rumah.

3. Assimilasi perkahwinan, apabila terdapat perkahwinan campuran yang meluas diantara kumpulan yang mendatang dengan masyarakat yang dimasuki.

<sup>1</sup> Milton M. Gordon, Assimilation In American Life, Oxford University Press, New York, 1964, ms: 71.

<sup>2</sup> G.E. Simpson, International Encyclopedia Of The Social Science, Vol. 1 ed. D.L. Sills, Macmillan Company, 1968, ms: 439.

4. Assimilasi identifikasi, sesuatu keadaan dimana ujud perasaan kekitaan yang diasaskan kepada masyarakat tuan rumah.
5. Assimilasi penerimaan sikap, iaitu tiadanya perasaan prasangka terhadap orang-orang yang berhubungan dengan mereka.
6. Assimilasi penerimaan perlakuan, iaitu satu keadaan tiada-nya diskriminasi terhadap orang-orang luar kumpulan yang mengamalkan kebudayaan sendiri, tetapi mereka berhubung dengan kumpulan majoriti.
7. Assimilasi sivik, iaitu keadaan dimana hilangnya konflik nilai dan perebutan kuasa diantara kedua pihak yang akan melahirkan pula satu sistem kebudayaan yang baru yang merupakan campuran dari kedua budaya yang terlibat.

Walaupun begitu, dari tujuh jenis pembahagian assimilasi ini, bukanlah merupakan sesuatu pembahagian yang rigid, tetapi ada kaitan rapat diantara satu sama lain.

### 3. INTEGRASI

Terdapat ramai ahli-ahli sosiologi yang memberikan pendapat mereka tentang integrasi, diantaranya ialah Auguste Comte yang mengatakan bahawa integrasi itu boleh dipandang dari dua aspek iaitu sosial statik dan sosial dinamik. Sosial statik ialah kajian ke atas keadaan yang sedia ada di dalam sesebuah masyarakat. Sosial order ialah satu fakta penting dalam sosial statik yang mana dapat mengujudkan perhubungan-perhubungan perlakuan yang setabil diantara individu-individu. Dengan ini anggota masyarakat mempunyai satu identiti budaya dan sosial yang sama.

Faktor yang penting dalam social order ialah consensus universalis masyarakat organisma sosial yang dibentuk oleh berbagai komponen yang sering bergantungan, kerana setiap individu akan memain-

kan peranannya untuk mencapai consensus dalam usaha mengujudkan dan seterusnya mempertahankan atau mengekalkan perhubungan yang harmoni di dalam masyarakat.

Terdapat tiga aspek dalam komponen integrasi kumpulan iaitu ekonomi, normatif dan saikologi sosial.

#### a) Ekonomi

Dalam aspek ini, perpaduan diantara individu dengan individu atau hubungan antara sistem-sistem sosial dalam masyarakat adalah didasarkan kepada faktor-faktor pengeluaran, pemilikan harta dan cara hidup. Emile Durkheim<sup>1</sup> mengatakan pembahagian tugas merupakan faktor penentu bagi hubungan solidarity di dalam komuniti dan ini terbahagi kepada dua jenis iaitu hubungan secara mechanical dan hubungan secara organic. Hubungan secara organic ini ialah satu situasi yang wujud dalam masyarakat industri di mana terdapat pembahagian tugas, pengkhususan kerja yang tinggi dan heterogenous (berbagai) di dalam kegiatan ekonomi dan sosial. Bentuk integrasi yang dapat digambarkan adalah berkeadaan longgar kerana berdasarkan kepada interest (kepentingan), hubungannya bercorak secondary (sementara), segmental dan impersonal.

#### b) Normatif

Ini adalah menunjukkan darjah atau tingkat kesedaran yang dapat dianggap sebagai satu unifying force di dalam masyarakat. Ogburn dan Nimkoff mengatakan,

"Concensus is a measure of integration: since concensus is a matter of degree scaled can be devised

<sup>1</sup> Lukes Emile Durkheim, His Life And Work, The Penguin Press, 1973, ms: 148 - 149.

to measure the extent to which a given opinion is held by the members of a group ".<sup>1</sup>

Oleh sebab itu persamaan nilai atau tingkat kesedaran yang sama mengenai nilai akan dapat mengurangkan konflik antara dua kumpulan sosial yang bertentangan. Dengan tercapainya consensus ini, solidarity dan social cohesion akan dapat dikekalkan.<sup>2</sup> Integrasi norma juga melibatkan unsur ethnocentrism iaitu satu kecenderungan untuk menganggap kedudukan mereka lebih baik dan tinggi (agong) daripada kebudayaan orang lain. Dengan ini akan dapat meninggikan lagi darjah integrasi di dalam kumpulan tersebut.

### c) Saikologi sosial

Terdapat dua aspek dalam integrasi jenis ini iaitu dari segi moral dan reference group. Aspek moral adalah bergantung pada moral setiap individu di dalam sesuatu masyarakat itu kerana dengan ini akan menentukan perasaan puashati atau kepuasan bersama terhadap individu lain di dalam masyarakatnya. Manakala reference group pula, sesuatu kumpulan itu membandingkan darjah integrasinya dengan sesuatu kumpulan yang lain.

R.A. Shermorhon pula mengatakan integrasi itu,

" A process whereby units or elements of a society are brought into an active and coordinated compliance with the ongoing activities and objectives of the dominant group in that society ".<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Ogburn and Nimkoff, A Handbook of Sociology, Routledge and Kagan Paul Ltd, London, ms: 8

<sup>2</sup> J.L. Horowitz, 'Concensus, Conflict and Cooperation, A Sociological Inventory, dalam Man and International Relations, vol.2, Chandler Publishing Co. California, ms: 228

<sup>3</sup> R.A. Shermorhon, Comparative Ethnic Relations, A Framework for Theory and Research, Random House, New York, 1970, ms: 14.

Dengan ini bolehlah dikatakan iaitu integrasi adalah satu proses penyesuaian seseorang individu ke dalam sesuatu masyarakat dimana perlu penglibatan dan penyertaan secara langsung dan individu itu terpaksa meninggalkan nilai-nilai tradisinya yang lama lalu mengikuti nilai-nilai tradisi masyarakat yang dimasukinya.

#### 4. ETNIK

Pengertian etnik menurut O.C.Cox adalah,

"The term 'ethnic' may be employed to refer to social relations among distinct peoples. Accordingly, an ethnic may be defined as a people living competitively in relationship of superordination subordination with respect to some other peoples within one state, country or economic area".<sup>1</sup>

Secara ringkasnya bolehlah dikatakan bahawa seseorang individu itu digolongkan ke dalam satu kumpulan etnik sekiranya mereka mempunyai faktor-faktor budaya yang sama dan perbezaan terhadap faktor-faktor budayalah yang menyebabkan seseorang itu digolongkan ke dalam kumpulan etnik yang lain. Perkataan etnik ini biasanya tidak disebutkan secara bersendirian tetapi biasanya disebut dengan perkataan kumpulan etnik ataupun hubungan etnik.

Menurut kamus sosiologi, kumpulan etnik adalah ber-maksud,

"A group with a common cultural tradition and a sense of identity which exists as a subgroup of a larger society. The members of an ethnic group differ with regard to certain cultural characteristics from the other members of their society. They may have their own language and religion as well as certain distinctive customs. Probably most important is their feeling of identification as a traditionally distinct group. Usually

<sup>1</sup>O.C. Cox, Caste, Class and Race, Monthly Review Press, New York, 1959, ms: 317.

the term is applied only to minority group, but if there are a number of culturally distinct groups in society some writers also refer to the dominant cultural group as an ethnic group ".<sup>1</sup>

Yang ditekankan di sini ialah persamaan budaya yang menjadi faktor yang membezakan ataupun sebagai a sense of identity. Ashley Montagu pula berpendapat,

"The term 'ethnic group' serves as such a challenge to thought and a stimulus to rethink the foundations of one's beliefs. The term 'race' takes for granted what should be a matter for inquiry. And this is the point that is raised when one uses the concomitant 'ethnic group'. It encourages the passage from ignorant or confused certainty to thoughtful uncertainty. For the laymen, as for others, the term 'race' closes the door on understanding. The phrase 'ethnic group' opens it, or at the very least, leaves it ajar ".<sup>2</sup>

Istilah-istilah yang diberikan di sini sebenarnya untuk mengelakkkan kekeliruan. Dengan ini kumpulan etnik adalah dirujukkan kepada kumpulan manusia yang merupakan sebahagian dari keseluruhan masyarakat. Secara praktisnya anggota kumpulan etnik itu dibentung oleh persamaan kebudayaan dan institusi asas seperti perlembagaan, agama dan bahasa kerana tiap-tiap satunya mempunyai folkways dan mores yang berbeza. Contohnya, seperti cara berpakaian, makanan, bentuk kesenian, perhiasan, kesusilaan, sistem nilai dan sebagainya. Secara ringkasnya kumpulan etnik itu ialah satu kumpulan manusia yang mempunyai ciri-ciri kebudayaan yang sama. Konsep kumpulan etnik ini tentunya berlainan dengan konsep hubungan etnik.

<sup>1</sup> George A. Theodorson and Achilles G. Theodorson, A Modern Dictionary Of Sociology, New York, Thomas Y. Gowell Co. 1969.

<sup>2</sup> Ashley Montagu, The Concept of Race (ed), Collier MacMillan, London, 1964, ms: 24

Hubungan etnik (ethnic relation) menurut pandangan R.E.Park sebagai,

"Race relations as that term is defined in use and went in United States, are the relations existing between people distinguished by marks of racial descent, particularly when these racial differences enter the consciousness of the individual's conception of himself as well as his status in the community".<sup>1</sup>

C.O. Cox pula berpendapat,

"We may think of race relations, therefore, as that behaviour which develops among peoples who are aware of each other's actual or imputed physical differences. Moreover, by race relations between persons of different 'races', but only those contacts the social characteristics of which are determined by a consciousness of 'racial' difference".<sup>2</sup>

Dalam hal ini Cox tidak mementingkan etnik dan katanya lagi,

"But if their behaviour tended to be fashioned by ethnic attitudes towards each other's actual or purported physical differences, then the situation may be called a social contact between ethnics, and it may be also referred to as race relation".<sup>3</sup>

Dengan ini timbul fenomena konflik, dimana berlakunya rusuhan, permogokan, pemberontakan, tunjuk-tunjuk perasaan, pemulauan dan lain-lain lagi apabila sesuatu kumpulan etnik itu mengadakan hubungan. Tetapi pendapat Cox ini kurang disetujui oleh R.E. Park yang mengatakan bahawa konflik hubungan etnik yang timbul itu sebenarnya untuk mendapatkan status yang baik dalam masyarakat. Kata beliau,

"The struggle for status .... is the very source and origin of the race problem as we know it. The man of lower caste, who is usually a man of different racial stock, is invariably 'all right in place'. It is when

<sup>1</sup> Robert Ezra Park, Race and Culture, London, The Free Press of Glencoe, 1950, ms: 81

<sup>2</sup> Op.cit. Cox : ms:320

<sup>3</sup> Ibid.

he seeks to rise that his presence, his occupation, and his position in society - if it is one in which his superiors are not accustomed to seeing him - is resented ".<sup>1</sup>

Dari apa yang disarankan oleh Park ini adalah tinjauan dari aspek ekonomi yang bercorak kapitalis, katanya,

" Modern race relations developed out of the imperialistic practices of capitalism ...."<sup>2</sup>

" Phenomenon of the capitalist exploitation of peoples and its complementary social attitudes ".<sup>3</sup>

Hubungan individu tanpa mengikuti etnik dalam sistem kapitalis adalah biasanya lebih berbentuk eksplorasi dari golongan yang kuat ke atas golongan yang lemah. Contohnya orang-orang Negro yang lemah dari segi ekonomi jika dibandingkan dengan orang-orang kulit putih, di Amerika Syarikat, adalah menjadi bahan penindasan orang-orang kulit putih ini.

Menurut Gunnar Myrdal yang mengatakan,

" ..... there is hardly any doubt that the major portion of the system of social segregation and discrimination against Negroes is a challenge to the American Creed. As this system is administered in practice, most of it is unconstitutional and even contrary to the state of laws which, in the South as in the North, are framed in terms of equality ".<sup>4</sup>

Sebenarnya tidak ada satu pendekatan yang tepat dalam mengkaji hubungan etnik ini. Terdapat berbagai-bagai ahli-ahli sosiologi dengan pendekatan yang berlainan. Contohnya seperti Allport yang menggunakan pendekatan prasangka, Bogardus dengan pendekatan jarak sosial, Adorno dengan pendekatan peribadi dan lain-lain lagi. Walaupun begitu

<sup>1</sup> Op.cit. Park, ms: 98

<sup>2</sup> Ibid. ms: 483

<sup>3</sup> Ibid. ms: 321

<sup>4</sup> Gunnar Myrdal, An American Dilemma: The Negro Problem and Modern Democracy, New York, Harper and Row, 1944, ms: 574.

kesemua pendekatan ini adalah saling lengkap melengkapi. Saperti kata Michael Banton,

"A subject like race relations has no pure theory of its own, but exists to bring together all that other sciences can contribute to the solution of problems within its own special field. In this it must draw not only upon pure social sciences, like economic, psychology and sociology and upon work in the biological sciences, but also upon the prospective and expertise which historians and geographers can furnish for the better understanding of relations in particular regions ".<sup>1</sup>

Dari keterangan di atas nyatakan bahawa etnik ber-maksud kaum, bangsa, ras atau sebagainya manakala kumpulan etnik adalah merupakan kumpulan orang yang mempunyai ciri-ciri budaya yang sama dan hubungan yang terjalin diantara kedua kumpulan etnik itu akan menyebabkan dua kemungkinan iaitu konflik ataupun integrasi. Tetapi pada kebiasaannya konflik mudah terjadi kerana didapati setiap kumpulan etnik itu mempunyai rasa prejedis terhadap kumpulan etnik yang lain.

### 5. KUMPULAN MINORITI

Oleh kerana orang-orang Cina Islam di Malaysia adalah kecil bilangannya dan bolehlah dianggap sebagai kumpulan minoriti. Jadi teori mengenai kumpulan minoriti (minority group) ini adalah wajar dipaparkan. Ini adalah semata-mata untuk menambahkan lagi pemahaman tentang bagaimana yang dikatakan kumpulan minoriti itu.

Menurut Louis Wirth, seorang ahli sosiologi mengatakan minoriti itu sebagai,

" a group of people who, because of their physical or cultural features are singled out from others in the

<sup>1</sup> Michael Banton, 'Sociology of race relation' dalam Race, vol.1, no.1, Nov. 1959, ms: 3

society which they live for differential or unequal treatment and therefore consider themselves as objects of collective discrimination ". 1

Wagley dan Harris pula mengatakan,

" a minority is a social group whose members are subject to disabilities in the form of prejudice, discrimination, segregation or persecution (or a combination of these) at the hands of another kind of social group ". 2

Keiteria yang sering digunakan untuk membezakan diantara kumpulan minoriti ini dengan majoriti ialah perbezaan dari segi unsur-unsur budaya, kerana perkara ini adalah mudah dilihat seperti yang dikatakan oleh Wagley dan Harris,

" minorities have special physical or cultural traits which are held in how esteem by the dominant segments of the society .... This disapproval ranges from ridicule or mere suspicion to hate. Such spacial characteristics of traits are most frequently difference from the dominant majority in physical appearance, and in language religion or other cultural traits ". 3

Menurut kamus sosiologi pula, minoriti itu sebagai,

" a subgroup within a larger group (ordinarily a society) bound together by some special ties of its own, usually race or nationality, but sometimes religion or other cultural affiliations ". 4

<sup>1</sup> Louis Wirth, 'The Problem Of Minority Groups' dalam The Science of Man In The World Crisis (ed) Ralph Linton, New York, Columbia University Press, 1945, ms: 247

<sup>2</sup> Lihat Wagley and Harris dalam Cohesion and Cleavage In A Chinese Muslim Minority, B. Pillsburg, 1973, ms: 228

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Henry P. Fairchild, Dictionary of Sociology, (ed), Gould New York, 1944, ms: 134

Dari pendapat-pendapat di atas, bolehlah dikatakan bahawa kumpulan minoriti atau kelompok kecilan ini sebagai satu kelompok manusia yang berlainan dari segi budaya, fizikal, sikap dan sebagainya dari kelompok majoriti. Biasanya segala prejedis dan diskriminasi oleh kelompok majoriti dikenakan ke atas kelompok kecilan ini sehingga menyebabkan integrasi di dalam kelompok menjadi kuat tetapi diantara dua kelompok itu menjadi longgar kecuali jikalau ada penyesuaian oleh kelompok minoriti dan penyesuaian itu diterima oleh kelompok majoriti. Dengan ini kelompok kecilan itu terpaksa lah menguatkan kedudukannya untuk mendapatkan persamaan yang sah dari segi politik, ekonomi dan sosial. Kumpulan minoriti ini biasanya adalah terdiri dari orang-orang yang mendarat.

#### 6. KONSEP MELAYU DAN BUDAYA

Oleh kerana di dalam kajian ini, golongan minoriti adalah terdiri dari orang-orang Cina Islam dan golongan majoriti pula ialah terdiri dari orang-orang Melayu, jadi sedikit sebanyak perlu diketahui tentang konsep Melayu dan budayanya. Ini adalah disebabkan oleh anggapan bahawa "memeluk ugama Islam" itu bererti juga "masuk Melayu". Anggapan ini adalah berdasarkan bahawa kebanyakan orang-orang Melayu itu berugama Islam dan kebudayaan yang diamalkannya ada juga yang berunsurkan Islam.

Adalah agak sukar untuk memberikan definisi yang tepat mengenai konsep Melayu dan kebudayaannya kerana setakat ini terdapat ramai sarjana-sarjana yang memberikan pendapatnya dan berbeza pula diantara satu sama lain. Ini adalah disebabkan kebudayaan Melayu adalah keseluruhan yang kompleks atau cara hidup keseluruhan orang-orang yang dikenal dengan orang-orang Melayu itu sekiranya ditinjau dari sudut ras, bahasa dan unsur-unsur budaya yang lain, meliputi seluruh manusia yang bukan

sahaja terdapat di Malaysia dan bahkan dilain-lain tempat di alam Melayu, yakni keseluruhan kompleks kebudayaan di rantau ini. Oleh kerana orang-orang Melayu di Malaysia merupakan sebahagian daripada orang-orang yang berasal dari satu rumpun yang sama, jadi kebudayaan mereka merupakan sebahagian daripada warisan Alam Melayu.<sup>1</sup>

Dalam konteks masyarakat Melayu dan kebudayaannya di - Malaysia yang terdapat pada hari ini, perlu dilihat dari segi sejarah perkembangan sosio-budayanya sebagai satu entiti yang telah diubahsuai dengan pengaruh-pengaruh luar kerana budaya itu bersifat dinamik. Bukan sahaja pengaruh dari golongan imigran atau penjajah tetapi adalah dari suku-suku yang berdekatan seperti suku-suku Bugis, orang-orang Melayu Minangkabau, Sumatera dan orang-orang Melayu Jawa yang membawa anasir budaya masing-masing dan didapati tiap-tiap suku tersebut ingin mengekal-kan kebudayaan sendiri. Anasir-anasir budaya inilah yang dapat dianggap sebagai kebudayaan Melayu dan tentunya ia bersifat diversiti.<sup>2</sup> Dengan ini belum lagi ujud satu konsep yang unggul mengenai Melayu atau bangsa Melayu apalagi kebudayaannya. Menurut kata Raja Mohd. Affendi bahawa bangsa (nation) tidak sesuai kerana bangsa adalah perkara baru dalam sejarah, oleh sebab itu memang tidak pernah ujud satu "bangsa Melayu".<sup>3</sup> Ada pula orang mengatakan bahawa, " Orang-orang Melayu ialah orang-orang yang bertutur bahasa Melayu, mengikut adat resam Melayu dan tinggal di kepulauan Melayu ".<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Aziz Deraman, Masyarakat Dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, 1975, ms: 25

<sup>2</sup> Ibid, ms: 26

<sup>3</sup> Lihat, Raja Mohd Affendi, 'Konsep Melayu' - Satu Penjelasan, di dalam Dewan Masyarakat, DBP, 1975, ms: 39

<sup>4</sup> Lihat, 'Tokoh-tokoh Yang Agong Dalam Sejarah', Ibid, ms: 7

Konsep Melayu dari segi Perlembagaan Malaysia pula, ialah bahawa seseorang itu dikatakan Melayu apabila bertutur dalam bahasa Melayu, menganut ugama Islam dan mengamalkan adat resam serta kebudayaan Melayu. Tetapi menurut Enakmen Kedah dan Perlis, orang-orang Arab juga dikategorikan sebagai 'Melayu' kerana boleh bertutur bahasa Melayu atau apa jua bentuk bahasa 'Malayan' dan menganut ugama Islam.<sup>1</sup>

Menurut perkara 160, Pasal 2, dalam Perlembagaan Malaysia yang mengatakan,

"Melayu ertiinya seseorang yang menganut ugama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan:-

- i) Lahir sebelum hari merdeka di Persekutuan atau di - Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di - Persekutuan atau di Singapura atau pada hari merdeka, ia adalah 'berdomicile' di Persekutuan atau di - Singapura, atau
- ii) Ia adalah keturunan seseorang yang tersebut".<sup>2</sup>

Segala definisi-definisi di atas ternyata kurang tepat dan masih boleh diperbahaskan lagi. Dalam konteks kajian ini timbul persoalan untuk menentukan dalam kategori manakah hendak diletakkan orang-orang Cina yang berugama Islam ini. Ada setengah-setengah dari mereka mempunyai segala ciri-ciri yang menentukan "Melayu" atau tidaknya seseorang itu, akan tetapi malangnya mereka tidak dianggap Melayu tetapi masih dianggap Cina.

<sup>1</sup> Lihat, 'Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948' oleh Tan Sri Mohd. Suffian bin Hashim, An Introduction to The Constitution of Malaysia, Cetakan Kerajaan, KL, 1972, ms: 248

<sup>2</sup> Perlembagaan Persekutuan, 1970, Bab 12, Perkara 160 (2), ms: 148

## 7. Kesimpulan

Terdapat kekaburuan di dalam penggunaan istilah-istilah mengenai ras, bangsa, etnik, kaum, suku dan sebagainya, yang digunakan untuk menerangkan maksud jenis atau sekumpulan manusia yang seketurunan, yang digelarkan dengan nama Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi. Di Malaysia, penggunaan istilah-istilah tersebut adalah dengan sewenang-wenang sahaja. Boleh dikatakan kesemua istilah-istilah tersebut, telah disamaartikan secara sesuka hati si pemakainya. Jelas kalau diperhatikan di dalam ucapan-ucapan menteri, di dalam buku-buku, majalah-majalah maupun akhbar-akhbar, yang sering digunakan ialah "kaum" dan "bangsa" dan kedua-duanya ini dimaksudkan sebagai etnik.

Menurut pendapat pengkaji berdasarkan pada tanggapan umum masyarakat Melayu di dalam konteks negara Malaysia, bahawa yang menentukan ciri-ciri kemelayuan itu ada banyak. Pertamanya, seseorang Melayu itu mesti bercakap Melayu, berpakaian seperti orang-orang Melayu (sekurang-kurangnya memiliki baju Melayu atau beridentitikan Melayu, termasuklah jenis kain (songket, batik, pelekat), corak kain dan fesyen). Selain daripada itu ciri-ciri fizikal juga ditekankan iaitu orang-orang Melayu biasanya berkulit sawo-matang, berambut hitam dan mempunyai bentuk muka yang biasa dikenali. Walaupun begitu ada kekecualian bagi orang-orang yang telah 'diangkat' oleh orang-orang Melayu sejak kecil lagi seperti orang-orang Cina, India atau lain-lain, kerana mereka ini diterima oleh masyarakat Melayu.<sup>1</sup> Disamping itu orang-orang Melayu mesti lah berugama Islam, dengan ini segala world-view yang dimiliki oleh

<sup>1</sup> Lihat Azizah Ismail, Assimilasi dan Integrasi di kalangan Masyarakat India Muslim, Kg. Sg. Pinang, Pulau Pinang, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UM, 1976/77

orang-orang Melayu juga kebanyakannya berdasarkan kepada ugama Islam, alam sekeliling (alam Melayu) dan biasanya berbau "kekampungan". Ini adalah disebabkan kebanyakkan orang-orang Melayu itu tinggal di kampung-kampung. World-view orang-orang Melayu ini juga mempengaruhi cara mereka berfikir dan juga cara menilai sesuatu perkara. Orang-orang Melayu juga menentukan ciri kemelayuan itu kadang-kadang berdasarkan sistem politik mereka.

Namun begitu istilah-istilah "ras" dan "etnik" amat kurang difahami oleh masyarakat umum dan ianya jarang-jarang digunakan. Biasanya istilah-istilah seperti ini hanya difahami oleh golongan intelektual yang berpendidikan sekular kerana istilah-istilah tersebut adalah dipinjam dari istilah barat. Walaupun buat masa ini sudah ada peresapan istilah-istilah tersebut ke dalam perbendaharaankata bahasa Malaysia, namun pengertiannya masih kabur.

Dari ciri-ciri kemelayuan yang telah disebutkan di atas, didapati konsep Melayu itu tidak statik, tetapi adalah dinamik. Di samping ciri-ciri tersebut, yang menentukan seseorang itu Melayu ialah tempat lahir (menurut Perlembagaan Malaysia). Penentuan ini agak longgar. Tempat lahir yang dimaksudkan itu sepatutnya di alam Melayu, bukannya di Malaysia sahaja, kerana "Melayu" itu adalah hak milik alam Melayu. Jadi, faktor tempat lahir dengan disertai oleh world-view Melayu dan ciri-ciri lain adalah unsur terpenting yang menandakan konsep Melayu itu dinamik. Tetapi ada kekecualiannya di kalangan orang-orang India Islam, kerana orang-orang ini berugama Islam (sama dengan ugama orang-orang Melayu). Alasan yang paling logik tentang penerimaan ini ialah orang-orang India Islam ini sudah lama bermustautin di negara ini, juga menurut sejarah telah bersama-sama orang-orang Melayu menentang Portugis dan Belanda atas sebab-sebab ugama. Tambahan pula dari segi politik

dan ekonomi orang-orang India Islam ini dirasakan tidak mencabar orang-orang Melayu. Dari segi perilaku orang-orang India Islam ini juga mempunyai banyak persamaan dengan ciri-ciri kemelayuan. Berbeza pula dengan orang-orang Cina Islam, nampaknya penerimaan mereka oleh orang-orang Melayu ke dalam kategori "Melayu" adalah negatif. Ini adalah kerana kemunculan orang-orang Cina Islam di negara ini merupakan satu fenomena baru. Orang-orang Melayu yang telah lama menganut ugama Islam, merasakan "khuatir" apabila melihat pengislaman secara beramai-ramai dari golongan Cina, terutama selepas peristiwa 13 Mei dan di-tahun-tahun kebelakangan ini. Berdasarkan kajian yang dibuat, situasi ini juga menimbulkan prasangka di kalangan orang-orang Melayu bahawa pengislaman mereka ini mempunyai muslihat tertentu. Disaat-saat orang-orang Melayu menyedari dan melaung-laungkan kemiskinan dan kemunduran bangsanya, serentak dengan itu keadaan politik dan ekonomi orang-orang Cina (termasuk orang-orang Cina Islam) semakin mencabar keadaan politik dan ekonomi orang-orang Melayu. Atas sebab-sebab inilah yang menjadi-kan orang-orang Cina Islam itu sukar diterima oleh orang-orang Melayu, tambahan pula mereka mempunyai kebudayaan yang berbeza, terutama dari segi pakaian. Namun begitu jika dikatakan atas issue ugama Islam, dan bukan issue etnik, mereka ini dapat diterima sebagai "seugama" oleh orang-orang Melayu.

### BAB III

#### LATARBELAKANG SOSIO-EKONOMI RESPONDEN

##### 1. Pendahuluan

Bab ini bermaksud untuk memberikan latarbelakang responden dari segi umur, jantina, taraf perkahwinan, taraf pendidikan, pekerjaan dan taraf perkahwinan. Pada responden Cina Islam akan diberikan latarbelakang tentang tempat lahir, tarikh mula masuk Islam, sebab-sebab memeluk ugama Islam dan tempat-tempat atau institusi-institusi yang merupakan tempat mereka mendapat ajaran Islam.

##### 2. RESPONDEN CINA ISLAM

###### 2.1 Umur

Pentingnya membincangkan umur responden Cina Islam ialah untuk mengetahui orang-orang dalam peringkat umur mana menunjukkan kecenderongan untuk memeluk ugama Islam. Biasanya para remaja atau para belia adalah lebih bebas atau lebih senang untuk menerima sesuatu yang baru, ini adalah disebabkan mereka itu kebanyakannya terdiri dari pelajar-pelajar atau orang-orang yang broad-minded dan sentiasa mengikuti perkembangan peristiwa-peristiwa semasa. Golongan ini juga dikatakan tidak bersikap rigid dan senang membezakan sesuatu yang baik atau buruk. Kenyataan ini ada kebenarannya kerana dari kajian yang diluat didapati seramai 13 orang (52%) dari responden yang memeluk ugama Islam itu adalah terdiri dari mereka yang berada di dalam lengkungan umur 21 - 25 tahun, dan angka ini adalah merupakan yang tertinggi sekali. Ini adalah berbanding dengan peringkat umur 15 - 20 tahun dan 26 - 30 tahun yang masing-masing berjumlah 4 orang (16%). Terdapat seramai 2 orang (8%) dalam lingkungan umur 36 - 40 tahun dan hanya seorang (4%) sahaja

dari mereka yang tergolong dalam lingkungan umur 31 - 35 tahun. Dalam kajian ini, jumlah yang memeluk ugama Islam dari golongan yang lebih tua didapati kurang jumlahnya jika dibandingkan dengan golongan yang lebih muda. Ini mungkin disebabkan mereka kurang menerima pendidikan secara formal yang menjadikan fikiran mereka menjadi terbuka kepada perkembangan-perkembangan semasa, lantaran itu generasi mereka ini bolehlah dikatakan lebih "konservertif" dan masih kuat mempertahankan adat dan amalan tradisi yang ada. Untuk lebih jelas tentang lingkungan umur ini sila lihat jadual I.

#### Jadual I

Taburan Umur Responden Mengikut Jantina

Umur(th)	lelaki	Perempuan	Jumlah	%
15 - 20	1	3	4	16
21 - 25	10	3	13	52
26 - 30	3	1	4	16
31 - 35	-	1	1	4
36 - 40	2	-	2	8
41 - 45	-	-	0	0
46 - 50	-	-	0	0
51 - 55	-	1	1	4
Jumlah	16	9	25	100

#### 2.2 Taraf Perkahwinan

Ini adalah bertujuan untuk melihat apakah taraf perkahwinan itu menghalang mereka untuk memeluk ugama Islam atau adakah mereka yang memeluk ugama Islam itu terdiri dari mereka yang telah berumahtangga atau yang masih bujang. Dari kajian ini, seramai 11 orang (44%) responden sudah mendirikan rumah tangga dan ini terdiri dari 6 orang lelaki dan 5 orang perempuan. Manakala yang belum berumahtangga adalah seramai 14 orang (56%) dan terdiri dari 10 orang lelaki dan 4 orang perempuan. Dengan

ini bolehlah dikatakan mereka yang masih bujang adalah lebih ramai memeluk ugama Islam dari mereka yang telah berumahtangga tetapi ini bukan bererti taraf perkahwinan itu menghalang mereka dari memeluk ugama Islam. Sementara itu terdapat juga setengah dari responden yang memeluk Islam itu disebabkan ingin berumahtangga dengan orang-orang Islam. Untuk lebih lanjut mengenai taraf perkahwinan responden, sila lihat jadual II.

Jadual II

Taburan Taraf Perkahwinan Di Kalangan Responden

Perkara	lelaki	Perempuan	Jumlah	%
sudah	6	5	11	44
belum	10	4	14	56
Jumlah	16	9	25	100

2.3 Tempat Lahir

Walaupun responden yang ditemui adalah di Selangor, tetapi tidak bererti responden itu dilahirkan di Selangor. Kebanyakan mereka telah berpindah ke Selangor atau ke Kuala Lumpur kerana beberapa sebab. Didapati 7 orang (28%) responden berasal dari negeri Johor, tiap-tiap seorang (4%) responden, masing-masing berasal dari negeri Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Kedah dan Pulau Pinang. Sementara seramai 3 orang (12%) berasal dari negeri Melaka dan seramai 10 orang (40%) berasal dari negeri Selangor. Namun begitu jumlah yang berasal dari Selangor masih merupakan bilangan yang teramat sekali, mungkin disebabkan hasil dari pergerakan dakwah yang pesat terutama di Kuala Lumpur dan Selangor. Tambahan pula PERKIM sebagai badan dakwah yang bertanggungjawab terhadap orang-orang Cina Islam ini adalah berpusat di Kuala Lumpur. Untuk melihat dengan

lebih jelas tentang tempat asal responden, sila lihat jadual III.

Jadual III

Taburan Tempat Asal Responden

Hengikut Negeri dan Jantina

Negeri	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
Johor	7	-	7	28
Selangor	2	8	10	40
Perek	-	1	1	4
Pahang	1	-	1	4
N.Sembilan	1	-	1	4
Kedah	1	-	1	4
Melaka	3	-	3	12
P.Pinang	1	-	1	4
Jumlah	16	9	25	100

2.4 Tarikh Mula Memeluk Ugama Islam Di kalangan Responden

Dengan melihat tarikh mula memeluk ugama Islam di kalangan responden, akan dapat diketahui ditahun manakah terdapat lebih ramai orang-orang Cina memeluk ugama Islam dan apakah perkara ini berlaku sejajar dengan perkembangan dakwah di negara ini. Sebagaimana yang diketahui, pergerakan dakwah agak pesat berlaku dalam tahun-tahun 1970an berikut dari pertumbuhan berbagai-bagai badan dakwah. Tentunya perkembangan ini sedikit sebanyak mempunyai perkaitan dengan tarikh mula memeluk ugama Islam di kalangan responden. Dari kajian yang dijalankan, didapati seramai 6 orang (24%) responden memeluk ugama Islam dalam tahun 1976, manakala seramai 4 orang (16%) memeluk ugama Islam dalam tahun 1977 dan 1979, sementara seramai 2 orang (8%) memeluk ugama Islam dalam tahun 1978 dan tiap-tiap seorang (4%) memeluk ugama Islam dalam tahun-tahun 1974, 1971, 1966, 1963 dan 1951. Disamping itu terdapat

seramai 4 orang (16%) lagi memeluk ugama Islam dalam tahun 1973 dan 1972. Sungguhpun begitu tidaklah bermakna dalam tahun-tahun tersebut tidak terdapat seorangpun yang memeluk ugama Islam tetapi mungkin terdapat di lain-lain negeri dan tidak terdapat dalam kawasan di mana kajian ini dijalankan. Apabila diperhatikan pada jadual IV, didapati tahun 1972 adalah merupakan tahun yang teramai sekali orang-orang Cina memeluk ugama Islam iaitu berjumlah 781 orang semuanya, bagi seluruh negeri Selangor.<sup>1</sup> Perbezaan bilangan orang-orang Cina yang memeluk ugama Islam dalam tahun ini didapati amat ketara dengan tahun-tahun lain (sebelum dan selepasnya). Perkara ini terjadi mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Pengkaji rasakan salah satu sebabnya ialah kemungkinan adanya tarikan dari pihak PERKIM yang mana PERKIM ada memberikan wang sebagai saguhati kepada sesiapa yang memeluk ugama Islam pada masa itu. Untuk melihat dengan lebih jelas tentang perkara ini, sila lihat jadual V.

Jadual IV

Bilangan Orang-orang Cina Yang Memeluk Ugama Islam  
Di Selangor Dari Tahun 1951 - 1972

Tahun	Jumlah	Tahun	Jumlah
1951	4	1966	103
1952	4	1967	169
1953	26	1968	95
1954	10	1969	102
1955	8	1970	117
1956	7	1971	127
1957	66	1972	781
1958	43	1973	454
1959	43	1974	208
1960	28	1975	104
1961	50	1976	48
1962	43	1977	28
1963	36	1978	37
1964	100	1979	35
1965	113		

\* sumber Jabatan Ugama Islam Selangor

<sup>1</sup> Wawancara dengan puan Wahida Kamalam Ambagay, Jabatan Ugama Islam Selangor, pada 2hb. Mei 1979

Jadual V

Taburan Tarikh Mula Memeluk Ugama Islam

Di kalangan Responden Mengikut Tahun

Tahun	lelaki	Perempuan	Jumlah	%
1979	3	1	4	16
1978	1	1	2	8
1977	2	2	4	16
1976	5	1	6	24
1975	3	-	3	12
1974	1	1	2	4
1973	-	-	-	0
1972	-	-	-	0
1971	-	1	1	4
1966	-	1	1	4
1963	1	-	1	4
1951	-	1	1	4
Jumlah	16	9	25	100

2.5 Ugama Sebelum Islam

Sebelum menganut ugama Islam, responden telah menganut berbagai-bagai ugama seperti Buddha, Keristian, Ikatan Tradisi (animism), Kuan Kong dan tidak kurang juga yang tidak berugama (atheis). Dari kajian yang dijalankan, didapati seramai 10 orang (40%) responden mengatakan mereka pernah menganut ugama Buddha. Terdapat pula seramai 3 orang (12%) mengatakan mereka pernah menganut ugama Keristian. Manakala seramai 2 orang (8%) mengatakan mereka pernah berpegang dengan kepercayaan animisma. Sementara seramai 8 orang (32%) mengatakan mereka tidak mempercayai sebarang ugama (atheis). Dengan ini bolehlah dikatakan bahawa orang-orang yang pernah menganut ugama-ugama besar di dunia samaada ugama wahyu atau tidak dan juga atheis adalah merupakan bilangan yang teramai memeluk ugama Islam jika dibandingkan dengan ugama-ugama lain. Ini akan lebih jelas dapat dilihat dalam jadual VI.

Jadual VI

Taburan Ugama-ugama Rersponden

Sebelum Menganut Ugama Islam

Ugama	lelaki	Perempuan	Jumlah	%
Buddha	6	4	10	40
Keristian	1	2	3	12
Atheis	6	2	8	32
Animisma	2	-	2	8
Kuan Kong	1	1	2	8
Jumlah	16	9	25	100

2.6 Sebab-sebab Menganut Ugama Islam

Ada berbagai-bagai sebab yang menyebabkan seseorang itu memeluk ugama Islam. Diantaranya mungkin disebabkan hendak berkahwin dengan orang Melayu, pujukan atau tarikan dari kawan-kawan, untuk mendapatkan perlindungan dari segi ekonomi, politik dan sosial dan sebagainya. Dari kajian yang dijalankan didapati responden hanya memberikan empat jawapan sahaja. Dari jawapan yang diperolehi, terdapat seramai 2 orang (8%) mengatakan mereka memeluk ugama Islam adalah disebabkan pujukan atau tarikan dari kawan-kawan. Ini adalah disebabkan pada masa dahulu mereka mempunyai kawan-kawan karib yang berugama Islam (sejak kecil hingga ke bangku sekolah). Seramai 2 orang (8%) mengatakan memeluk ugama Islam adalah bertujuan untuk berkahwin dengan orang-orang melayu atau Islam dan mereka menguatkan lagi alasan ini dengan mengatakan bahawa ini mungkin sudah suratan jodoh mereka. Manakala seramai 19 orang (76%) mengatakan mereka memeluk ugama Islam satelah berpendapat bahawa ugama Islam itu sebagai satu ugama yang suci dan baik mungkin

satelah mereka membezakan dengan ugama yang mereka anuti sebelum ini.<sup>1</sup> Sementara seramai 4 orang (16%) lagi responden memberikan alasan-alasan mereka bahawa memeluk ugama Islam seperti dalam perkara (4) - iaitu terdapat berbagai-bagai alasan yang diberikan seperti memeluk ugama Islam hanya mengikut keluarga, mereka mengatakan mereka telah mendapat petunjuk dan hidayah dari Allah pada masa itu, mereka menganut ugama Islam tidak disebabkan oleh sebab-sebab tertentu tetapi Allah telah membuka hatinya supaya menganut ugama Islam dan lain-lain lagi. Ini akan dapat dilihat seperti dalam jadual VII.

Jadual VII

Alasan-alasan Responden Memeluk Ugama Islam

Perkara	lelaki	Perempuan	Jumlah	%
1. Islam itu baik	13	6	19	76
2. Ajakan kawan	2 (4)*	-	2	8
3. Hendak kahwin dengan orang Melayu/Islam	-	(2)*	-	0
4. Lain-lain...	1	3	4	16
Jumlah	16	9	25	100

<sup>1</sup> Rengkaikata 'Islam itu baik' menimbulkan pertanyaan kepada responden. 'Baik' dalam pengertian apa sedangkan maknanya amat luas. Tetapi pengkaji telah menerangkan bahawa Islam itu adalah ugama yang paling lengkap dan sempurna yang merangkumi kehidupan di dunia dan akhirat jika dibandingkan dengan ugama-ugama lain.

\*Angka dalam kurungan menunjukkan bilangan responden yang menjawab dua kali. Seperti responden yang menjawab perkara (1) dan responden yang sama menjawab perkara (2).

## 2.7 Dari Mana Mendapat Ajaran Islam?

Ingin pula diketahui dari mana responden ini mendapat ajaran Islam. Institut Dakwah PERKIM, merupakan institusi yang terpenting dalam memberikan didikan ugama kepada orang-orang Cina Islam ini. Dari kajian ini, didapati seramai 13 orang (52%) responden mengatakan mereka mendapat ajaran Islam dari institut ini. Terdapat seramai 4 orang (16%) responden mengatakan mendapat ajaran Islam dari keluarga sendiri termasuklah suami atau isteri (bagi responden yang berumahtangga dengan orang Melayu/Islam), ada juga responden yang mengatakan mereka memeluk ugama Islam dengan hanya mengikut ibu bapa mereka, jadi ajaran Islam itu diperolehi dari keluarga sendiri.

Institusi mesjid juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya kerana terdapat seramai 7 orang (28%) responden mengatakan mendapat ajaran Islam dari mesjid. Ini adalah kerana mesjid merupakan tempat hubungan sosial yang terpenting bagi orang-orang Islam. Menurut Drs. Sidi Gazalba,<sup>1</sup> mesjid adalah bersifat kolektif. Fungsinya, selain dari tempat orang-orang Islam berkumpul untuk sembahyang khususnya untuk sembahyang Jumaat dan hari raya, juga adalah tempat untuk mengumumkan hal-hal penting yang bersangkutan dengan kehidupan masyarakat Islam. Pendidikan rakyat dan penerangan rakyat adalah merupakan sumber bagi orang-orang yang ingin mendalami pelajaran ugama dan di sini juga sering diadakan ceramah-ceramah ugama dan ada disediakan bahan-bahan bacaan. Sebagai tempat sosial, mesjid juga berfungsi sebagai 'hotel' bagi musafir, adalah juga merupakan institusi yang paling mudah dikunjungi. Disamping itu kawan-kawan juga merupakan faktor yang tidak ketara dalam menyampaikan

<sup>1</sup> Sila lihat Drs. Sidi Gazalba, Mesjid, Pustaka Antara Jakarta, 1975, ms: 118 - 125

sedikit sebanyak ajaran ugama kepada responden. Terdapat hanya seorang sahaja (4%) yang telah berusaha sendiri dalam mencari keradaan Allah melalui bahan-bahan bacaan, bertanya kepada orang-orang yang berpengetahuan dalam ugama Islam dan selalu menghadiri ceramah-ceramah ugama yang diadakan berhampiran dengan tempat tinggal beliau. Ini semua atas dorongan minat yang begitu mendalam terhadap ugama Islam. Faktor-faktor seperti ini akan dapat diketahui dengan lebih lanjut di dalam jadual VIII.

#### Jadual VIII

Faktor-faktor Sebagai Punca Mendapat  
Pengetahuan Islam Dikalangan Responden

Perkara	lelaki	Perempuan	Jumlah	%
1. Institut Dakwah PERKIM	9	4	13	52
2. Keluarga/suami/isteri	2	2	4	16
3. Mesjid, bahan-bahan bacaan, ceramah, kawan	5	2	7	28
4. Usaha sendiri	-	1	1	4
Jumlah	16	9	25	100

#### 2.8 Kebolehan Responden Bertutur, Menulis Dan Membaca

##### i) Kebolehan Bertutur

Oleh kerana bahasa sebagai alat perantaraan yang paling utama bagi setiap orang, jadi adalah agak menarik kalau dikaji apakah bahasa yang sering digunakan oleh responden atau dengan kata lain kebolehan bertutur di kalangan responden. Boleh dikatakan kesemua responden (100%) boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina dengan sepenuhnya (walaupun sekurang-kurangnya 'bahasa pasar'). Manakala

yang boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris adalah seramai 24 orang (96%). Sebagaimana yang diketahui ketiga-tiga bahasa tersebut adalah merupakan bahasa-bahasa yang utama dan sering digunakan oleh kebanyakan rakyat di-negara ini untuk berintraksi diantara satu sama lain. Secara tidak langsung ada penerimaan terhadap bahasa-bahasa tersebut di kalangan responden. Untuk mendapatkan keterangan yang lebih lanjut tentang perkara ini sila lihat pada jadual IX.

Jadual IX

Taburan Kebolehan Responden Bertutur

Bahasa Malaysia, Cina dan Inggeris

Kebolehan bertutur	lelaki	Perempuan	Jumlah	%
1. Bahasa Malaysia	16	9	25	100
2. Bahasa Cina	16	9	25	100
3. Bahasa Inggeris	16	8	24	96

ii) Kebolehan Menulis

Disamping bertutur, kebolehan menulis juga adalah penting bagi setiap orang. Dari kajian ini, kesemua responden (100%) boleh menulis dalam Bahasa Malaysia, dan seramai 17 orang (68%) daripada mereka tahu menulis dalam Bahasa Cina. Keadaan ini jika dibandingkan dengan jadual VIII, didapati peratus ini menurun. Ini disebabkan ada diantara mereka hanya boleh bertutur dalam loghat-loghat tertentu sebagai bahasa per-tuturan sehari-hari. Manakala seramai 24 orang (96%) responden mengata-kan mereka tahu bertutur dalam Bahasa Inggeris. Ini akan dapat diperhati-kan saperti dalam jadual X.

Jadual X

Taburan Kebolehan Responden Menulis

Dalam Bahasa Malaysia, Cina, Inggeris

Kebolehan menulis	lelaki	Perempuan	Jumlah	%
1. Bahasa Malaysia	16	9	25	100
2. Bahasa Cina	14	3	17	68
3. Bahasa Inggeris	16	8	24	96

iii) Kebolehan Membaca

Kebolehan membaca juga adalah merupakan perkara yang penting bagi setiap orang. Berkaitan dengan kebolehan bertutur dan membaca, didapati juga kesemua responden (100%) mengatakan mereka boleh membaca di dalam Bahasa Malaysia. Seramai 17 orang (68%) mengatakan mereka boleh membaca dalam Bahasa Cina. Sementara seramai 24 orang (96%) responden mengatakan boleh membaca dalam Bahasa Inggeris. Sila lihat jadual XI.

Jadual XI

Taburan Kebolehan Responden Membaca

Dalam Bahasa Malaysia, Cina, Inggeris

Kebolehan membaca	lelaki	Perempuan	Jumlah	%
1. Bahasa Malaysia	16	9	25	100
2. Bahasa Cina	14	3	17	68
3. Bahasa Inggeris	16	8	24	96

Jika diteliti dari jadual IX, X, dan XI, ternyata tidak ada responden yang buta huruf. Sebilangan besar dari mereka boleh bertutur, menulis dan membaca dalam Bahasa Inggeris kecuali hanya seorang (4%) sahaja. Ini adalah disebabkan beliau tidak bersekolah langsung. Ada setengah-setengah responden terutama dari kalangan pelajar ada mengatakan mereka boleh berbahasa Arab tetapi tidak secara mendalam sebab mereka baru mempelajarinya. Kebolehan bertutur, menulis dan membaca ini ada kaitannya dengan latarbelakang pelajaran mereka yang akan diterangkan kemudian.

### 2.9 Pendidikan

Pendidikan merupakan faktor yang penting dalam menentukan seseorang itu mobile atau tidak. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat apakah orang-orang yang memeluk ugama Islam itu terdiri dari orang-orang yang berpelajaran tinggi atau sebaliknya. Berdasarkan kajian yang dibuat, terdapat hanya seorang (4%) sahaja responden yang tidak bersekolah langsung. Ini disebabkan pada masa beliau masih kecil, belum ada sekolah lagi di tempat beliau disamping nilai ibu bapa terhadap anak perempuan yang bersekolah adalah 'negatif'. Pada masa itu kenyataan ini memang benar terutama pada tahun-tahun 20an dahulu. Umur beliau sekarang lebih kurang 55 tahun. Terdapat seramai 4 orang (16%) responden yang bersekolah hanya setakat sekolah rendah sahaja. Manakala seramai 7 orang (28%) bersekolah hingga ke peringkat sekolah menengah rendah sementara itu seramai 13 orang (52%) lagi mereka mengatakan pernah bersekolah sehingga tamat tingkatan lima dan mencapai hingga ke peringkat HSC/STP.

Mengenai aliran sekolah yang diikuti oleh responden, ter-

dapat seramai 16 orang (64%) mengatakan mereka pernah mengikuti aliran Inggeris. Seramai 5 orang (20%) responden mengatakan mereka pernah mengikuti aliran Cina dan seramai 3 orang (12%) pernah bersekolah di dalam aliran Melayu. Untuk keterangan lanjut berkenaan hal ini, sila lihat jadual XII.

Jadual XII

Taburan Taraf Pendidikan Responden

Peringkat	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
Tidak bersekolah	-	1	1	4
Sekolah Rendah	2	2	4	16
Menengah Rendah	4	3	7	28
Menengah Atas	10	3	13	52
Jumlah	16	9	25	100

Kesimpulan dari keterangan di atas, bolehlah dikatakan bahawa kebanyakan responden yang memeluk ugama Islam adalah terdiri dari mereka yang berpendidikan rendah dan sederhana tetapi tidak dari orang-orang yang berpendidikan tinggi seperti lulusan universiti atau setaraf dengannya. Pendidikan formal yang diterima boleh menentukan nilai seseorang terhadap sesuatu perkara.

#### 2. 10 Pekerjaan

Terdapat berbaga-bagai jenis pekerjaan<sup>1</sup> yang dilakukan oleh responden, yang boleh dibahagikan kepada pekerjaan jenis 'white

---

<sup>1</sup> Pekerjaan di sini dimaksudkan pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan.

collar dan blue collar. Walaubagaimanapun terdapat seramai 5 orang (20%) bekerja sendiri iaitu berniaga. Dari kajian ini, terdapat seorang sahaja (4%) yang bekerja dalam tiap-tiap satu jenis pekerjaan sebagai Chemical Man, Juru Teknik, Formen, Pemandu Teksi dan Kerani. Didapati seramai 2 orang (8%) responden yang bekerja di kilang letronik. Sementara seramai 13 orang (52%) mengatakan mereka tidak bekerja dan mereka ini merupakan penuntut-penuntut di Institut Dakwah PERKIM. Dari jenis-jenis pekerjaan yang disebutkan, bolehlah dikatakan bahawa responden yang memeluk ugama Islam kebanyakannya dari kalangan status yang rendah dan sederhana dalam masyarakat, tidak dari mereka yang berstatus tinggi. Pekerjaan-pekerjaan yang dilakukan oleh responden ini dapat dilihat dalam jadual XIII.

Jadual XIII

Taburan Jenis-jenis Pekerjaan

Di kalangan Responden

Jenis pekerjaan	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
Berniaga	4	1	5	20
Chemical Man	1	-	1	4
Juru Teknik	1	-	1	4
Formen	1	-	1	4
Pemandu Teksi	1	-	1	4
Kerani	-	1	1	4
Kilang Letronik	-	2	2	8
Tidak bekerja	8	5	13	52
Jumlah	16	9	25	100

2.11 Pendapatan

Saperti juga pekerjaan, pendapatan yang diperolehi oleh seseorang boleh melambangkan status tertentu dalam masyarakat. Dalam kajian ini, didapati pada keseluruhannya responden Cina Islam ini ber-

taraf hidup sederhana. Perbezaan pendapatan bagi mereka yang bekerja adalah diantara \$700.00 dan \$100.00 sebulan. Walaupun begitu hanya seorang (4%) responden yang enggan memberikan butir-butir pendapatannya, kerana perniagaan yang beliau jalankan itu dikatakan mendatangkan pendapatan yang tidak tetap. Terdapat hanya seorang responden (4%) mengatakan berpendapatan diantara \$100.00 - \$200.00 sebulan. Seramai 2 orang (8%) responden mengatakan berpendapatan diantara \$300.00 - \$400.00 sebulan. Seramai 3 orang (12%) yang masing-masing berpendapatan diantara \$401.00 - \$500.00 sebulan dan \$501 - \$600.00 sebulan. Untuk melihat dengan lebih jelas lagi tentang perkara ini, sila lihat jadual XIV.

Jadual XIV

Taburan Pendapatan Responden

\$	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
Tidak Tentu	1	-	1	4
100 - 200	-	1	1	4
201 - 300	-	2	2	8
301 - 400	2	-	2	8
401 - 500	3	-	3	12
501 - 600	2	1	3	12
Tiada pendapatan	8	5	13	52
Jumlah	16	9	25	100

### 3. RESPONDEN MELAYU

Telah dikatakan dalam bab Pendahuluan, iaitu pengambilan sampai responden Melayu adalah berdasarkan kepada lima kategori mengikut kecapaian akademik dan status masing-masing. Walaubagaimanapun segala jadual-jadual mengenai responden Melayu, pengkaji tidak mengasingkan mengikut kategori tersebut tetapi dibuat secara keseluruhan. Kategori-kategori

tersebut adalah seperti buruh, guru-guru sekolah rendah, guru-guru sekolah menengah rendah dan atas, guru-guru sekolah ugama dan graduan. Kategori ini dibuat semata-mata untuk mengetahui perbezaan pendapat responden-responden tersebut terhadap orang-orang Cina yang memeluk agama Islam berdasarkan latarbelakang pendidikan yang berbeza.

### 3.1 Umur

Oleh kerana kajian ini mementingkan sikap dan pendapat responden, jadi pengkaji rasakan bahawa umur juga memainkan peranan penting kerana dalam hal ini berlainan peringkat umur akan membahukan pendapat yang berlainan juga. Dari kajian yang dibuat, terdapat hanya seramai seorang sahaja (3.3%) responden yang berumur diantara 41 - 50 tahun, seramai 6 orang (20%) responden berumur diantara 31 - 40 tahun dan seramai 23 orang (76.6%) responden berumur diantara 20 - 30 tahun. Didapati bilangan ini merupakan bilangan yang terbesar sekali kerana kebanyakan responden yang ditemui adalah terdiri dari guru-guru muda yang baru sahaja tamat dari mengikuti kursus di maktab-maktab perguruan. Untuk lebih jelas melihat umur responden Melayu, sila lihat jadual XV.

Jadual XV

Taburan Umur Responden Melayu Mengikut Jantina

Umur(th)	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
20 - 30	7	16	23	76.6
31 - 40	5	1	6	20
41 - 50	1	-	1	3.3
Jumlah	13	17	30	100

### 3.2 Pendapatan

Pendapatan seseorang biasanya melambangkan gaya hidup

dan status seseorang itu. Taraf hidup yang berlainan melahirkan pandangan yang berlainan. Oleh kerana pengambilan sampal responden Melayu ini kebanyakannya dari kalangan guru-guru, jadi pengkaji rasa-kan tidak perlu dipaparkan tentang pendapat mereka kerana boleh dikatakan pendapat mereka lebih kurang sama. Oleh sebab itu adalah lebih baik kalau dihuraikan tentang peranan status dan gaya hidup mereka ini di dalam masyarakat. Sebagaimana yang diketahui umum, status yang diberikan oleh masyarakat Melayu hari ini kepada seseorang itu adalah berdasarkan kepada jenis pekerjaan dan pengetahuan ugama. Dengan mempunyai pengetahuan ugama yang luas, alim dan warak, mereka ini diletakkan di status yang tinggi di sisi masyarakat. Lebih-lebih lagi bagi sesiapa yang mempunyai pekerjaan yang sempurna, terutama yang bergaji tetap dan bekerja dengan kerajaan. Disamping itu tingkat kecapaian pelajaran juga diperhingkan, terutama bagi sesiapa yang memiliki ijazah dari mana-mana universiti baik di luar atau di dalam negeri, tambahan pula kalau mereka ini mempunyai sifat-sifat yang baik dan terpuji — mereka ini disanjung tinggi. Status seperti ini juga akan melambangkan gaya hidup (life style) yang tersendiri. Bagi orang-orang "kerajaan" seperti guru-guru ini biasanya mampu membeli barang-barang mewah seperti kereta, TV, rumah besar dan sebagainya, lantas mereka ini dianggap kaya. Mereka ini mempunyai masa untuk membaca buku-buku, majalah-majalah, suratkhabar dan sebagainya yang menjadikan mereka berpengetahuan luas tentang sesuatu perkara maupun perkembangan-perkembangan semasa. Status dan gaya hidup ini juga mencerminkan peranan seseorang di dalam masyarakat. Mereka ini disegani, dihormati dan sering diminta pertolongan terutama

<sup>1</sup> Untuk lebih lanjut tentang status dan gaya hidup, sila lihat Nordin Selat, Kelas Menengah Pentadbir Melayu, Utusan Melayu, KL, 1976.

dalam hal membacakan atau membuat surat-surat resmi kerajaan. Bagi imam, bilal, dan guru ugama pula fungsi mereka ini menjadi ketara terutama di majlis-majlis kenduri, kematian, perkahwinan dan sebagainya, yang bersangkutan dengan hal spiritual. Disebabkan oleh tugas mereka yang khusus dalam bidang ugama, jadi mereka ini dianggap lebih pintar dan lebih tahu dalam hal ugama dari orang-orang biasa.

### 3.3 Pelajaran

Dari jumlah seramai 30 orang responden Melayu yang ditemui, didapati kesemua responden tersebut pernah bersekolah walaupun hanya setakat darjah enam sahaja. Namun begitu ada juga responden yang bersekolah hingga setakat sekolah rendah sahaja iaitu seramai 8 orang (26%). Terdapat hanya seorang (3.3%) responden Melayu bersekolah sehingga tamat sekolah menengah rendah. Manakala seramai 2 orang (6.6%) responden bersekolah hingga tamat sekolah menengah atas. Ini termasuklah guru-guru lepasan maktab perguruan kerana mereka juga pernah menamatkan pelajaran hingga ke peringkat ini dan jumlah guru-guru ini adalah seramai 14 orang (46.2%) dan merupakan peratus yang tertinggi sekali. Terdapat seramai 5 orang (16.6%) responden pernah mencapai pelajaran hingga ke peringkat universiti. Dengan ini bolehlah dikatakan bahawa tidak terdapat seorang responden pun yang buta huruf dan sekurang-kurangnya mereka tahu membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia (rumi dan jawi). Tentang aliran sekolah yang diikuti pula, dari jumlah 30 orang responden yang ditemui terdapat seramai 12 orang (40%) yang mengatakan pernah bersekolah di sekolah aliran Inggeris. Seramai 17 orang (56.6%) responden bersekolah di sekolah aliran Melayu. Sementara hanya seorang sahaja yang bersekolah di sekolah aliran Arab.

Disamping responden ini mendapat pelajaran di sekolah kebangsaan, responden juga ada mengatakan mereka pernah mendapat pelajaran ugama secara formal dari sekolah-sekolah ugama kerajaan. Sebilangan besar dari mereka pernah tamat sehingga darjah Khas. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang taburan pelajaran responden Melayu, sila lihat jadual XVI.

Jadual XVI

Taburan Pelajaran Di kalangan Responden Melayu

Taraf pelajaran	lelaki	Perempuan	Jumlah	%
Tidak bersekolah	-	-	0	0
Tamat sekolah rendah	7	1	8	26.6
Sekolah menengah rendah	1	-	1	3.3
Sekolah menengah atas	-	2	2	6.6
Maktab Perguruan	5	9	14	46.6
Universiti	-	5	5	16.6
Jumlah	13	17	30	99.9

#### 4. Kesimpulan

Dari gambaran latarbelakang kedua-dua responden, sebagai kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa responden Cina Islam yang memeluk ugama Islam didapati ramai dari golongan muda (lelaki dan perempuan), kebanyakannya mereka ini belum berumahtangga dan mempunyai latarbelakang hidup yang sederhana dan sederhana tinggi, juga dari golongan orang-orang yang tidak berapa kaya. Sebelum menganut ugama Islam, sebahagian besar dari mereka pernah menganut ugama lain seperti Hindu, Buddha, Atheis, Keristian dan Animisma. Sementara responden Melayu pula, kebanyakannya terdiri dari kakitangan kerajaan dan buruh-buruh. Kategori seperti ini memang sengaja dibuat untuk mengetahui pandangan mereka ter-

hadap orang-orang Cina yang memeluk agama Islam yang jumlahnya semakin hari semakin ramai. Tidak dapat dikatakan bahawa faktor seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, pelajaran dan pendapatan itu dijadikan faktor atau ukuran yang menyebabkan seseorang itu memeluk agama Islam.

## BAB IV

### ANALISA TENTANG NILAI SOSIO-BUDAYA ORANG-ORANG CINA ISLAM

#### 1. Pendahuluan

Dalam bab ini dan bab V yang berikutnya, tumpuan perbincangan adalah mengenai nilai atau pandangan responden Cina Islam terhadap sosio-budaya, politik dan ekonomi. Tiap-tiap aspek ini tidak akan dibincangkan secara keseluruhan tetapi hanya disentuh beberapa masalah yang dirasakan penting dan ada kaitannya dengan responden. Disamping melihat kepada kes-kes responden Cina Islam, juga dikemukakan pendapat responden Melayu untuk mengetahui apakah mereka bersetuju dengan pandangan atau nilai yang telah diberikan oleh responden Cina Islam mengenai sesuatu perkara. Tujuan berbuat demikian ialah untuk mendapatkan dua pandangan yang berbeza dari dua kumpulan etnik yang berlainan. Kepentingan kajian mengenai 'nilai' ini ialah untuk melihat; pertama, apakah benar adanya prasangka di kalangan orang-orang Melayu terhadap orang-orang Cina Islam; kedua, apakah proses assimilasi itu benar-benar berlaku dikalangan orang-orang Cina Islam ini ke dalam masyarakat dan budaya Melayu.

Sosio-budaya adalah merupakan aspek yang penting dalam perbincangan ini kerana iaanya merangkumi segala tingkah laku perlakuan setiap individu terhadap unsur-unsur budaya seperti makanan, pakaian, ugama dan kepercayaan, adat istiadat dan sebagainya, yang diamalkan oleh mereka setiap hari.<sup>1</sup> Untuk memudahkan perbincangan, pengkaji membahagikan

<sup>1</sup> Untuk keterangan lanjut mengenai budaya sila lihat: Ralph Linton, Latar belakang Kebudayaan Dari pada Keperibadian, Fuad Hassan (terjemahan), Djakarta, Djaja Sakti, 1962. Lihat juga Koentjaraningrat, Radin Mas, Manusia dan Kebudayaan Di Indonesia, Djakarta, Djambatan, 1971.

aspek sosio-budaya ini kepada dua iaitu aspek material (kebendaan) dan aspek non-material (bukan kebendaan). Dari aspek kebendaan ialah seperti makanan dan pakaian manakala dari aspek bukan kebendaan pula seperti ugama, perkahwinan campur, kelahiran, kematian, jalinan hubungan sosial dalam masyarakat dan lain-lain.

## 2. ASPEK MATERIAL

### 2.1 Makanan

Makanan adalah merupakan keperluan asasi manusia dan kerana-nyalah manusia itu dapat membesar, berfikir, bergerak, berintraksi dan sebagainya. Makanan yang dimaksudkan di sini adalah sesuatu yang boleh dimakan dengan tidak mendatangkan kemudaratannya kepada diri individu itu. Manusia hidup mempunyai ugama dan kepercayaan, jadi ugama dan kepercayaan-kepercayaan inilah yang mengenakan batasan-batasan tertentu yang menentukan samaada sesuatu makanan itu boleh dimakan atau tidak.

Bagi orang-orang Islam ada konsep halal dan haram.<sup>1</sup> Apa-apa yang dihalalkan atau diharamkan dalam Islam adalah tidak sama dengan apa-apa makanan yang diharamkan atau dihalalkan oleh ugama lain. Sudah semestinya lah orang-orang yang baru memeluk ugama Islam itu menukar makanannya jika mengikut hukum ini.

Dari kajian yang dibuat, didapati semua responden (100%) telah menukar makanan mereka dari segi ini.<sup>2</sup> Ini bermakna mereka tidak lagi memakan makanan yang diharamkan oleh Islam seperti daging babi,

<sup>1</sup> Konsep halal dan haram adalah satu hukum yang mutlak terhadap sesuatu perkara dalam Islam. Haram ertiinya 'tidak dibolehkan' dan kalau dilakukan juga perkara yang diharamkan itu, dosa hukumnya. Manakala halal pula ialah sesuatu perkara itu 'dibolehkan' melakukannya.

<sup>2</sup> Perkara menukar makanan ini mempunyai dua pengertian. Pertama, menukar makanan mengikut hukum yang ditetapkan (halal dan haram). Kedua, menukar makanan dari segi jenis makanan yang dimakan.

minum arak dan sebagainya. Tetapi jika dipandang dari sudut budaya, jenis-jenis makanan yang dimakan itu tidak semestinya diubah. Contohnya jika biasanya mereka makan bubur dan makan dengan menggunakan sepit, perkara-perkara seperti ini masih terus diamalkan. Terdapat 24 orang (96%) yang mengubah cara makan dan jenis makanan mereka seperti makan nasi dan dengan menggunakan tangan. Hanya seorang (4%) yang masih belum dapat mengubahnya. Ini mungkin disebabkan tidak biasa dan kekok.

Bila ditanya tentang pernahkah responden melihat atau terpandang orang-orang Cina Islam yang lain makan makanan yang diharamkan oleh Islam, seramai 24 orang (96%) dari mereka mengatakan mereka tidak nampak perkara itu. Seorang sahaja (4%) yang mengatakan beliau pernah melihatnya dan beliau telah menasihatkan orang tersebut. Didapati sebilangan kecil sahaja diantara mereka yang melihat perkara tersebut dan mungkin disebabkan oleh hal-hal seperti;

1. Sebahagian besar dari sampai responden adalah terdiri dari penuntut-penuntut di Institut Dakwah PERKIM yang tinggal di asrama yang mana pengjagaannya adalah dikawal rapi oleh pengawas asrama. Ada beberapa responden lain yang telah mendirikan rumah tangga dengan orang-orang Melayu.
2. Kemungkinan kurangnya pergaulan diantara responden Cina Islam ini dengan orang-orang Cina Islam yang lain.
3. Kemungkinan tidak ada perbezaan yang ketara dari segi fizikal diantara orang-orang Cina Islam dengan orang-orang Cina yang bukan berugama Islam. Ini menimbulkan masalah untuk mengenali mereka.

Bagi responden Melayu, didapati seramai 5 orang (20%) dari mereka yang ada ternampak dan pernah melihat orang-orang Cina Islam ini melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam. Menurut mereka setengah-setengah dari orang-orang Cina Islam yang mereka kenali masih

lagi mengamalkan memakan daging babi seperti yang dijual di warong-warong atau mereka pulang ke rumah keluarga mereka yang tidak berugama Islam terutama semasa menjelang perayaan Tahun Baru Cina.<sup>1</sup> Biasa juga dilihat mereka turut serta mengiringi mayat ke tanah perkuburan Cina, selepas itu menghadiri jamuan yang diadakan oleh keluarga simati yang dihidangkan arak dan daging babi. Pernah juga dilihat orang-orang Cina Islam yang pergi memburu babi di hutan dan hasil tangkapan itu dijual atau dimakan. Perkara seperti ini amat bertentangan dengan ajaman Islam.

## 2. 2 Pakaian

Pakaian yang ideal dalam Islam ialah pakaian yang bersih dan menutup aurat.<sup>2</sup> Ini tidaklah bermakna pakaian itu ialah pakaian kebiasaan orang-orang Melayu seperti kain sarung, baju Melayu, songkok, baju kurung dan sebagainya, walaupun inilah tanggapan umum masyarakat. Dalam konteks negara ini, kebanyakan orang beranggapan bahawa pakaian Islam itu ialah pakaian Melayu kerana kebanyakan orang-orang Melayu itu berugama Islam.

Dalam kajian yang dibuat, persoalan yang dikemukakan berhubung dengan pakaian yang sesuai dengan Islam tetapi tidak pakaian Melayu itu yang dipentingkan sangat, kesemua responden (100%) berpendangan yang mengatakan bersetuju dengan kenyataan ini. Menurut pandangan mereka, bukan orang-orang Melayu sahaja yang berugama Islam, dan cara berpakaian seperti orang-orang Melayu ini bukan sesuatu yang 'standard' dalam Islam. Kalau pakaian orang-orang Melayu itu dikatakan pakaian

<sup>2</sup> Bersih erti bersih dari najis dan suci. Menutup aurat erti menutup bahagian badan sebagaimana yang ditentukan oleh Islam. Aurat lelaki ialah diantara bahagian pusat dan lutut dan aurat perempuan pula ialah seluruh anggota kecuali muka dan tapak tangan.

<sup>1</sup> Responden-responden Melayu ini pernah berkawan rapat dengan orang-orang Cina Islam.

orang-orang Islam, tetapi kenapa pula terdapat ramai orang-orang Melayu terutama kaum wanitanya yang berpakaian menjolok mata. Tambahan pula pakaian Melayu tradisional seperti baju kurung dan kebaya adalah ter-lalu beridentiti Melayu sedangkan mereka ini adalah orang-orang Cina. Menurut pandangan mereka lagi, Melayu, pakaian dan Islam adalah perkara yang berbeza diantara satu sama lain.

Walaupun begitu setengah dari responden Cina Islam ini ada memiliki sekurang-kurangnya sepasang atau lebih baju Melayu. Didapati 10 orang (40%) ada memiliki baju Melayu dan berpendapat ianya patut dipakai sekali sekala sahaja. Manakala 15 orang (60%) lagi tidak memiliki sepasang pun baju Melayu. Ini adalah disebabkan mereka berpendapat bahawa tidak perlu memakainya tambahan pula mereka tidak biasa dan malu.

Berhubung dengan pandangan responden terhadap pakaian wanita dalam Islam pula, didapati kesemua responden (100%) bersetuju kalau semua wanita Islam berpakaian menutupi aurat sebagaimana yang dituntut oleh ugama Islam.<sup>1</sup> Pandangan seperti ini lahir mungkin adalah disebabkan mereka ini melihat kepada 'trend' pergerakan Islam di Malaysia sekarang ini, yang bergerak kearah mengembalikan umatnya kepada penghayatan ter-hadap ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya. Jadi perkara-perkara seperti

<sup>1</sup> Sila lihat Al Quran Surah Al Ahzab, ayat 59, surah An Nur, ayat 31 dan beberapa hadith Nabi Muhamad s.a.w.

Sebagai contoh; seperti dalam Surah Al Ahzab, ayat 59 yang bermaksud, " Wahai Nabi! Katakanlah kepada isteri-isteri kamu, dan puteri-puteri kamu dan kepada wanita-wanita yang beriman hendaklah mereka menutup kepala dan melabuhkan tudung kepala hingga menutup dada mereka. Semoga dengan ini mereka mudah dikenali (bahawa mereka adalah wanita-wanita yang mulia) supaya mereka tidak akan diganggu (orang lelaki yang tidak sopan) ". Sesungguhnya Allah maha pengampun dan maha penyayang.

Contoh dari Hadith Nabi Muhamad s.a.w. yang berbunyi,

" Wahai anakku Fatimah!, ada pun perempuan-perempuan yang akan digantung rambutnya hingga mendidih otaknya dalam neraka adalah mereka itu di dunia tiada mahu menutup akan rambutnya daripada dilihat oleh lelaki (yang bukan suami dan muhrim) ".

ini adalah biasa terdedah kepada pengetahuan mereka.

Walaubagaimanapun pakaian orang-orang Melayu pada keseluruhannya menurut penilaian mereka adalah dikatakan baik, sopan santun, tidak menjolok mata dan sederhana. Mereka menganggap pakaian seperti ini tidak lebih dari pakaian kebudayaan orang-orang Melayu sahaja.

Dari pemerhatian pengkaji mengenai pakaian responden semasa kajian dijalankan, didapati kebanyakan responden lelaki memakai pakaian yang lazimnya dipakai oleh kaum lelaki iaitu berseluar panjang, berbaju kemeja atau kemeja 'T'. Manakala responden perempuan pula memakai kain sarung, blouse, dan ada setengahnya memakai tudung kepala. Mereka mengatakan pakaian seperti ini adalah yang paling selesa sekali.

### 3. ASPEK NON-MATERIAL

#### 3.1 Ugama dan Kepercayaan

Pentingnya mengkaji tajuk ini ialah untuk mengetahui apakah pandangan mereka terhadap agama Islam yang dikatakan universal dan untuk mengetahui apakah responden-responden ini mempunyai kepercayaan-kepercayaan tertentu.

Untuk mengetahui sedalam mana ilmu agama yang diperolehi oleh seseorang adalah satu perkara yang tidak mungkin kerana iaanya adalah susah hendak diukur dan relatif. Walaubagaimanapun kesemua responden (100%) mengatakan hanya sedikit sahaja ilmu agama yang mereka perolehi, tambahan pula mereka baru mempelajarinya secara sedikit demi sedikit. Tidak ada seorang pun responden yang mengatakan ilmu agama itu susah difahami, ini adalah kerana apa yang mereka pelajari itu ada kaitannya dan dipraktikkan dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Berdasarkan soalan yang berbunyi, "Adakah encik tahu bahawa

Islam itu adalah satu cara hidup yang lengkap yang mempunyai sistem-sistem politik, ekonomi dan sosialnya sendiri?"<sup>1</sup> Didapati kesemua responden (100%) mengetahui hakikat ini. Ini bukan sahaja diketahui melalui pengakuan mereka, malah rangkaikata ' Islam is a way of life' itu menjadi satu perkara yang tidak asing bagi mereka kerana ia sering disebut-sebut oleh para pendakwah masa ini.

Bersabit dengan perkara ini terdapat beberapa orang responden yang dengan tegas dan jelas mengatakan sistem yang ada pada hari ini dalam banyak hal adalah berlawanan dengan Islam. Juga sebahagian besar responden memperlihatkan persetujuan mereka berhubung dengan perkara-perkara seperti sistem politik, ekonomi dan sosial sebagaimana yang diamalkan oleh mana-mana negara pada masa ini, khususnya di Malaysia, kebanyakannya tidak menurut ajaran Islam. Oleh itu banyak perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam berlaku dengan berleluasa seperti rasuh, salah guna kuasa, zina, riba', penindasan dan bermacam-macam lagi, adalah kurang mendapat perhatian yang tegas.

Berhubung dengan perlaksanaan hukum Islam sepenuhnya di-Malaysia, terdapat seramai 17 orang (68%) yang mengatakan amat setuju, seramai 3 orang (12%) bersetuju tetapi bergantung kepada keadaan, manakala 5 orang (20%) mengatakan tidak setuju langsung. Mereka yang tidak bersetuju memberikan alasan bahawa, di Malaysia, ada berbagai etnik dan berbagai agama jadi jika hukum Islam dijalankan sepenuhnya, ini akan melibatkan orang-orang yang bukan beragama Islam dan ini adalah satu

---

<sup>1</sup> Berhubung dengan Islam sebagai cara hidup yang lengkap, sila lihat Al Quran surah Al Baqarah, ayat 2.

perkara yang tidak adil. Ini adalah bertentangan dengan pendapat mereka yang amat bersetuju supaya pelaksanaan hukum Islam ini dijalankan sepenuhnya. Sebagai contoh seorang dari mereka berpendapat,

"Malaysia adalah sebuah negara di mana umat Islam adalah sebagai umat resminya dan kebanyakannya pemimpinnya adalah terdiri dari orang-orang Islam. Tetapi malangnya mereka belum dapat lagi menegakkan sebuah negara yang berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Saya sebagai salah seorang rakyat Malaysia yang beragama Islam, sangat ingin melihat hukum Islam dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dan akhirnya akan terbentuk sebuah negara Islam seperti Pakistan, Iran dan lain-lain..."

Dua pendapat yang berbeza ini adalah disebabkan berbeza tingkat kecapaian ilmu agama mereka. Dari kajian ini didapati bahawa penuntut-penuntut di Institut Dakwah PERKIM lebih mengetahui dari hal ilmu agama jika dibandingkan dengan responden yang bukan dari kalangan penuntut. Ini tidaklah menghairankan kerana ilmu agama merupakan mata pelajaran-matapelajaran penting yang diajarkan kepada mereka.<sup>1</sup> Disamping itu mereka sering mendengar ceramah-ceramah agama dan membaca buku-buku agama yang disediakan untuk tatapan mereka setiap hari. Jadi, bolehlah dikatakan mereka ini memperolehi ilmu agama secara intensif jika dibandingkan dengan mereka yang memperolehnya secara bersendirian dan sambilan sahaja, sungguhpun jangkamasa mereka memeluk agama Islam itu lebih lama dari penuntut-penuntut tersebut.

Responden Cina Islam ini tidak mempunyai sebarang kepercayaan-kepercayaan tertentu. Pengkaji ingin mengetahui sekiranya ada kepercayaan-kepercayaan yang mungkin mereka warisi kerana sebagaimana yang diketahui mereka ini datang dari latarbelakang agama yang berbeza. Persoalan-persoalan yang ditanya mengenai kepercayaan-kepercayaan adalah

<sup>1</sup> Menurut En. Idris bin Ahmad, selaku pengajar di Institut Dakwah PERKIM, matapelajaran yang diajar adalah seperti Al Quran (mentafsir dan hafalan), Al Hadith, Bahasa Arab, Sejarah Islam, Tauhid, Fiqah dan Dakwah (konsep, falsafah dan perkembangan).

tentang menyambut kelahiran bayi dan kematian.<sup>1</sup>

Dalam persoalan bagaimana atau apakah kepercayaan mereka apabila menyambut kelahiran bayi, didapati setengah daripada responden Cina Islam ini memberikan jawapan, manakala setengahnya tidak. Ini bukan sahaja disebabkan mereka belum pernah mengalami dan tidak pernah melihat masyarakat sekeliling mereka mengamalkannya. Memanglah pada zaman 'moden' ini kebanyakan dari kepercayaan-kepercayaan tradisi seperti ini dikatakan tidak logik dan patut diketepikan saja. Ini juga ada kaitannya dengan tingkat pelajaran yang dicapai oleh mereka. Setelah mereka menganut ugama Islam dan mengetahui bahawa ugama Islam itu mempunyai amalan-amalan yang disunatkan sewaktu menyambut kelahiran bayi, setengah dari mereka (yang sudah mempunyai anak) mengamalkan seperti berikut:-

i) Memerdengarkan suara azan ke telinga kanan bayi tersebut, supaya sebelum bayi itu mendengar apa-apa perkataan eloklah diperdengarkan atau ditupukan ke jiwa yang bersih itu dengan kalimat-kalimat suci sebagai proses permulaan menanamkan semangat atau roh Islam ke atasnya.

ii) Mengadakan kenduri atau doa selamat sebagai tanda kesyukuran. Seterusnya mengadakan upacara bercukur sebagaimana Nabi Muhamad s.a.w. bercukur.

Kematian merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan oleh setiap orang dan setiap orang pasti menempuhnya. Biasanya terdapat beberapa upacara tertentu yang pasti dilakukan apabila berlaku kematian. Berlainan ugama lain pula upacaranya. Dari kajian yang dibuat, boleh dikatakan sebahagian besar dari responden Cina Islam ini memeluk ugama Islam secara berseorangan (tidak seisi keluarga). Jadi bila ada kematian

<sup>1</sup> Untuk mengetahui tentang kebudayaan Cina dengan lebih lanjut, sila lihat Wang Gang Wu, Kebudayaan Cina, Dewan Bahasa dan Pustaka, KL.

dari ekeluarga mereka yang bukan berugama Islam, mereka hanya menziarahi-nya sebagai tanda penghormatan terakhir tetapi tidak melibatkan diri di-dalam upacara-upacara yang dilakukan. Tetapi menurut seorang responden Melayu beliau pernah melihat setengah dari orang Cina Islam ada turut serta dalam upacara kematian saudaranya yang bukan berugama Islam. Mereka dikatakan memakai 'baju berkabung', bersama-sama menghantar mayat ke-tanah perkuburan sambil menangis. Perkara saperti ini boleh dipersoalkan. Bagi setengah-setengah orang yang menyertainya adalah semata-mata untuk mendapatkan wang upahan. Dengan ini tidak hairanlah jika terdapat orang-orang yang berugama Islam (Cina Islam atau Melayu atau lain-lain) yang menyertai upacara ini.

Berhubung dengan kematian ini, persoalan yang dikemukakan adalah untuk mengetahui tentang pendapat mereka mengenai doa-doa untuk simati di dalam Islam. Kesemua (100%) dari mereka bersetuju dan mengatakan perkara ini baik dilakukan. Menurut pendapat mereka lagi, doa boleh menolong meringankan seksaan yang dihadapi oleh simati di dalam kubur. Doa-doa yang dimaksudkan oleh mereka adalah merangkumi segala jenis doa tidak kira apa cara sekalipun, termasuklah kenduri, tahlil dan sebagainya, dan perkara-perkara saperti inilah yang biasanya dilakukan oleh kebanyakan orang-orang Melayu. Walaupun pada hakikat sebenar doa-doa yang hendak disampaikan oleh orang-orang yang masih hidup kepada orang-orang yang telah mati tidak semestinya melalui kenduri atau tahlil. Terdapat seorang (4%) responden Cina Islam ini tidak bersetuju dengan mengadakan majlis tahlil.

Setengah dari responden mengatakan mereka ada mendoakan kebahagiaan untuk ibu bapa atau orang-orang yang dikasihi yang telah meninggal dunia tetapi bukan berugama Islam. Manakala sebahagian lagi tidak memberikan apa-apa jawapan kerana tidak berapa yakin. Walaupun begitu kesemua responden mengatakan mereka tidak lagi menziarahi kubur saudara

mara mereka yang telah mati, kerana mereka telah menganut ugama Islam dan perkara seperti itu memang tidak digalakkan oleh ugama Islam. Ke semua responden ini juga tidak lagi mengamalkan 'pemájaan nenek moyang' sebagaimana yang biasa dilakukan oleh mereka sebelum mereka memeluk ugama Islam. Mereka memberikan alasan bahawa perkara seperti ini adalah syirik (menyekutukan Allah) dan hukumnya berdosa besar.<sup>1</sup> Tetapi dari pemerhatian pengkaji semasa kajian ini dijalankan, pengkaji dapati ada setengah-setengah responden masih lagi memasang colok-colok merah yang diletakkan di ruang tengah rumah atau disalah satu tiang di sudut rumah mereka. Apabila ditanya mengenai perkara ini mereka mengatakan ini hanyalah merupakan sebagai budaya sahaja, yang memang mereka letakkan sejak dahulu lagi. Samaada mereka sembah atau tidak benda-benda seperti ini, ter pulanglah pada diri individu tersebut, kerana ini adalah di luar dugaan pengkaji. Apa yang penting di sini ialah sungguhpun mereka ini telah menganut ugama Islam, akan tetapi tidak ada memperlihatkan identiti Islam di rumah mereka termasuklah dari segi alat-alat perhiasan yang dipamerkan dan sebagainya. Pemeliharaan anjing masih lagi menjadi kebiasaan dan didapati anjing itu bebas berkeliaran samaada di luar atau di dalam rumah mereka. Dalam hal ini perlu diingat bahawa pada lazimnya orang-orang Cina suka berkeluarga besar dan tinggal di rumah yang sama (joint family). Hanya seorang responden Cina Islam (4%) yang terlibat di dalam kes seperti ini. Responden tersebut telah berumahtangga dan keluarga mereka merupakan sebahagian dari keluarga rumah tersebut. Didapati ahli-ahli dalam keluarga itu masak dan makan bersama-sama seolah-olah tiada perbezaan ugama.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Perkara seperti ini memang dilarang oleh ugama Islam.

<sup>2</sup> Perbuatan seperti ini memang dilarang oleh ugama Islam.

Dari hasil penyelidikan yang dijalankan, kebanyakan mereka menjalankan upacara-upacara seperti sembahyang lima waktu, berpuasa, membayar zakat, menyambut Maulud Nabi, merayakan Hari Raya Puasa dan Haji dan sebagainya seperti mana yang biasa dilakukan oleh kebanyakan orang-orang Islam yang lain.

### 3.2 Perkahwinan Campur.

Islam menggalakkan umatnya berkahwin, ini bukan sahaja merapatkan hubungan diantara dua keluarga tetapi juga mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam seperti zina. Perkahwinan campur merupakan perkahwinan yang berlaku diantara ahli-ahli dari satu etnik dengan etnik yang lain. Contohnya seperti orang-orang Melayu berkahwin dengan orang-orang Cina, orang Cina berkahwin dengan orang India dan sebagainya. Didapati perkara-perkara seperti ini memang menjadi satu fenomena sosial di Malaysia malah di mana-mana negara pun buat masa ini. Di Malaysia, perkahwinan campur memang digalakkan kerana tujuan utama adalah untuk perpaduan kaum, disamping mempunyai tujuan-tujuan lain. Tujuan kajian ini ialah untuk melihat sejauhmanakah hakikat ini dapat diterima oleh kedua-dua responden.

Terdapat 21 orang (84%) dari responden Cina Islam ini mengatakan bahawa perkahwinan campur amat baik, dan memberikan sebab-sebab seperti berikut:-

- a) Anak-anak yang bakal lahir biasanya cerdik.
- b) Perkahwinan campur sebagai salah satu cara memupuk perpaduan kaum dan mengelakkan perasaan perkauman di negara ini.
- c) Dapat mengujudkan satu generasi baru.

Manakala bagi mereka yang tidak bersetuju, seramai 4 orang (16%) pula mengatakan bahawa senangat perkauman dan identiti sesuatu kaum itu akan

lenyap.

Di sebelah pihak pula terdapat seramai 21 orang (70%) dari responden Melayu berpendapat bahawa perkahwinan campur juga baik, boleh memupuk muhibah dan suasana harmoni. Seramai 8 orang (20%) mengatakan tidak bersetuju, dan alasan yang diberikan oleh mereka adalah lebih kurang sama seperti yang terdapat di atas.

Perkahwinan menurut Islam bererti kedua-dua individu itu mestilah berugama Islam. Hukum perkahwinan tidak akan sah kalau salah seorangnya daripadanya bukan berugama Islam. Seramai 23 orang (92%) daripada responden Cina Islam ini bersetuju jika anak mereka hendak berkahwin dengan orang bukan Islam dengan syarat orang itu diislamkan terlebih dahulu. Ini adalah sebagai menjamin bahawa generasi yang akan dilahirkan itu benar-benar Islam. Terdapat 2 orang (8%) mengatakan tidak bersetuju dan berpendapat bahawa orang-orang yang memeluk ugama Islam bertujuan untuk berkahwin dan bukan kerana Allah, biasanya tidak mempunyai semangat keislaman yang kuat. Namun begitu terdapat berbagai-bagai alasan yang diberikan jika anak mereka hendak berkahwin dengan orang Melayu kerana mereka berpendapat bahawa tidak semua orang-orang Melayu itu kuat berugama dan perkara ini patut dipertimbangkan terlebih dahulu. Terdapat 14 orang (56%) yang mengatakan amat bersetuju, sedangkan 4 orang (16%) mengatakan tidak berapa setuju dan tiga orang (12%) mengatakan tidak setuju langsung. Mereka ini (28%) memberikan alasan bahawa mereka suka kalau anak mereka berkahwin dengan orang-orang Islam asal sahaja bukan dari keturunan Melayu.

Dari kajian yang dibuat, hanya 4 orang (16%) sahaja dari jumlah responden yang berkahwin dengan orang-orang Melayu dan jumlah ini merupakan bilangan yang kecil, jika dibandingkan hasil kajian ini (mengenai kahwin campur) dengan kajian-kajian yang pernah dilakukan

oleh beberapa orang sarjana seperti Judith Djamour, Juliet Edmonds dan beberapa orang lagi mengenai perkahwinan campur dikalangan orang-orang Melayu di Singapura dan Semenanjung dengan orang-orang Cina, ternyata terdapat beberapa persamaan terutama dari segi bilangannya. Judith Djamour yang membuat kajiannya di Singapura mengatakan,

" Marriage unions between Malays and Chinese were extremely rare. When they occur, the match was usually a Chinese girl who become converted to Islam... and a Malay man... marriage between a Malay women and a Chinese...was even more infrequent...." <sup>1</sup>

Juliet Edmonds pula mengatakan,

" There will have always been a certain number of mixed marriages but the evidence is that to-day there are relatively few ". <sup>2</sup>

Beliau menguatkan lagi dengan berpendapat bahawa,

" Technically, if not theologically, conversion to Islam has always been a relatively easy process, but the religion has become so closely integrated into the Malay of social structure that it become just one part of a couple of social, economic and political factors which have pushed the Malays and Chinese furthur apart ". <sup>3</sup>

Dari keterangan-keterangan di atas bolehlah dikatakan bahawa dalam mengujudkan perkahwinan campur memerlukan pengorbanan yang besar diantara kedua belah pihak sedangkan pengorbanan itu amat berat hendak dilakukan. Dalam konteks ini, kurangnya bilangan orang-orang Cina dengan orang-orang Melayu mungkin disebabkan oleh faktor ugama dan budaya. Walaupun orang-orang Cina ini bersetuju untuk memeluk ugama Islam tetapi kurang sanggup untuk menjadi ahli yang rapat

<sup>1</sup> Judith Djamour, Malay Kinship and Marriage in Singapore, London, The Athlone Press, ms: 11 - 13

<sup>2</sup> Lihat Juliet Edmonds, 'Religion', Intermarriage and Assimilation : The Chinese in Malaya dalam Race, vol.X, July 1968, no.1 ms: 67.

<sup>3</sup> Ibid

ke dalam struktur budaya orang-orang Melayu dan dengan ini nanti akan memisahkan terus hubungan mereka dengan struktur masyarakat asal mereka. Keadaan ini adalah berlawanan dengan ajaran Islam, hanya orang-orang Melayu sahaja yang melakukannya. Hubungan persaudaraan seseorang itu tetap terjalin walaupun berlainan ugama, (orang-orang Cina Islam tidak boleh memutuskan hubungan kekeluargaan mereka dengan saudara-saudara mereka yang bukan berugama Islam).

Ada setengah-setengah orang amat mementingkan nama kerana menurut mereka nama itu merupakan identiti seseorang. Seandainya nama itu berunsuri Islam, orang itu lantas dianggap berugama Islam, jika nama itu seperti nama Melayu orang-orang itu dianggap Melayu dan sebagainya. Dalam hal ini untuk memberikan nama seseorang bayi adalah satu perkara yang penting. Dalam kajian ini terdapat 10 orang (40%) bersetuju memberikan bayi mereka seperti nama Melayu atau Islam sebab mereka mengatakan kebanyakan nama orang-orang Melayu berunsurkan nama-nama Islam dan nama-nama seperti ini disunatkan oleh Islam. Namun begitu terdapat 13 orang (52%) ingin mencampurkan kedua-dua nama (nama Cina dengan nama Melayu, nama Cina dengan nama Arab). Manakala 2 orang (8%) lagi bersetuju memberikan bayi mereka dengan nama Arab sahaja.

Bagi responden Melayu pula terdapat seramai 12 orang (40%) mengatakan adalah penting bagi seseorang yang telah memeluk ugama Islam itu memberikan namanya seperti nama Islam atau nama Melayu. Pada pendapat mereka nama Islam itu bukan sahaja menunjukkan seseorang itu berugama Islam tetapi di akhirat kelak juga akan diperhitungkan.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Menurut Hadith Nabi Muhamad s.a.w. yang bermaksud, "Jika seseorang bayi itu lahir, hendaklah diberi nama dengan nama yang baik kerana Allah akan memberi rahmat pada "Barakat" nama itu disepanjang hayatnya di dunia dan di hari akhirat akan dipanggil nama tiap-tiap seorang daripada kamu dan nama bapa kamu".

Terdapat seramai 18 orang (60%) mengatakan tidak perlu menukar nama dan bersetuju dengan mengekalkan nama asal mereka (orang Cina Islam) atau mengikut nama-nama yang disukai oleh mereka kerana Islam seseorang bukan terletak pada nama tatapi adalah terletak pada keimanan atau ketakwaan kepada Allah. Sebab-sebab lain yang diberikan ialah jika orang-orang Cina Islam itu menukar namanya seperti nama Melayu atau nama Arab namun mereka tetap dianggap Cina. Ini disebabkan oleh ciri-ciri fizikal yang nyata terutama dari segi warna kulit dan bentuk mata. Ada juga responden Melayu yang rasa ragu-ragu dan mengatakan bahawa hak-hak istimewa orang-orang Melayu akan terganggu sekiranya mereka menukar nama seperti nama Melayu.<sup>1</sup>

Dari apa yang dapat diperhatikan mengenai nama orang-orang Cina Islam ini, mereka kebanyakannya menggunakan kedua-dua nama Melayu atau Islam dengan nama asal mereka. Contohnya, Faridah Yew, Mansor Chong dan lain-lain.

### 3.3 Jalinan Hubungan Sosial Dalam Masyarakat

Tidak ada seorang pun manusia yang boleh hidup bersendirii, mereka perlu hidup bermasyarakat dan saling berintraksi diantara satu sama lain. Tujuan melihat hubungan sosial orang-orang Cina Islam dengan masyarakat di sekelilingnya, khasnya masyarakat Melayu, adalah untuk melihat sejauhmana terdapatnya sikap toleransi atau bertolak ansur di kalangan anggota masyarakat tersebut. Adakah kedua-dua anggota masyarakat itu dapat menerima hakikat yang mengatakan bahawa, "Sesungguhnya orang-

<sup>1</sup> Ini adalah merupakan semangat perkauman sempit orang-orang Melayu yang kuat berprasangka bahawa tujuan orang-orang Cina memeluk ugama Islam itu adalah bertujuan untuk merampas hak-hak istimewa orang-orang Melayu.

orang mukmin itu bersaudara ".<sup>1</sup>

Bahasa adalah merupakan sesuatu yang penting untuk seseorang itu berinteraksi atau berhubung diantara satu sama lain. Lazim di negara ini, kebanyakannya orang-orang Melayu tidak tahu bertutur dalam bahasa Cina tetapi kebanyakannya orang-orang Cina boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Oleh sebab itu didapati responden Cina Islam ini bertutur dalam bahasa Melayu apabila berhubung dengan orang-orang Melayu. Bagi sesiapa yang tahu berbahasa Inggeris, kadang-kadang mereka menggunakan bahasa Inggeris bila berhubung. Dari kajian yang dibuat, terdapat seramai 18 orang (72%) responden Cina Islam bertutur dalam bahasa Malaysia/Melayu apabila berhubung dengan orang-orang Melayu. Seramai 7 orang (28%) bertutur dalam kedua-dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Dengan ini bolehlah dikatakan responden Cina Islam lebih bersedia atau bertoleransi menggunakan bahasa Melayu/Malaysia, bila berhubung dengan orang-orang Melayu. Ini adalah lojik kerana setiap rakyat Malaysia mestilah tahu bertutur dalam bahasa Malaysia dan hendaklah mendaulatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa resmi negara.

Apa pula bahasa yang sering digunakan oleh responden Cina Islam apabila mereka berhubung dengan orang-orang Cina Islam yang lain. Terdapat seramai 7 orang (28%) menggunakan bahasa Cina dengan sepenuhnya bila mereka berhubung sesama mereka. Hanya seorang(4%) menggunakan bahasa-bahasa berikut; bahasa Inggeris, bahasa Malaysia, atau bahasa Melayu (walaupun lebih merupakan bahasa 'pasar' tidak mengikut kata nahu yang sebenarnya), bahasa Melayu dan bahasa Cina, dan bahasa Melayu, Cina.

---

<sup>1</sup>Maksud Al Quran 49:10

dan Inggeris. Manakala seorang (4%) responden bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris, juga bahasa Inggeris sahaja apabila mereka berhubung dengan orang-orang Cina Islam. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang bahasa-bahasa yang sering digunakan oleh mereka bila berhubung sesama mereka sila lihat jadual di bawah,

Jadual XVII

Bahasa-bahasa yang sering digunakan oleh responden Cina Islam bila berhubung sesama mereka

Bahasa	Bilangan	%
B. Cina	7	28
B. Inggeris	1	4
B. Melayu	4	16
B. Cina dan Inggeris	4	16
B. Melayu dan Cina	4	16
B. Melayu dan Inggeris	1	4
B. Melayu, Cina dan Inggeris	4	16
Jumlah	25	100

Untuk mengetahui kecenderungan menggunakan bahasa oleh responden, boleh juga dilihat pada jenis-jenis suratkhabar yang sering dibaca oleh mereka setiap hari. Dari kajian yang dibuat, didapati seramai 4 orang (16%) responden mengatakan mereka sering membaca jenis-jenis suratkhabar seperti berikut; Akhbar bahasa Cina sahaja, akhbar bahasa Melayu sahaja, akhbar bahasa Inggeris sahaja, akhbar bahasa Cina dan Melayu sahaja, juga akhbar bahasa Melayu dan Inggeris sahaja. Manakala 3 orang (12%) responden mengatakan mereka sering membaca akhbar bahasa Inggeris dan Cina sahaja. Seramai 2 orang (8%) pula mengatakan mereka membaca semua jenis akhbar (bahasa Melayu, Cina dan Inggeris). Pada keseluruhannya bolehlah dikatakan bahawa kebanyakan responden tidak

suka membaca hanya sejenis suratkhabar sahaja, kerana kebanyakan mereka tahu bertutur dan membaca dalam bahasa-bahasa lain selain daripada bahasanya sendiri. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut sila lihat Jadual XVIII.

Jadual XVIII

Jenis-jenis suratkhabar yang sering dibaca oleh responden Cina Islam

Jenis akhbar	Jumlah	%
B. Cina	4	16
B. Melayu	4	16
B. Inggeris	4	16
B. Cina dan Melayu	4	16
B. Melayu dan Inggeris	4	16
B. Inggeris dan Cina	3	12
B. Cina, Inggeris dan Melayu	2	8
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>	<b>100</b>

Bagaimana pula tentang pergaulan diantara responden Cina Islam ini dengan orang-orang Melayu samaada pergaulan mereka ini sangat rapat, kurang rapat atau sebagainya. Dari kajian yang dibuat, didapati seramai 13 orang (52%) responden mengatakan hubungan mereka dengan orang-orang Melayu adalah sangat rapat. Ini adalah disebabkan setengah dari mereka (16%) telah berkahwin dengan orang Melayu dan hidup dalam masyarakat Melayu. Sementara seramai 12 orang (48%) mengatakan hubungan mereka dengan orang-orang Melayu adalah tidak begitu rapat. Ini mungkin disebabkan mereka tidak tinggal di dalam masyarakat Melayu dan hanya berpeluang bergaul dengan orang-orang Melayu di tempat-tempat tertentu seperti di tempat kerja, di sekolah atau sebagainya, yang tidak kekal dan dalam masa yang sengkat. Kajian-kajian ilmiah yang pernah

dibuat juga menunjukkan hubungan seperti ini terdapat di mana-mana dalam negara ini.<sup>1</sup> Jadi bolehlah dikatakan perkara segregation seperti ini memang merupakan ciri-ciri umum masyarakat majmuk seperti Malaysia. Hubungan seperti ini lebih tepat kalau dikatakan "Hubungan sesama status",<sup>2</sup> yang terbatas hanya melalui perbualan-perbualan di kedai-kedai kopi, di kaki lima kedai-kedai kopi (penyertaan mereka dalam permainan judi seperti mahjung dan pakau), sama-sama menuntun wayang, sama-sama pergi dan balik dari tempat kerja dan sebagainya. Begitu juga dalam soal undang mengundang dan lawat melawat didapati lebih banyak berlaku di kalangan anggota-anggota yang sama status.<sup>3</sup>

Walaupun hubungan sosial dikalangan responden Cina Islam dan orang-orang Melayu tidak begitu rapat, tetapi jika keadaan memaksa mereka sanggup memberikan anak mereka kepada orang Melayu. Terdapat seramai 20 orang (80%) yang sanggup berbuat demikian kerana pada pendapat mereka kebanyakannya orang-orang Melayu ini berugama Islam,<sup>4</sup> jadi lebih baik jika anak mereka dipelihara dalam suasana keislaman. Terdapat seramai 5 orang (20%) mengatakan sanggup memberikan anak mereka kepada sesiapa saja tanpa mengira asal usul etnik asalkan orang itu benar-benar mengamalkan ajaran-ajarannya.

<sup>1</sup> Lihat Sanusi Osman, Hubungan Etnik di Mukim Labu, tesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1972.

<sup>2</sup> Adanya hubungan sesama status dikalangan etnik menunjukkan jarak hubungan sosial tidak luas tetapi terbatas. Lihat James N. Bershers and Others, 'Ethnic Congregation - Segregation, Assimilation and Stratification dalam Social Process', vol. 42, No. 4, May 1964 ms: 483

<sup>3</sup> Sanusi Osman, op.cit. ms: 170

<sup>4</sup> Kebanyakannya orang-orang Melayu di Malaysia adalah Islam keturunan.

Adakah responden Cina Islam ini merasakan seolah-olah mereka dipandang hina oleh orang-orang Melayu atau tidak, dari kajian yang dibuat didapati seorang (4%) mengatakan beliau selalu merasakan demikian, seramai 9 orang (36%) merasakan sekali sekala sahaja, seramai 10 orang (40%) mengatakan tidak pernah dan sejumlah 5 orang (20%) mengatakan tidak tahu samaada mereka dihina atau tidak. Ini adalah perasaan mereka sahaja, sebabnya mereka mengatakan demikian bahawa ada setengah-setengah orang Melayu tidak begitu suka melihat mereka memeluk ugama Islam. Walaupun memang ada orang-orang Melayu yang bersikap begitu tetapi bilangannya tidaklah ramai. Ini terbukti dari kajian yang dibuat ke atas responden Melayu, didapati seramai 12 orang (40%) dari mereka mengatakan mereka amat gembira melihat orang-orang Cina memeluk ugama Islam, dan mereka bersyukur kerana jumlah umat Islam di negara ini semakin bertambah dari semasa ke semasa. Terdapat seramai 14 orang (49.9%) pula mengatakan tidak rasa apa-apa, sebab mereka berpendapat bahawa menganut ugama Islam adalah hak mutlak seseorang individu dan ini adalah merupakan satu fenomena sosial sahaja. Manakala seramai 4 orang (10.3%) merasakan tidak gembira langsung apabila melihat orang-orang Cina memeluk ugama Islam kerana mereka kurang yakin dengan tujuan pengislaman mereka ini. Orang-orang Cina Islam ini seharusnya tidak boleh merasakan yang mereka itu dipandang hina oleh orang-orang Melayu kerana berdasarkan dari kajian yang dibuat ke atas responden Melayu, didapati seramai 21 orang (70%) mengatakan kesudian mereka dan pernah menjemput orang-orang Cina Islam ini ke rumah mereka sekiranya mereka mengadakan kenduri atau majlis doa selamat. Dari undangan mereka itu didapati sebilangan besar yang dijemput hadir. Mereka menyatakan kesudian mereka menjemput adalah kerana ingin mengeratkan lagi hubungan

tali persaudaraan sesama Islam dan untuk melihat suasana harmoni yang terjalin diantara dua kumpulan etnik yang berlainan, diikat di bawah satu pegangan yang sama iaitu ugama Islam. Walaubagaimanapun dari segi praktiknya hanya terdapat seramai 2 orang (6.6%) dari responden Melayu mengatakan mereka pernah diundang oleh orang-orang Cina Islam ke majlis kenduri dan doa selamat yang mereka adakan. Itu pun disebabkan tugas mereka sebagai guru ugama dan bilal kerajaan, dan tujuan undangan mereka adalah untuk membacakan doa-doa di dalam majlis tersebut kerana orang-orang Cina ini berpendapat bahawa mereka tahu dan pakar dalam bidang tersebut. Bagi setengah-setengah responden yang mengatakan mereka tidak pernah dijemput itu mungkin disebabkan mereka tinggal berjauhan dari orang-orang Cina Islam, tambahan pula tidak ada kenalan yang rapat dengan mereka. Ini juga tidaklah bermakna orang-orang Cina Islam ini tidak pernah mengadakan kenduri, kerana berdasarkan kajian yang dibuat kebanyakannya yang memeluk ugama Islam itu terdiri dari orang-orang bujang dan biasanya orang-orang bujang ini jarang-jarang sekali mengadakan majlis kenduri.

Ingin pula diketahui tentang hubungan responden Cina Islam dengan orang-orang Cina yang bukan berugama Islam. Dari kajian ini terdapat seramai 14 orang (56%) mengatakan hubungan mereka tidak begitu rapat. Ini disebabkan kebanyakannya mereka yang telah memeluk ugama Islam ini, tidak berapa diterima oleh keluarga mereka atau saudara mereka dan setengahnya pula memeluk ugama Islam di luar pengetahuan keluarga mereka, jadi mereka terpaksa melarikan diri dari orang-orang tersebut.<sup>1</sup> Terdapat seramai 19 orang (76%) mengatakan hubungan mereka

<sup>1</sup> Untuk keterangan lanjut sila lihat mengenai masaalah-masaalah yang dihadapi oleh responden Cina Islam dalam bahagian 4.

dengan orang-orang Cina yang bukan berugama Islam adalah sangat rapat terutama dengan keluarga mereka dan hubungan ini perlu diteruskan walaupun berlainan ugama. Manakala seorang (4%) mengatakan hubungan mereka tidak rapat langsung dan ini adalah disebabkan beliau telah berumah-tangga dengan orang-orang Melayu dan telah berpindah jauh dari keluarganya dan kini tinggal bersama-sama suaminya di dalam masyarakat Melayu. Seorang (4%) lagi mengatakan hubungannya dengan masyarakat Cina adalah seperti biasa sebagaimana sebelum beliau memeluk ugama Islam.

Perkara hina menghina memang terdapat dalam mana-mana masyarakat kerana ini juga menunjukkan sifat manusia, dan boleh membawa kepada konflik dalam masyarakat.<sup>1</sup> Dari kajian yang dijalankan, terdapat seramai 14 orang (56%) responden Cina Islam mengatakan pernah menerima penghinaan dari orang-orang Cina yang bukan berugama Islam. Namun begitu mereka sedia maklum akan hakikat pandangan masyarakatnya yang menganggap bahawa pengislaman mereka juga bererti mereka menjadi "Melayu" walaupun pada hakikat yang sebenarnya tidak. Setengah-setengah dari mereka mengatakan pernah berkecil hati dengan penghinaan yang dilemparkan ke atas mereka lantas mereka mengambil tindakan dengan mengasingkan diri<sup>2</sup> atau memandang enteng sahaja kepada segala penghinaan-penghinaan itu. Sungguhpun begitu terdapat seramai 11 orang (44%) mengatakan mereka tidak pernah menerima penghinaan dari masyarakat mereka.

Berhubung dengan hubungan responden Cina Islam dengan orang-orang Cina Islam yang lain atau dengan lain-lain perkataan hubungan

<sup>1</sup> Sila lihat Sanusi Osman, op.cit. Lihat juga Rokiah Talib, Konflik dan Integrasi Dalam Masyarakat Perubahan(Kampung Kepayang), tesis B.A. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, KL, 1966.

<sup>2</sup> Salah seorang dari mereka pergi mengadu kepada pihak PERKIM dan sekarang berada di bawah jagaan PERKIM.

sesama mereka, didapati seramai 8 orang (32%) mengatakan hubungan mereka sangat rapat. Ini disebabkan mereka tinggal bersama-sama seansara dan kebanyakannya adalah dari kalangan pelajar. Seramai 14 orang (56%) pula mengatakan hubungan mereka tidak begitu rapat. Ini mungkin disebabkan mereka berpeluang berjumpa sekali sekala sahaja terutama bila ada mesyuarat PERKIM atau sebagainya. Manakala 3 orang (12%) mengatakan tidak tahu samaada hubungan mereka rapat atau tidak. Sungguhpun begitu terdapat seramai 11 orang (44%) mengatakan pernah berjumpa sesama mereka untuk mengadakan perjumpaan kadangkala membincangkan masaalah ugama dan sebagainya. Dalam pada itu terdapat seramai 14 orang (56%) yang tidak pernah membuat sebarang perjumpaan sesama mereka. Ini mungkin disebabkan mereka tidak ada masa untuk tujuan tersebut kerana kesebukan tugas masing-masing.

Kesemua (100%) responden menganggap semua umat Islam itu bersaudara samaada mereka membuat perhubungan atau tidak dengan umat Islam yang lain. Terdapat seramai 8 orang (32%) mengatakan pernah bergiat di dalam persatuan. Persatuan-persatuan itu adalah seperti ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) dan PERKIM sebagai ahli biasa. Didapati tidak ada seorangpun diantara mereka yang bergiat di dalam sebarang persatuan orang-orang Cina Islam.

Walaupun telah diadakan berbagai-bagai cara untuk memupuk perpaduan kaum, namun hasilnya masih belum memuaskan.<sup>1</sup> Dari kajian yang dibuat terdapat seramai 22 orang (88%) dari responden Cina Islam ini, memberikan cadangan bahawa ugama Islam adalah alat penyatuan yang paling baik sekali. Menurut pendapat mereka kalau semua rakyat menganut

<sup>1</sup> Ternyata untuk memupuk perpaduan kaum dalam masyarakat majmuk di - Malaysia adalah amat sukar. Contohnya kerajaan Malaysia telah mengadakan berbagai-bagai program untuk tujuan ini seperti mengadakan Bahasa Kebangsaan, Kebudayaan Kebangsaan dan lain-lain tetapi hasilnya belum memuaskan.

ugama Islam, ini juga bermakna mereka mempercayai tuhan yang satu iaitu Allah, dan hanya dengan kepercayaan dan pegangan yang samalah boleh menjamin perpaduan rakyat yang terdiri dari berbagai etnik. Sesungguhnya Allah tidak membezakan seseorang itu dengan kumpulan etnik, warna kulit dan sebagainya melainkan ketakwaan mereka terhadap Allah. Oleh sebab itu perbezaan kaum tidak akan ujud. Islam sebagai satu 'Adeen', menyuruh kepada makruf (kebaikan) dan menegah pada yang mungkar (kejahatan). Sebagai 'Adeen' Islam itu sendiri bererti "sejahtera". Orang-orang yang berugama Islam bererti orang-orang yang sejahtera, hidup berteraskan kepatuhan kepada Allah dan ajaran-ajaranNya, sentiasa bertolong bantu, nasihat menasihati dan sebagainya yang merupakan sebahagian dari ciri-ciri Islam itu sendiri.<sup>1</sup> Berdasarkan ciri-ciri seperti ini akan melahirkan suasana yang harmoni dikalangan umat. Pilihan kedua di dalam memupuk perpaduan kaum menurut pendapat mereka ialah satu kebudayaan. Didapati perkara ini amat sukar untuk dilaksanakan kerana setiap etnik ingin mengekalkan kebudayaan masing-masing, begitu juga dengan satu bahasa.

<sup>1</sup> Ada tujuh ciri-ciri ugama Islam menurut Anwar Al Jundi, seperti berikut:-  
1) Islam telah membebaskan akal dan jiwa manusia dari politism dan menyembah pada tuhan yang sebenar iaitu Allah.  
2) Islam mengiktiraf kecenderungan dan perasaan sentimen manusia dengan menyediakan landasan-landasan bagi penyucian jiwa seperti amalan-amalan ritus. Dengan ini manusia terbebas dari kecenderungan untuk keghairahan dan keseronokan yang boleh melalaikan diri dari tunduk kepada Allah.  
3) Islam tidak mengiktiraf teori perubahan akhlak, mengikut perbezaan-perbezaan dari segi ruang dan masa.  
4) Islam tidak mengasingkan ugama dengan kehidupan, antara spirit dan jasad, real dan ideal.  
5) Islam melalui spirit dan metodnya yang menyatukan moral dan undang-undang di bawah kepercayaan monothéistik akan membawa ke arah cita-cita yang tinggi. Dengan ini membawa kepada imansipasi jiwa dan pembebasan dari ikatan keghairahan dan keseronokan.  
6) Islam menggalakkan hidup bermasyarakat, dan telah menyediakan garis-garis yang lengkap yang diikuti oleh pengikut-pengikutnya dari pemilik-Nya berhubung dengan diri sendiri dan masyarakat.  
7) Sifat ugama Islam itu sendiri merupakan sistem yang lengkap yang merangkumi segala aspek kehidupan yang diciptakan oleh Allah dan segala batasan-batasan yang terdapat juga adalah dariNya.

Adalah tidak mungkin hendak dilaksanakan kerana walaupun boleh bertutur dalam bahasa yang sama dan boleh mengurangkan kesalahfahaman diantara satu sama lain tetapi pertentangan tetap akan lahir jika pegangan dan kepercayaan mereka berbeza. Oleh sebab itu perpaduan kaum tidak mungkin ujud jika didasarkan kepada dua faktor ini.

Berdasarkan pada kajian ini, tempat-tempat hubungan sosial yang paling gemar dikunjungi oleh responden Cina Islam ialah mesjid.<sup>1</sup> Ini ialah kerana mesjid adalah tempat beribadat bagi orang-orang Islam, yang mudah didapati dan dikunjungi oleh setiap orang Islam pada bila-bila masa sahaja.<sup>2</sup> Tempat hubungan sosial yang kedua gemar dikunjungi oleh responden ialah pusat-pusat perkadiran kerana di situ biasa diadakan ceramah-ceramah ugama dan kelas-kelas ugama. Seterusnya majlis kenduri merupakan pilihan mereka yang ketiga. Didapati ketiga-tiga tempat ini adalah tempat tumpuan orang-orang Islam dan merupakan institusi yang paling mudah untuk bertemu dengan orang-orang Islam samaada untuk bertukar-tukar fikiran ataupun untuk bertanya sebarang masalah yang berkaitan dengan Islam; jika dibanding dengan tempat-tempat seperti majlis lawatan menteri atau orang besar-besar, dewan orang ramai dan sekolah atau sebagainya. Tiga tempat ini masih tetap menjadi pilihan responden selain daripada tiga tempat sebelumnya.

#### 4. MASAALAH-MASAALAH YANG DIHADAPI OLEH RESPONDEN CINA ISLAM

Setiap manusia hidup tidak terlepas dari menghadapi masalah. Masaalah-masaalah ini juga mungkin merupakan ketegangan-ketegangan yang terdapat dalam diri individu, yang mana menyebabkan individu itu menjadi

<sup>1</sup> Sila lihat Sidi Ghazalba, op.cit.

<sup>2</sup> Di sini terdapat kontradiksi diantara pendapat dan amalan. Menurut pendapat dari beberapa orang Melayu yang tinggal berhampiran dengan orang-orang Cina Islam ini mengatakan mereka tidak pernah ternampak atau jarang-jarang ternampak orang-orang Cina Islam ini pergi ke mesjid samaada untuk bersembahyang atau lain-lain. Perkara ini terbukti juga dalam kajian yang pernah dibuat, untuk lebih lanjut sila lihat, Hassan Talib, op.cit.

serba salah. Begitu juga dengan apa yang dialami oleh responden Cina Islam ini. Walaubagaimanapun segala masaalah yang dikemukakan di sini merupakan masaalah keseluruhan yang dialami oleh responden. Ini diperolehi melalui perbualan secara tidak langsung dengan responden - responden tersebut. Boleh dikatakan setiap manusia ingin menghindarkan diri dari sebarang masaalah, sebagaimana yang dikatakan oleh Khalid Faisal Khalifa,

"... tujuan seorang manusia berusaha mengukuhkan personalitinya supaya dapat menikmati ketenangan mental dan ketenangan diri, justru itu menghindarkan dirinya dari segala punca kerisauan dan ketegangan ...".<sup>1</sup>

Responden Cina Islam ini telah mengalami perubahan hidup dari segi ugama. Mereka memandang berat akan masaalah ini dan merupakan masaalah utama yang dialami oleh mereka, terutama dari segi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat dalam menempuh hidup sehari-hari. Oleh kerana mereka menghadapi sesuatu yang baru dan asing, tentunya segala cabaran, dugaan dan cabaran banyak sekali diterima baik dari saudara mara terdekat, masyarakat sebangsa, maupun masyarakat Islam yang sedia ada.

Pendidikan ugama yang sempurna adalah amat sukar untuk mereka perolehi. Mereka tidak tahu di mana tempat-tempat untuk mendapatkan ilmu ugama dari peringkat asas hingga ke peringkat yang lebih tinggi, secara tetap dan bersambung. Mereka hanya mendapat tahu bahawa Institut Dakwah PERKIM ada menyediakan peluang yang mereka inginkan itu tetapi ini telah menimbulkan masaalah kepada mereka yang telah

<sup>1</sup> Khalid Faisal Khalifa, lihat dalam journal What Muslim Believe, April, 1978.

berumahtangga.<sup>1</sup> Ini adalah kerana mereka terpaksa bekerja mencari nafkah untuk anak-anak dan isteri mereka sedangkan di Institut Dakwah PERKIM penuntut-penuntut dikehendaki tinggal di asrama yang disediakan. Meskipun ada kelas-kelas ugama yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu tetapi mereka rasakan ilmu yang mereka perolehi masih belum memuaskan dan kadang-kadang masa ceramah dan kelas-kelas ugama yang diadakan itu tidak sesuai dengan masa lapang mereka dan tempat mengadakannya terlalu jauh dari tempat tinggal mereka.

Orang-orang Cina Islam ini tidak terlepas dari menghadapi masaalah-masaalah yang timbul dari keluarga sendiri ataupun masyarakat di sekeliling mereka. Di sini mereka sering menerima cemohan dan sindiran. Sering pula ditertawakan terutama semasa mereka mengerjakan ibadah sembahyang atau puasa. Setengah-setengah dari keluarga mereka sengaja mencontohkan orang-orang Melayu yang tidak mengerjakan suruhan ugama dengan tujuan untuk melemahkan iman responden-responden yang terlibat. Ini telah menimbulkan konflik pada diri orang-orang Cina Islam. Mereka sering dimarahi apabila mengerjakan ibadah sembahyang di rumah mereka dan dengan ini mereka terpaksa pergi ke mesjid atau surau atau menumpang di rumah orang-orang Melayu yang berdekatan. Masyarakat di sekeliling mereka pula mengejek-mengejek mereka dan mengatakan mereka itu terlalu alim sedangkan mereka tahu yang diri mereka masih terlalu kurang pengetahuan ugama.

Masaalah makanan yang dihidangkan oleh keluarga telah meletakkan mereka di dalam serba salah. Dalam pada itu setengah-setengah

<sup>1</sup> Sebenarnya ada banyak tempat-tempat yang mengadakan kelas-kelas ugama seperti kelas fardhu ain di Mesjid Negara, Al Arqam di Sungai Pencala, dan lain-lain tetapi mereka lebih suka mendampingkan diri dengan PERKIM dan dirasakan tempat ini sesuai dengan mereka.

mereka telah cuba mendakwahkan keluarga mereka tetapi sebaliknya mereka ini dimarahi dan dikatakan " biadab " kerana mengajar orang tua yang dikatakan telah " memakan garam " terlebih dahulu.

Setengah dari mereka pernah mengalami pengaduhan dan pertengkaran yang hebat yang telah menyebabkan mereka ini terusir keluar dari keluarga. Pihak keluarga tidak mahu lagi mengambil berat atau bertanggungjawab ke atas diri mereka dan dengan ini telah terputus ikatan persaudaraan. Jadi bimbang masaalah tiada tempat bergantung terutama selepas keluar dari Institut Dakwah PERKIM. Masaalah keewangan merupakan masaalah utama kerana kebanyakannya mereka belum lagi apa-apa jenis pekerjaan pun.

Terdapat pula diskriminasi terutama dari pihak majikan Cina terutama apabila mereka hendak memohon apa-apa pekerjaan. Apabila pihak majikan mendapat tahu mereka itu berugama Islam, permohonan mereka terus ditolak dengan meminta mereka mencari pekerjaan di tempat lain, dengan majikan Melayu atau Islam.

Dalam proses mendampingkan diri dengan masyarakat Melayu, mereka sentiasa menerima cabaran-cabaran terutama dari golongan yang kuat perasaan perkauman sering menuduh mereka bahawa memeluk ugama Islam dengan tujuan lain atau dengan lain-lain perkataan mereka ini meragui tentang tujuan pengislaman orang-orang Cina Islam ini.<sup>1</sup>

Masaalah-masaalah lain seperti kurangnya bahan-bahan bacaan dalam bahasa Cina tetapi banyak dalam bahasa Arab, Inggeris dan Melayu Indonesia, ini menyebabkan tiada peluang membacanya dan meluaskan kefahamannya tentang ugama.

<sup>1</sup>Ini adalah merupakan pandangan sempit orang-orang Melayu walaupun ugama Islam milarang berbuat demikian.

## 5. Kesimpulan

Dari apa yang dibentangkan di atas tadi, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa dari aspek material dan non-material terdapatnya peresapan dari segi budaya orang-orang Cina Islam ini ke dalam masyarakat dan budaya Melayu. Walaupun peresapan unsur-unsur budaya itu terbatas pada pakaian, makanan dan kepercayaan ugama sahaja. Hakikat ini sukar hendak diterima oleh mereka, kerana kebanyakannya unsur-unsur kebudayaan Melayu ini adalah hasil cernaan unsur-unsur budaya Islam, kerana Islam meliputi seluruh aspek kehidupan dan terdapatnya saling-sertindih (overlap).

Pegangan atau kepercayaan ugama Islam pada setengah-setengah responden adalah terlalu longgar lantaran tidak mendapat bimbingan yang secukupnya dari pihak-pihak yang tertentu dan juga kerana kekurangan inisiatif diri sendiri menyebabkan masih terdapat dikalangan mereka yang belum tahu membezakan diantara halal dan haram dalam Islam. Contoh yang nyata ialah pemeliharaan anjing<sup>1</sup> dan pemasangan colok-colok merah di rumah mereka.

Hakikat 'semua umat Islam itu bersaudara' dapat diterima tetapi jelas didapati kedua-dua responden itu masih mementingkan perasaan perkauman, kerana perkara hina menghina masih terdapat. Sungguhpun dari kajian ini menunjukkan adanya kesudian mereka menjemput orang-orang Islam dari etnik lain tetapi perkara-perkara seperti ini dari segi praktiknya jarang dilakukan lantaran sikap mengagung-agungkan etnik sendiri dan memburukkan etnik lain dengan memberikan alasan-

<sup>1</sup> Pemeliharaan anjing disunatkan dalam Islam sekiranya anjing itu digunakan untuk mengelakkan dari berlaku kecurian, menjaga tanaman atau harta dari binatang-binatang perosak dan lain-lain tetapi bukan untuk kesukaan sebagai binatang pemeliharaan (pet).

alasan yang tidak logik.

Mengenai masaalah yang dialami oleh mereka itu seharusnya diambil sebagai pengajaran dan dianggap sebagai cabaran dan dugaan dari Allah, untuk menguji setakat mana keimanan dan ketabahan mereka menghadapi cabaran tersebut. Sesungguhnya semakin tinggi iman seseorang semakin banyak cabaran dan dugaan yang dialami. Masaalah Mencari ilmu ugama itu sebenarnya bergantung pada diri sendiri, bak kata pepatah Melayu, "Hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih". Besar atau kecil masaalah yang dihadapi itu adalah bergantung pada keimanan seseorang. Jika seseorang itu mempunyai keimanan yang tinggi, segala masaalah di dunia ini begitu kecil pada pandangannya.

### 2. SISTEM POLITIK

#### 2.1. Sistem K邦民主制 dalam Politik Negara Malaysia.

Sistem politik dapat dinilai berdasarkan politik sosialisme merdeka yang praktik dalam negara negara barat juga juga merupakan sebuah sistem sosial negara atm. Malaysia adalah sebuah negara demokrasi di mana Parlimen adalah lembangnya dan merupakan badan perwakilan undang-undang yang tertinggi. Dalam sistem politik demokrasi ini, badan perwakilan adalah dipilih dari kalangan rakyat yang sah dan untuk rakyat.<sup>1</sup> Negara Malaysia menggalakkan sistem parti

<sup>1</sup>Sila lihat C.W. Mills, The Power Elite, New York, Oxford University Press, 1956.

## BAB V

### ANALISA TENTANG NILAI RESPONDEN TERHADAP POLITIK DAN EKONOMI

#### 1. Pendahuluan

Dari segi sosiologi, politik dan ekonomi adalah merupakan kehendak (need) dalam diri setiap individu di atas berbagai-bagai tujuan disamping tujuan asasnya untuk perlindungan. Jadi, setiap individu tidak terlepas dari masaalah ini. Bab ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu pertama, perbincangan ke atas aspek politik. Di dalam aspek ini, akan dibincangkan tentang pandangan responden terhadap sistem politik pada masa ini dan sistem politik Islam. Kedua, perbincangan ke atas aspek ekonomi. Dalam perbincangan ini hanya ditumpukan kepada pandangan responden terhadap Dasar Ekonomi Baru.

#### 2. ASPEK POLITIK

##### 2.1. Nilai Responden Terhadap Politik Negara Masakini.

Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa politik memainkan peranan yang penting di dalam sesebuah negara kerana ianya juga merupakan lambang keamanan sesebuah negara itu. Malaysia adalah sebuah negara demokrasi di mana Parlimen adalah lambangnya dan merupakan badan penggubal undang-undang yang tertinggi. Dalam sistem politik demokrasi ini, badan pemerintah adalah dipilih dari kalangan rakyat oleh rakyat dan untuk rakyat.<sup>1</sup> Negara Malaysia mengamalkan sistem parti

<sup>1</sup> Sila lihat C.W. Mills, The Power Elite, New York, Oxford University Press, 1956.

politik dan banyak parti-parti politik seperti Barisan Nasional (BN), Democratic Action Party (DAP), Parti Islam (PAS) dan lain-lain yang dipilih melalui pilihanraya. Buat masa ini BN (hasil gabungan dari parti UMNO, MCA dan MIC) telah diberi mandat oleh rakyat untuk memerintah negara.

Rakyat di Malaysia telah diberi kebebasan untuk bersuara dalam bidang politik tanpa mengira ugama yang mereka anuti. Dari kajian yang telah dibuat ke atas responden Cina Islam, mereka telah diberikan soalan yang berbunyi, "Dengan menjadi seorang Islam, adakah encik rasa encik patut mendapat hak-hak yang sama seperti orang Melayu dari segi politik?"<sup>1</sup> Kesemua responden (100%) bersetuju dengan pendapat ini. Mereka mengatakan bahawa mereka juga rakyat Malaysia dan berhak untuk menentukan corak politik negara. Dari kajian ini, didapati sebahagian sahaja dari responden yang menunjukkan minat dalam bidang politik (44%) manakala sebahagian lagi (66%) tidak ada menyertai mana-mana parti politik. Ini berdasarkan dari jawapan yang diterima, dan alasan yang diberikan oleh mereka ialah mereka rasakan penyertaan mereka tidak penting dan tambahan pula sebahagian besar dari jumlah ini terdiri dari penuntut-penuntut yang kebanyakannya belum pernah mengundi. Dari jumlah 11 orang (44%) yang menyertai bidang politik ini, didapati seramai 6 orang (24%) adalah dari parti BN (parti MCA seramai 2 orang (8%) dan parti UMNO seramai 4 orang (16%). Responden yang menyertai parti UMNO ini adalah terdiri dari mereka yang berumah tangga dengan orang-orang Melayu. Seorang (4%) dari responden ada menyertai parti DAP.

<sup>1</sup> Hak-hak rakyat dalam politik, sila lihat Aristotle, Politics (ed) oleh H. Rackham, London, W. Heinemann, 1932.

Ada banyak faktor-faktor yang menentukan keamanan sebuah negara. Disamping mempunyai sistem politik, ekonomi dan sosialnya yang teratur, mantap dan tegas, sesebuah negara itu perlu juga mengadakan hubungan diplomatik dengan negara lain. Dengan lain-lain perkataan, hubungan diplomatik itu adalah penting kerana banyak faedah dapat diperolehi. Sesebuah negara itu bukan sahaja dapat bertukar-tukar fikiran dan mengeratkan tali persahabatan diantara satu sama lain, tetapi yang lebih penting ialah boleh mendapatkan pertolongan dan kerjasama dari negara-negara lain terutama dari segi ekonomi. Malaysia, sejak merdeka lagi telah banyak mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain. Berhubung dengan perkara ini, pengkaji telah bertanya kepada responden, "Patutkah negara Malaysia mengadakan hubungan diplomatik terutama sekali dengan negara Cina?"<sup>1</sup> Didapati seramai 23 orang (92%) dari jumlah responden bersetuju dengan soalan ini. Sebaliknya seramai 2 orang (8%) tidak bersetuju dengan alasan bahawa negara Cina adalah negara komunis dan ditakuti faham ideologinya akan mengalir ke negara ini. Bagi mereka yang bersetuju berpendapat bahawa adalah tidak salah membuat hubungan diplomatik terutama sekali dengan negara tersebut kerana sekurang-kurangnya dapat mengetahui tentang corak pemerintahannya dan boleh dijadikan pengajaran. Biarpun musuh yang paling utama di Malaysia ialah komunis, tetapi ini tidak bermakna negara Cina komunis menjadi musuh Malaysia. Contohnya telah dua kali Perdana Menteri Malaysia membuat lawatan ke negara Cina Naib Perdana Menteri Cina juga pernah datang ke negara ini.

<sup>1</sup>Tujuan soalan ini ialah untuk mengetahui setakat mana kuatnya ikatan atau hubungan perasaan responden terhadap negara Cina. Walaupun pengkaji tahu bahawa kesemua responden adalah rakyat Malaysia, tetapi yang lebih penting ialah pengkaji ingin tahu setakat mana adanya semangat kebangsaan etnik dikalangan responden ini.

Bila membincangkan tentang pemimpin, apa yang lebih penting ialah sifat-sifat pemimpin itu kerana pemimpinlah yang bertanggungjawab membuat, menggubal dan melaksanakan polisi kerajaan. Pemimpin juga telah diberi kepercayaan oleh rakyat untuk mentadbirkan negara mengikut hasrat dan cita-cita rakyat. Dalam persoalan tentang sifat-sifat pemimpin yang disukai oleh responden, didapati hampir kesemua responden berkehendakan sifat-sifat yang baik yang seharusnya ada pada diri setiap orang lebih-lebih lagi pemimpin. Sifat-sifat itu dari sudut pandangan Islam ialah seperti adil, jujur, bijaksama, berdidikasi, bertanggungjawab, bertolak ansur, menepati janji dan orang-orang yang berugama Islam yang mempunyai iman yang tinggi terhadap Allah. Seandainya semua sifat-sifat pemimpin ini ada pada diri setiap pemimpin tentulah negara yang dipimpin itu akan aman dan damai sebagaimana yang diharap-harapkan oleh setiap rakyat.

Apakah semangat perkauman ini ada pada diri responden dalam memilih seseorang pemimpin atau adakah ciri-ciri seperti di atas lebih dipentingkan. Untuk menjawab persoalan ini, kajian telah dibuat ke atas responden Melayu. Berdasarkan dari jawapan yang diberikan, didapati semangat perkauman ini tetap ada. Hanya seramai 12 orang (40%) responden Melayu yang mengatakan mereka sanggup melantik orang-orang Cina Islam dalam apa-apa juga jawatan, sedangkan yang 60% lagi tidak sanggup. (Ketidaksanggupan mereka ini adalah disebabkan mereka kurang yakin dengan pendirian orang-orang Cina Islam lantaran terdapatnya prasangka dalam diri mereka. Mereka beranggapan bahawa setiap etnik mesti mempunyai semangat yang kuat terhadap etniknya sendiri. Terdapatnya perbezaan ini kerana semangat ini telah ditanam sejak kecil

lagi melalui proses sosialisasi.<sup>1</sup> Contohnya aspirasi ibu bapa terhadap anak-anak mereka yang sering didengar adalah saperti, " Semoga anak itu akan berguna kepada 'bangsa', negara dan ugama.... berjuanglah untuk menegakkan 'bangsa' .... tidak Melayu hilang di dunia " dan lain-lain lagi. Untuk 'bangsa' bagi orang-orang Melayu bererti bangsa Melayu. Dengan ini orang-orang Melayu berprasangka bahawa sikap diskriminasi orang-orang Cina ke atas orang-orang Melayu tetap ada walaupun orang-orang Cina Islam ini dilantik menjadi pemimpin. Seramai 18 orang (60%) responden Melayu lagi tidak sanggup melantik orang-orang Cina Islam menjadi pemimpin mereka biarpun mereka ini mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang baik jika dibandingkan dengan orang-orang Melayu, namun mereka tetap akan melantik orang-orang Melayu. Begitu juga persoalan yang mengatakan bahawa seandainya Perdana Menteri atau menteri-menteri kabinet Malaysia, semuanya terdiri dari orang-orang Cina Islam yang mempunyai akhlak dan kefahaman Islam yang tinggi bertanding sebagai calun, didapati seramai 12 orang (40%) sahaja dari mereka yang sanggup melantiknya sedangkan 18 orang (60%) lagi tidak.

Walaupun ugama Islam tidak memerlukan apa-apa lambang melainkan bulan bintang dan mesjid, tetapi dalam konteks negara Malaysia, raja dianggap sebagai lambang ugama. Ianya juga sebagai lambang perpaduan dan ketaatan juga kepatuhan rakyat terhadap negara dan ugama, kerana raja-raja telah diberi kuasa penuh dalam mentadbirkan hal-hal berkaitan ugama Islam di negara ini. Didapati kebanyakan responden Cina Islam bersetuju dengan pendapat ini, kerana mereka berpendapat seandainya

<sup>1</sup> Proses sosialisasi politik, sila lihat John A. Clausen, Committee on Socialization and Society, (ed) Boston, (Mass), Little, Brown 1968.

tidak ada satu-satu badan yang tegas, dalam mengendalikan sesuatu sudah tentu keadaan kucar kacir akan berlaku dan hanya raja-rajalah yang paling sesuai diberikan tugas ini.

Masaalah etnik merupakan masaalah utama di Malaysia, kenapa ianya mesti ujud adalah persoalan yang paling sukar untuk dijawab. Ini mungkin disebabkan setiap kumpulan etnik itu mempunyai prasangka terhadap etnik lain yang diwarisi sejak dahulu lagi. Mungkin juga ada kepentingan yang kolektif dalam sesuatu kumpulan etnik itu yang ingin diperolehi atau dikekalkan supaya tidak beralih ke tangan etnik lain. Perasaan dendki yang tidak berasas inilah yang ada dalam setiap diri individu dalam sesuatu kumpulan etnik terhadap etnik yang lain, amat sukar untuk dihapuskan atau dibenteras. Sebagaimana yang diketahui, Malaysia mempunyai tiga kumpulan etnik yang besar iaitu Melayu, Cina dan India. Setakat ini perpaduan kaum sebagaimana yang dilaung-laungkan oleh kerajaan belum lagi mencapai hasil yang maksima. Jadi faktor politik yang memainkan peranan penting dalam negara belum lagi dapat menyelesaikan masaalah etnik yang dihadapi sekarang ini. Kenyataan ini telah dipersetujui oleh kesemua (100%) responden samaada responden Cina Islam ataupun responden Melayu. Dari apa yang dapat diperhatikan dalam tiap-tiap parti politik itu sendiri, didapati parti-parti politik yang ujud itu adalah berdasarkan identiti etnik itu sendiri. Contohnya UMNO, mewakili parti orang Melayu, MCA mewakili parti orang Cina dan MIC yang mewakili parti orang-orang India yang sungguhpun bergabung membentuk Barisan Nasional dan merupakan parti yang diberi mandat dalam memimpin negara, tetapi masih terdapat ciri-ciri perkauman. Sebabnya dikatakan demikian ialah semasa hendak diadakan pilihanraya, kempen-kempen yang dibuat oleh calun-calun dari

tiap-tiap parti itu juga berdasarkan perkauman atau membuat kempen-kempen ke atas kumpulan etniknya sendiri, yang berdasarkan semangat perkauman dan biasanya menggunakan issue-issue yang sensitif. Kita dapati orang-orang Melayu berkempen dikalangan orang-orang Melayu terutama di kampung-kampung atau di tempat-tempat di mana terdapat ramai undi Melayu dengan membangkitkan issue 'pembangunan', orang-orang Cina hanya berkempen dikalangan orang-orang Cina dan begitu juga dengan orang-orang India. Perkara ini memang terjadi kerana pengujudan parti-parti politik itu sendiri berdasarkan perkauman, atas kepentingan politik itu sendiri.<sup>1</sup>

Walaupun pada hakikat yang sebenarnya kerajaan berbuat demikian bukanlah untuk menguatkan lagi perasaan sentimen tersebut, tetapi apa yang terjadi itu hanyalah sebagai 'side-effect' sahaja. Tujuan utamanya ialah untuk mengetahui hasrat rakyat atau masaalah yang dihadapi oleh rakyat yang boleh disuarakan melalui wakil-wakil rakyat masing-masing. Jadi untuk menyenangkan dan melicinkan lagi perjalanan adalah lebih mudah setiap etnik itu diwakilkan oleh orang dari kumpulan etnik yang sama.

Dari keterangan di atas, dikatakan sekali lagi bahawasannya sistem politik yang ada pada hari ini masih belum dapat mengatasi masaalah etnik. Soalan yang diajukan pada responden yang berbunyi, "Apakah sistem politik di Malaysia hari ini boleh menyelesaikan masaalah etnik yang dihadapi? Jika tidak, apakah bentuk penyelesaian pada pandangan encik? ". Saperti juga dalam mengujudkan perpaduan kaum, kebanyakan responden berpendapat bahawa alternatif yang paling utama dan ideal

<sup>1</sup> Sila lihat K.J.Ratnam, Faham Perkauman dan Proses Politik di Malaysia, University of Malaya Press, 1969, ms: 1 - 27

ialah ugama Islam, dengan ini segala sistem politik, sosial maupun ekonominya juga berunsurkan Islam. Menurut mereka setelah menganut ugama Islam, mereka memperolehi satu ketenangan jiwa yang tidak pernah mereka perolehi sebelumnya. Ini bukanlah bererti sebelum mereka menganut ugama Islam mereka sentiasa tidak tenteram, tetapi apa yang mereka katakan ketenteraman dan kecintaan mereka itu lebih sedikit buat masa sekarang jika dibandingkan dengan masa sebelumnya. Menurut Siti Hajar, salah seorang dari orang Cina Islam mengatakan,

" If you become a muslim, you'll be alright ". Katanya lagi, " Islam with its teachings is perfectly rational and it is very simple religion ". Tambah beliau, " When I was at school I studied Christianity but could not decide whether to become a Christian, later I got married to a Buddhist and for some years I was in the Buddhist circle, but still I cannot find peace and happiness within my self ".<sup>1</sup>

Jadi, masaalah etnik yang ujud bukan sahaja disebabkan oleh masaalah " kebangsaan etnik " tetapi juga disebabkan oleh berbagai sebab lain seperti ekonomi, sosial dan sebagainya.<sup>2</sup> Apa yang penting ialah perlu diselidiki sebab-sebab prasangka itu terjadi. Ini mungkin disebabkan oleh 'tension' atau ketegangan dalam diri seorang apabila melihat seseorang atau alam sekeliling mereka yang dirasakan bertentangan atau mencabar diri mereka. Jadi timbulah perasaan marah atau dengki atau sebagainya terhadap sesuatu. Untuk menteramkan keadaan ini, menurut mereka hanya Islam sahaja yang boleh menyelesaikannya. Secara idealnya segala ajaran-ajaran Islam adalah membentuk peribadi yang insaf, tunduk (patuh), merendah diri, pemaaf,

<sup>1</sup> Sila lihat Islamic Herald, vol. 1, bilangan 2, ms: 23

<sup>2</sup> Faktor-faktor penghalang hubungan etnik, sila lihat Sanusi Osman, op.cit.

bertimbang rasa, tenang jiwa, bertolak ansur dan sebagainya. Dengan adanya sikap-sikap seperti ini dengan sendirinya akan mengujudkan perpaduan kaum kerana perpaduan dalam Islam tidak berdasarkan kepada material semata-mata tetapi berdasarkan spiritual. Ikatan perpaduan yang ujud melalui spiritual adalah lebih berkesan dari ikatan yang ujud melalui material. Ini bukan bermakna Islam tidak ada penyelesaian dari segi material. Penyelesaian dari segi material tetap ada contohnya adanya hukum-hukum yang menyelesaikan masaalah ekonomi seperti Hukum Fara'id, hukum yang menyelesaikan masaalah jenayah seperti hukum Jinayat dan sebagainya, kerana Islam merangkumi segala aspek kehidupan.

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap negara menghadapi berbagai-bagai masaalah politik seperti masaalah hubungan ras, jurang yang nyata diantara golongan kaya dan miskin, kominis, penguasaan politik oleh orang-orang Melayu dan lain-lain lagi. Didapati seramai 15 orang (60%) responden Cina Islam, menjawab masaalah hubungan ras itu menjadi masaalah utama. Seramai 8 orang (32%) mengatakan kominis itu menjadi masaalah kedua dan seramai 2 orang (8%) lagi mengatakan jurang kaya miskin menjadi masaalah ketiga. Dengan ini didapati masaalah hubungan ras atau perpaduan kaum itu masih menjadi masaalah yang penting. Memang perkara ini menjadi kenyataan dan kalau masaalah ini tidak ada sudah tentu masaalah kedua iaitu masaalah kominis akan mudah sahaja diatasi kerana semua rakyat bersatu menentang atau melawan masaalah itu. Jurang kaya miskin yang terlalu nyata dikalangan rakyat juga merupakan masaalah yang memang diambil berat oleh kerajaan. Keadaan kemiskinan ini memang ujud dalam negara yang mengamalkan sistem pemeringkahan demokrasi dan sistem ekonomi yang bercorak kapitalis kerana peluang-peluang untuk merebut kekayaan itu amat terbuka kepada sesiapa sahaja

asalkan rajin berusaha, tetapi hakikat ini masih boleh dipertikaikan lagi apabila membincangkan apakah yang dikatakan kemiskinan itu dan sebab-sebab yang menyebabkan terjadinya kemiskinan dan bagaimana jurang ini boleh ujud.<sup>1</sup> Dalam konteks negara Malaysia, kemiskinan dan jurang kaya miskin yang ujud adalah lebih disebabkan oleh faktor sejarah. Untuk mengatasi masaalah ini kerajaan telah mengadakan berbagai-bagai program seperti yang tercatit dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga. Tetapi perkara ini masih belum sempak kejayaannya lagi kerana penyelesaiannya memerlukan jangkamasa yang panjang. Walaubagaimanapun masaalah-masaalah lain seperti ketidak-sediaan orang-orang Cina untuk berkongsi kekayaan dengan orang-orang Melayu, penguasaan politik oleh orang-orang Melayu dan lain-lain lagi bukanlah tidak menjadi masaalah tetapi masaalah itu dianggap masaalah yang lebih rendah jika dibandingkan dengan tiga masaalah yang disebutkan tadi. Seandainya tiga masaalah utama tadi dapat diselesaikan atau diatasi, masaalah yang terkemudian itu akan menjadi masaalah yang rendah sahaja.

### 3. Sistem Politik Islam

Menurut kacamata kebanyakan orang-orang Islam, sistem politik Islamlah yang paling baik dan ideal jika dibandingkan sistem politik Barat sebagaimana yang diamalkan oleh kebanyakan negara-negara di dunia pada masa ini. Ini adalah disebabkan sistem politik Islam ada-


<sup>1</sup> Untuk lebih lanjut sila lihat, Syed Hussin Ali, Apa Erti Pembangunan, DBP, KL, 1976 dan juga Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan, Karangkraf Sdn. Bhd. 1978.

lah sistem politik yang diwahyukan, yang bukan ciptaan manusia tetapi ciptaan Allah. Adalah menjadi hasrat sebilangan besar umat Islam (termasuk responden Cina Islam) ini untuk melihat perlaksanaan hukum Islam sepenuhnya di negara ini, jadi adalah wajar dipaparkan di sini tentang sistem politik Islam itu secara lengkap.

Islam adalah agama yang merangkumi seluruh kehidupan manusia dan tidak memisahkan diantara dunia dan akhirat.<sup>1</sup> Oleh sebab itu Islam telah menggariskan bentuk politik, ekonomi, dan sosialnya yang sendiri yang didasarkan di atas empat sumber-sumber hukum Islam iaitu Al Quran, Al Hadith, pengakuan umat Islam (Qias) dan keputusan dari para hakim (Ijma').<sup>2</sup> Politik itu menurut pandangan Islam merupakan salah satu dari cabang kehidupan kebudayaan masyarakat. Dengan ini politik yang dibangun itu sudah tentulah berdasarkan dari empat sumber hukum ini. Untuk melihat kedudukan politik dengan lebih jelas lagi, sila lihat rajah I.

Rajah I

Islam merangkumi seluruh bidang kehidupan



\*Dikutip dari, Gazalba, Pustaka Antara Jakarta, 1975 ms:96-97.

<sup>1</sup> Contohnya Hadith Nabi Muhammad s.a.w., "Beramallah kamu seolah-olah kamu mati esok hari, berusahalah seolah-olah kamu hidup seribu tahun lagi"

<sup>2</sup> Sherwani, Haroon Khan, Kempelajaran Pendapat-pendapat Sarjana Islam Tentang Administratif Negara, Tantamas, Jakarta, 1964 ms: 101.

Berdasarkan rajah di atas, rumusan boleh dibuat seperti berikut,

- (1) Quran sebagai undang-undang dasar mengandungi arahan dan prinsip-prinsip pokok asas seluruh hukum Islam, datangnya dari Allah.
- (2) Hadith sebagai undang-undang memerinci dan mentafsirkan Quran, selanjutnya merupakan prinsip kedua asas seluruh hukum Islam. Datangnya dari Nabi Muhamad s.w.
- (3) Berdasarkan Quran dan Hadith, ijtihad menyusun peraturan-peraturan (kaidah-kaidah hukum) untuk melaksanakan Quran dan Hadith dalam ....
- (4) Kehidupan kebudayaan masyarakat.

Jadi jika sistem politik Islam diamalkan di sebuah negara, ini bermakna negara tersebut adalah negara Islam dan segala undang-undang yang dijalankan adalah mengikut hukum Islam. Dengan ini negara Islam adalah negara ideologi atau lebih tepat negara yang dibangunkan atas dasar aqidah Islamiyah dengan seluruh pola dan lunas yang lahir darinya. Ia bukan negara kedaerahan yang terbatas, pemimpin-pemimpin negara bukan berfaham 'chauvinism' yang menyempitkan dirinya dengan batasan kaum, keturunan dan warna kulit. Tetapi negara yang berteraskan konsep Islam, meluas dan merambah ke daerah-daerah yang dijajahi oleh konsep tersebut. Ia juga tidak memberi tempat bagi memanjakan segolongan dari golongan yang lain atas dasar warna, keturunan atau daerah. Oleh kerana watak negara Islam yang demikian, sebenarnya ia boleh jadi bentuk negara yang universal, merangkumi berbagai keturunan dan warna kulit. Semua orang berpegang pada aqidah Islam - sebagai ikatan untuk perpaduan rakyat; membela keyakinan dan sistemnya. Rakyat yang bukan Islam boleh tinggal di negara Islam tanpa menukar ugamanya

kerana hak ini dilindungi oleh negara dan tidak ada sesiapa pun berhak memaksanya untuk menukar ugama.<sup>1</sup>

Dalam hal ini yang penting ialah hak-hak individu dari segi politik dalam negara Islam, sifat-sifat pemimpin yang memimpin negara Islam dan 'syakhsiah' undang-undang yang dilaksanakan di negara itu. Dengan ini tujuan negara Islam, bukanlah sekadar untuk mengujudkan keamanan, suasana damai, melindungi keselamatan rakyat dan menentang pencerobohan musuh dari luar tetapi yang lebih utama ialah untuk melaksanakan hukum-hukum Islam dalam segala urusan kenegaraan dan menyibarkan dakwah Islamiyah di seluruh pelusuk dunia.

Menurut Dr. A.Karim Zaidan (1978:22), hak individu dalam negara adalah yang terpenting dan ini terbahagi kepada dua, iaitu hak politik dan hak umum (dari segi persamaan dan kebebasan). Hak-hak politik yang dinikmati oleh seseorang warganegara adalah seperti hak mengundi, mencalunkan diri dan menjawat jawatan atau yang bersabit dengan hal mentadbirkan urusan negara dan pemerintahan, seseorang individu itu berhak mengundi untuk memilih ketua negaranya berdasarkan prinsip 'syura' yang diakui oleh syariat.<sup>2</sup> 'Syura' itu maksudnya ialah pemesyuaratan atau pengundian yang dibuat untuk menyelesaikan sesuatu perkara. Oleh yang demikian, Islam itu adalah pengasas demokrasi tulen. Pemilihan ketua negara adalah satu perkara yang besar, yang perlu mendapat persetujuan bersama, kerana pemilihannya banyak menentukan nasib masyarakat umum. Pendapat dan pendirian seseorang amat-amat diperlukan secara

<sup>1</sup> Dr. A. Karim Zaidan, Umat Dan Negara Dalam Syariat Islam, Kota Baharu, 1978, ms: 19.

<sup>2</sup> Surah As-Syura ; ayat 38 yang bermaksud, " Dan perkara mereka (diselesaikan dengan) pemesyuaratan sesama mereka ".

berterus terang tentang siapa yang bakal dipilih oleh mereka. Disamping itu warganegara di dalam sesebuah negara Islam, adalah mempunyai tanggungjawab yang kolektif dalam melaksanakan undang-undang Islam. Di dalam Islam, tugas melaksanakan undang-undang Islam bukan sahaja dibebankan ke atas bahu pemerintah bahkan adalah tanggungjawab setiap umat Islam. Ini jelas dalam ayat Quran yang bermaksud,

" Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang-orang yang menegakkan kebenaran, sebagai saksi bagi Allah, walaupun terhadap diri kamu sendiri, dua ibu bapa dan kerabat ".<sup>1</sup>

Ayat lain bermaksud,

" Orang mukmin lelaki dan perempuan setengah mereka membantu pada yang lain, ia menyuruh yang baik dan menegah yang mungkar ".<sup>2</sup>

Ketua negara atau wakil umat mempunyai status yang tinggi menurut pandangan Islam kerana tanggungjawabnya yang berat dan keujudannya menurut hukum adalah fardhu kifayah, sebab itulah sifat pemimpin itu amat dipentingkan dalam Islam. Menurut Al Mawardi,<sup>3</sup> ada tujuh syarat yang harus ada pada seseorang pemimpin itu iaitu jujur, dipercayai, mempunyai kebebasan diri, mempunyai hubungan baik dengan rakyat (kalau ia tidak boleh membuat keadilan), intelligensi dan dapat mengenggam sesuatu kebenaran, mempunyai kemewahan dan kecintaan (kerana kalau tidak ia mungkin terjatuh menjadi mangsa kejahatan kerana hidup untuk cinta dan kemewahan yang menyebabkan keruntuhan dan kelemahan pemikir) dan diplomasi dan pengalaman. Disamping sifat-sifat ini, dan faktor umur,

<sup>1</sup> Surah An Nisa' ayat 135.

<sup>2</sup> Surah Al A'raf ayat 3.

<sup>3</sup> Al Mawardi, Ahkam Sultaniyyah, lihat Sherwani, op.cit (terjemahan), ms: 97.

hak milik dan kedieman, pemimpin mestilah berugama Islam.

Di dalam sesebuah negara yang mengamalkan sistem politik Islam atau rengkasnya sebuah negara Islam, tentu sekali sistem perundangannya juga adalah undang-undang Islam. Undang-undang Islam juga bererti hukum Islam. Bila menyebut tentang undang-undang Islam atau hukum Islam, kebanyakan orang terus mengaitkan dengan hukum potong tangan bagi yang mencuri, hukum sula atau rejam sampai mati bagi yang berzina, hukum bunuh bagi yang murtad dan sebagainya. Ini semua dianggap sebagai zalim dan kejam. Ini bererti mereka menganggap bahawa hukum Islam itu kejam. Anggapan saperti ini biasanya lahir dari tafsiran atau pandangan seseorang yang latarbelakang ugamanya kurang baik. Kalau seseorang itu lebih suka melihat kekejaman hasil dari perbuatan hina itu, beliau akan mengatakan hukuman yang dikenakan ke atas perbuatan itu adalah kejam, sedangkan bagi orang yang tidak suka melihat kekejaman hasil dari perbuatan keji itu mengatakan hukuman yang dikenakan adalah amat wajar sekali. Menurut Prof. Ahmad Ibrahim,

" Dalam undang-undang sesuatu hukum tidak akan dikenakan melainkan jika terdapat bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa sebab-sebab yang menasabah dan si penjenayah itu tidak dipaksa oleh keadaan sekelilingnya. Umpamanya dalam undang-undang Islam, jika seseorang mencuri maka tangannya dipotong. Akan tetapi hukum itu tidak harus dijalankan jika ada apa-apa syak bahawa orang yang melakukan mencuri itu telah didorong untuk berbuat demikian kerana kelaparan ".<sup>1</sup> 1

Dengan ini, untuk menjatuhkan sesuatu hukuman itu bukanlah dibuat dengan sewenang-wenangnya tanpa ada bukti-bukti dan saksi yang nyata. Sebenarnya hukum Islam yang dikatakan kejam itu bukanlah hasil ciptaan manusia tetapi adalah dari Allah, yang tiada sifat-sifat cacat. Al Quran dengan

<sup>1</sup> Dewan Masyarakat, DBP, July 1978, ms: 11

Jelas menyatakan,

" Sesungguhnya kami telah turunkan Al Quran ini kepada kamu dengan sebenarnya, supaya kamu menghukum antara manusia menurut secara yang diterangkan oleh Allah kepada kamu, dan janganlah kamu menjadi pembela orang-orang yang khianat ".<sup>1</sup>

Hukum yang paling jelas dalam Islam ialah hukum jenayah kerana jenayah ini bukan sahaja melibatkan diri individu yang berkenaan tetapi juga melibatkan masyarakat. Jenayah Islam terbahagi kepada tiga bahagian iaitu: i) Hudud ii) Qisas iii) Takzir. Istilah Hudud, qisas dan takzir ini bermaksud seksaan atau hukuman yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. yang wajib dilaksanakan sebagai memenuhi hak Allah s.w.t. Sebagai ciptaan Allah, ia berfungsi sebagai pencegah (deterrence) sebelum sesuatu jenayah itu berlaku dan untuk menimbulkan penyesalan kepada orang yang telah menerima hukuman itu. Jelasnya hukum-hukum ini adalah untuk mencegah jenayah bukan ujud sebelum ujudnya jenayah.<sup>2</sup> Dengan lain-lain perkataan, hukum-hukum jenayah ini dibuat sebegini rupa bukanlah untuk menunjukkan kekejaman tetapi atas kekejaman itulah untuk memberi pengajaran kepada sesiapa saja supaya tidak melakukan jenayah tersebut. Jadi, seandainya hukum ini diketahui oleh setiap orang dan dijalankan dengan kuatkuasa, nescaya tidak ada kejadian jenayah yang terjadi.

Walaupun dari segi teorinya, undang-undang Islam ini melambangkan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan, tetapi ternyata tidak dipraktikkan oleh mana-mana negara. Hatta negara-negara yang mempunyai majoriti orang-orang Islam pun kadang-kadang tidak dapat

<sup>1</sup> Surah An Nisa' ayat, 105.

<sup>2</sup> Dewan Masyarakat, op.cit. ms: 9

mendaulatkan undang-undang Islam. Turki, Mesir, Algeria dan lain-lain lagi adalah merupakan negara-negara Islam yang tidak mendaulatkan undang-undang Islam.<sup>1</sup>

#### 4. Kesimpulan

Pada keseluruhannya, penglibatan dan kefahaman responden terhadap politik adalah tidak begitu memuaskan baik responden Melayu ataupun responden Cina Islam. Meskipun mereka sedar bahawa masaalah-masaalah politik yang dihadapi oleh Malaysia, memerlukan kerjasama dari mereka. Sungguhpun kedua-dua responden yang berlainan latar - belakang etnik ini berugama Islam, tetapi semangat kebangsaan etnik itu lebih kuat jika dibandingkan dengan semangat keislaman. Ini dapat dibuktikan melalui sikap responden dalam melantik pemimpin mereka dimana mereka lebih suka melantik orang-orang yang seetnik dari seugama dengan mereka, biarpun orang-orang yang bakal dilantik itu mempunyai kurang pengetahuan ugamanya. Jadi dengan ini, cita-cita untuk melaksanakan hukum Islam dan pengujudan negara Islam itu, sebagaimana yang mereka inginkan akan hanya tinggal sebagai impian sahaja. Di sini terdapat kontradiksi diantara cita-cita dan amalan.

<sup>1</sup> Ibid, ms: 13

## 5. ASPEK EKONOMI

Oleh kerana tujuan utama kajian ini untuk melihat perhubungan antara etnik, jadi angkubah yang paling sesuai untuk mengkaji perhubungan ini dari segi ekonomi ialah Dasar Ekonomi Baru.<sup>1</sup> Di sini akan dibincangkan pandangan responden Cina Islam terhadap DEB, semoga dengan ini akan dapat menjawab persoalan-persoalan yang timbul seperti berikut:-

- 1) Apakah perlaksanaan DEB ini dapat mengurangkan seterusnya mengatasi masalah etnik atau tidak,
- 2) Apakah DEB ini dianggap adil oleh mereka.

Saperti yang diketahui, penubuhan DEB adalah berdasarkan latarbelakang sejarah negara ini. Pada 13hb. Mei 1969, telah terjadi satu peristiwa sejarah di Malaysia, dimana berlaku konflik etnik yang hebat diantara orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina. Banyak pengajaran dan langkah-langkah yang boleh diambil darinya. Kerajaan sedar akan sebab utama tercetusnya peristiwa itu ialah berpunca dari ketidaksamaan atau rasa tidak puashati dikalangan orang-orang Melayu terhadap orang-orang Cina dari segi ekonomi. Terdapat jurang yang nyata diantara orang-orang yang miskin dan kaya dimana yang kaya terlalu kaya dan yang miskin terlalu miskin. Berdasarkan implikasi ini dan kemungkinan implikasi-implikasi lain, kerajaan telah mengambil langkah dengan menubuhkan DEB di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Jadi, objektif DEB yang utama ialah untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dengan mengadakan program-program menambahkan daya pengeluaran dan menambahkan pendapatan bagi mereka yang bekerja di sektor-sektor yang daya pengeluarannya rendah. Objektif kedua ialah untuk menyusun semula

<sup>1</sup> Selepas ini disebut DEB sahaja.

struktur masyarakat iaitu untuk mengurangkan jurang kaya miskin terutamanya pengenalan mengikut kaum. Sebab itulah program yang diadakan untuk tujuan ini ialah melalui penyertaan 30% bumiputra ke dalam sektor perniagaan, memodenkan kehidupan luarbandar dan mengadakan pembangunan yang seimbang diantara luarbandar dan bandar.<sup>1</sup>

DEB dengan matlamat-matlamat dan program-programnya yang sebegini rupa, adakah ianya dianggap adil oleh masyarakat. Berdasarkan kajian yang dibuat, didapati seramai 15 orang (60%) responden Cina Islam ini mengatakan DEB adalah adil dan baik. Menurut pendapat mereka lagi langkah yang diambil oleh kerajaan ini adalah wajar dan kena pada tempatnya. Ini ternyata apabila diteliti dari segi program-programnya didapati kerajaan lebih bertimbangrasa dan mementingkan nasib golongan miskin tanpa mengira kaum. Dengan ini kerajaan berusaha untuk memperseimbangkan ekonomi rakyat, meninggikan taraf ekonomi negara dan lain-lain lagi. Namun begitu terdapat seramai 6 orang (24%) yang mengatakan DEB ini tidak adil. Alasan-alasan yang diberikan oleh mereka ialah seperti berikut:-

- i) Segala peruntukan DEB ini kebanyakannya untuk orang-orang Melayu sahaja.
- ii) Semakin banyak kejadian-kejadian yang tidak diingini akan berlaku seperti rasuah terhadap material, moral dan budaya.
- iii) Dalam melaksanakan projek-projek DEB, bererti mengizinkan para "kapitalis" mencengkam ekonomi rakyat secara tanpa disedari dan rakyat menjadi terpesona dengan laungan-laungan "pembangunan moden".

Manakala seramai 4 orang (16%) responden enggan mengatakan pendapat mereka tentang perkara ini.

<sup>1</sup> Untuk lebih lanjut sila lihat Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-1980, Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.

Bagi responden Melayu pula, seramai 24 orang (80%) menyatakan mereka amat tidak setuju jika orang-orang Cina Islam mendapat hak yang samarata dalam DEB. Mereka menyatakan orang-orang Cina Islam kebanyakannya sudah kaya atau lebih tinggi taraf ekonominya dari orang-orang Melayu.<sup>1</sup> Menurut pendapat mereka, jika diberikan hak-hak yang sama dari segi ekonomi seperti orang-orang Melayu, ini akan menambahkan lagi jurang perbezaan diantara kaum dimana yang miskin bertambah miskin dan yang kaya bertambah kaya. Memeluk ugama Islam tidak bererti mereka menggunakan kesempatan itu untuk merebut peluang-peluang yang diberikan oleh kerajaan kepada orang-orang Melayu. Begitu juga dengan peruntukan istimewa yang diberikan kepada orang-orang Melayu seperti peruntukan tanah simpanan Melayu dan pemberian biasiswa kepada orang-orang Melayu atau bumiputera. Responden Melayu berpendapat, seandainya tanah-tanah simpanan diberikan juga kepada orang-orang bukan bumiputera, keadaan ini dikatakan sudah terbalik. Orang-orang Melayu takut kalau-kalau terjadi perkara-perkara yang tidak diingini seperti kata peribahasa Melayu, "Kera di hutan disusukan, ayam di kepok mati kelaparan, itik di air mati kehausan!". Mereka mengatakan hak-hak ini adalah hak-hak mereka sebagai golongan peribumi. Alasan-alasan ini diperkuatkan lagi dengan berdasarkan fakta sejarah iaitu golongan peribumi inilah yang berjuang menuntut kemerdekaan dan membebaskan negara ini dari penjajah. Sedangkan orang-orang Cina (termasuk orang-orang Cina Islam) pada asalnya adalah merupakan golongan pendatang yang datang ke negara ini untuk menimba kekayaan ekonomi negara ini.

---

<sup>1</sup> Ini merupakan pandangan sempit orang-orang Melayu yang selalu menganggap orang-orang Cina itu kaya.

Walaupun begitu pendapat ini bercanggah dengan pendapat responden Cina Islam, mereka mengatakan orang-orang Cina adalah merupakan orang-orang yang memajukan ekonomi negara ini jika dibandingkan dengan orang-orang Melayu yang dikatakan orang-orang peribumi. Mengapa orang-orang peribumi ini tidak mahu berusaha seperti orang-orang Cina yang dikatakan golongan pendatang dan akhirnya dapat menguasai sebahagian besar ekonomi negara.<sup>1</sup> Mereka mengatakan tanpa orang-orang Cina yang mendirikan bandar-bandar besar (contohnya Kuala Lumpur yang diasaskan oleh Yap Ah Loy), pembangunan negara Malaysia yang dibanggakan pesat membangun tidak mungkin terdapat seperti keadaan yang ada pada hari ini. Ini adalah tidak patut jika kaum mereka ini tidak diambil kira oleh mana-mana pihak. Sungguhpun sebilangan besar dari responden Cina Islam mengatakan DEB ini adil, tetapi masih nampak rasa ketidakpuasihatian mereka terutama tentang pemberian biasiswa, bantuan-bantuan (subsidi) yang disediakan oleh kerajaan dan lain-lain adalah agak keterlaluan sehingga lebih jelas kelihatan seolah-olah orang-orang Melayu atau bumiputera itu sangat-sangat mengharapkan bantuan kerajaan tanpa mahu berusaha lebih. Ini juga menerbitkan sentimen yang tidak sehat dan mereka merasakan mahu tidak mahu terpaksa beriri hati. Menurut pandangan mereka jika seseorang itu berusaha tentu akan berjaya dan orang-orang lain tidak boleh beriri hati kepada orang-orang yang berusaha untuk mendapatkan kekayaan sedangkan ia tidak mahu berusaha dan hanya mahu mengharapkan

---

<sup>1</sup> Perkara seperti ini sebenarnya memang telah dirancang oleh pihak penjajah Inggeris. Contohnya, dari segi penempatan dan kegiatan ekonomi, dimana orang-orang Melayu ditempatkan di kawasan-kawasan pedalaman dengan aktiviti pertanian sedangkan orang-orang Cina ditempatkan di bandar-bandar dengan menjalankan aktiviti perniagaan. Begitu juga dengan sistem pendidikan. Orang-orang Melayu hanya diberikan dengan pendidikan asas (hanya tahu menulis, membaca dan mengira) sedangkan orang-orang Cina diberi peluang untuk mendapatkan pelajaran tinggi. Polarisaasi tersebut menampakkan diskriminasi dari pihak penjajah.

bantuan dari pihak-pihak tertentu untuk menjadi kaya.<sup>1</sup>

Dari dua pandangan yang berbeza ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa setiap kumpulan etnik ingin menegakkan kebenaran masing-masing dan mencari kesalahan orang lain dan ini lebih tepat kalau dikatakan sebagai "scapegoat". Walaupun pendapat kedua-dua pihak ini dapat diterima tetapi pandangan seperti ini boleh dipersoalkan tanpa menyebalahi mana-mana pihak, kerana pandangan dari kedua-dua pihak adalah merupakan pandangan yang "emotional". Apa yang penting ialah keadaan kaya miskin memang ujud di negara ini dan hakikat ini tidak dapat disangkal lagi. Perkara seperti ini adalah perkara semulajadi kerana pengertian kaya miskin itu sendiri tidak mutlak. Tetapi yang perlu dihadapi ialah apakah sebaik-baik cara untuk mengurangkan jurang kaya miskin supaya tidak akan ujud satu masaalah ekonomi yang keterlaluan. Cara yang paling mudah dan dipraktikkan oleh kerajaan ialah dengan memberi bantuan kepada yang miskin, untuk menimbangkan jurang tersebut. Dengan ini pihak yang kaya tidak seharusnya berirji habi dengan pemberian itu kerana ianya tidak akan mendatangkan apa-apa kerugian kepada orang-orang yang kaya. Dalam konteks negara ini, secara kebetulan kebanyakan orang-orang Melayu adalah miskin, sebab itulah bantuan kerajaan banyak diberikan kepada mereka. Dengan terdapatnya polarisasi ini menyebabkan timbul rasa tidak puas hati dikalangan setengah-setengah pihak. Rasa tidak puas hati ini adalah satu perkara

<sup>1</sup> Ini hanyalah merupakan pandangan sempit orang-orang Cina terhadap orang-orang Melayu berdasarkan stereotype yang mengatakan orang-orang Melayu itu malas. Pendapat ini juga bermaksud kemalasan orang-orang Melayu menyebabkan mereka miskin. Walaubagaimanapun kemiskinan mereka ini masih boleh dipertikaikan lagi dan untuk lebih lanjut sila lihat Syed Hussin Ali, Apa Arti Pembangunan, op.cit. dan Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan, op.cit. dan lain-lain lagi.

yang kurang menyenangkan yang memang ada secara semula jadi pada diri setiap individu, disebabkan oleh berbagai sebab dan sebab-sebab di atas tadi seharusnya diterima sebagai satu fenomena sosial yang tidak mungkin dapat diselesaikan.

Bersabit dengan rancangan DEB ini, adakah responden Cina Islam ini pernah mengharapkan apa-apa bantuan berbentuk ekonomi dari kerajaan. Dari kajian ini didapati seramai 12 orang (48%) responden ada mengharapkan bantuan dari kerajaan. Mereka mengatakan ini adalah hak mereka sebagai warganegara Malaysia dan mereka ini bukanlah terdiri dari orang-orang yang kaya. Bentuk bantuan yang diharapkan seperti biasiswa dan peluang untuk memasuki rancangan-rancangan tanah seperti FELDA.<sup>1</sup> Bantuan biasiswa kebanyakannya diminta oleh para pelajar kerana mereka berhasrat untuk melanjutkan lagi pelajaran ugama ke luar negeri. Ini juga disebabkan mereka tidak ada tempat bergantung untuk meminta bantuan keewangan kerana keluarga mereka kurang bersetuju dengan pengislaman mereka lebih-lebih lagi apabila mendapat tahu yang mereka ini hendak mendalami pelajaran ugama. Bagi responden Cina Islam yang berumah tangga dengan orang-orang Melayu, mereka lebih ingin memohon bantuan untuk menyertai rancangan tanah sebagai jaminan masa depan anak-anak mereka.<sup>2</sup> Manakala seramai 13 orang (62%) lagi responden ada mengatakan secaraikhlas setakat ini belum ada apa-apa lagi bantuan yang mereka harapkan dari kerajaan.

<sup>1</sup> Biasiswa memanglah tergolong ke dalam hak-hak istimewa orang-orang Melayu. Buat masa sekarang peruntukan seperti ini juga diberikan kepada orang-orang bukan Melayu. Namun begitu masih ramai terdapat orang-orang bukan Melayu rasa tidak puas hati dengan peruntukan ini lantas mereka menganggap pemberian ini tidak adil. Ini boleh dilihat juga dalam kajian Sanusi Osman, op.cit.

<sup>2</sup> Ini adalah disebabkan pendapatan suami mereka tidak menjaminkan.

Memandangkan masaalah ekonomi menjadi masaalah serious di-Malaysia dan harus diselesaikan dengan seberapa segera, jadi apakah cara yang baik untuk menyelesaikan masaalah ini. Ekonomi Islam adalah satu metode yang paling ideal dalam menyelesaikan masaalah ini. Kenyataan ini telah dipersetujui oleh seramai 18 orang (72%) responden Cina Islam. Seramai 7 orang (28%) lagi tidak memberikan apa-apa jawapan atau memberikan pandangan mereka.

Ugama Islam memang ada penyelesaian kepada masaalah ekonomi.<sup>1</sup> Motif utama Islam ialah untuk kesejahteraan umatnya. Penyelesaian ekonomi menurut Islam diantaranya ialah melalui zakat fitrah.<sup>2</sup> Selain daripada itu umat Islam juga digalakkan bekerja. Setiap umat Islam diwajibkan membayar zakat fitrah sebanyak sekali dalam setahun iaitu disepanjang bulan Ramadhan tetapi sebaik-baik waktu membayarnya ialah sebelum sembahyang Hari Raya Idulfitri. Disamping itu umat Islam juga diwajibkan ~~mengeluarkan~~ mengeluarkan zakat bagi harta-harta yang dimiliki oleh mereka. Ini ialah sebagai satu cara untuk mengelakkan pembaziran dengan membeli barang-barang yang kurang perlu dan mahal harganya kerana akan mendatangkan ria' dan takbur. Sedangkan sikap seperti itu amat dilarang oleh Islam. Dengan memberi sedekah juga akan menambahkan rasa insaf bagi si pemberi manakala si penerima pula akan merasa bahagia. Tetapi perkara meminta-minta ini tidak digalakkan dalam Islam kerana Hadith Nabi Muhamad s.a.w. ada mengatakan, " Tangan yang menghulur lebih baik dari meminta-minta ". Sekali lagi ditegaskan iaitu Islam

<sup>1</sup> Surah At Taubah, ayat 60, yang bermaksud,

" Sesungguhnya sedekah/zakat itu bagi orang-orang fakir miskin , pengurus zakat, orang-orang masih belum dilunakkan hatinya kerana baru masuk Islam, untuk memerdekaan hamba-hamba, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah, untuk orang-orang musafir. Ini adalah ketentuan dari Allah dan Allah adalah maha mengetahui lagi maha bijaksana"

<sup>2</sup> Lihat Abul Ala Maududi, Masaalah Ekonomi Manusia dan Penyelesaiannya Secara Islam, (terjemahan), UM, KL, 1970.

mementingkan kesejahteraan. Apa guna hidup mewah sedangkan tidak aman dan tenteram?

## 6. Kesimpulan

Berdasarkan dari keterangan-keterangan di atas, kebanyakan responden Cina Islam berpendapat DEB adalah merupakan langkah kerajaan yang adil dalam menyusun semula masyarakat. Namun begitu sebilangan dari mereka mengatakan DEB ini tidak adil, mereka mengatakan segala peruntukan-peruntukan DEB itu adalah berat sebelah kerana banyak diberikan kepada orang-orang Melayu.

Dalam hal ini, orang-orang Melayu juga rasa tidak puas hati sekiranya peruntukan-peruntukan yang patut diterima oleh mereka itu diberikan pula kepada bangsa lain. Di sini terdapat rasa syak menge-  
syaki diantara satu etnik dengan yang lain. Motif DEB yang diharapkan murni itu telah dirasakan tidak akan menghasilkan seperti yang dicita-  
citakan sebaliknya berbagai-bagai persoalan yang timbul. Apakah DEB itu bertujuan untuk menjadikan orang-orang miskin supaya menjadi kaya? Apakah kalau sudah kaya (semua etnik) ini bermakna masalah etnik khasnya dari segi ekonomi akan selesai?

Perkongsian pihak-pihak suporti dari wajah pakuan, menggunakan akhir dapat mencipta simpati persamaan dengan pakuan kebiasaan orang-orang Melayu. Ketiga pakuan suporti itu adalah juju pakuan seorang Iban, seorang betek-betek orang tujuh dan perempuan. Sedikit juga dengan makhluk pertakungan, diperlukan latar ketimpal pertakungan makhluk yang seluruh di antara mereka dua galonan tersebut. Ini menggambarkan terdapatnya pengasingan dari tujuh orang (simpati). Dari bukti yang disebut, orang-orang Cina dalam ini didapat tinggal bersama-sama dengan orang-orang Cina yang tidak

## BAB VI

### PENUTUP

Setelah meneliti bab-bab yang lepas, didapati tidak terdapat sebarang bentuk assimilasi yang ujud. Teori assimilasi yang telah dikemukakan oleh Richard J. Coughlin iaitu apabila berlakunya incorporation atau penyerapan dimana manusia dari kawasan lain bergabung menjadi satu dengan kumpulan manusia yang lain sehingga kedua-dua golongan itu tidak dapat dipisahkan, tidak dapat dibuktikan dalam kajian ini.

Biarpun assimilasi kebudayaan atau perlakuan, assimilasi struktur, assimilasi perkahwinan, assimilasi identifikasi dan sebagainya tidak begitu ketara. Ini adalah disebabkan tidak terdapat peresapan yang meluas oleh orang-orang Cina Islam ke dalam masyarakat dan budaya Melayu. Walaupun terdapat sedikit-sedikit peresapan budaya tetapi hanya terhad kepada pakaian, makanan dan sistem kepercayaan sahaja. Orang-orang Cina Islam ini menafikan yang mereka menganut ugama Islam bukanlah untuk menjadi orang-orang Melayu. Segala peresapan yang dikatakan seperti dari segi pakaian, sungguhpun terdapat banyak ciri-ciri persamaan dengan pakaian kebiasaan orang-orang Melayu, tetapi pakaian seperti itu adalah juga pakaian menurut Islam, menutupi batas-batas aurat bagi lelaki dan perempuan. Begitu juga dengan assimilasi perkahwinan, didapati tidak terdapat perkahwinan campur yang meluas di antara kedua-dua golongan tersebut. Ini mungkin disebabkan terdapatnya pengasingan dari segi tempat tinggal (demografi). Dari kajian yang dibuat, orang-orang Cina Islam ini didapati tinggal bersama-sama dengan orang-orang Cina yang bukan

berugama Islam. Meskipun ada sebilangan kecil yang tinggal berjiran dengan orang-orang Melayu tetapi hubungan solidariti di antara jiran tetangga tidak terdapat (Hassan Talib:1976). Oleh sebab itu didapati di antara mereka ini tidak terdapat sebarang pengalaman, peristiwa maupun sejarah yang sama seperti yang pernah disarankan oleh Park dan Burges.

Dari kajian ini juga didapati bentuk integrasi yang ujud dalam tiga komponan iaitu ekonomi, normatif dan saikologi sosial adalah berkadar longgar sahaja. Dalam aspek ekonomi, hubungan mereka adalah secara mechanical dan organic yang bersifat sementara, impersonal, segmental dan sebagainya kerana berdasarkan pada kepentingan diri (*self interest*) masing-masing. Ini adalah tepat seperti yang disarankan oleh Durkheim. Dari aspek normatif pula, didapati darjah atau tingkat kesedaran etnik itu adalah tinggi di kalangan kedua-dua responden, dan dapat dianggap sebagai satu unifying force di dalam masyarakat yang juga melibatkan unsur-unsur etnosentrisme. Dari segi saikologi sosial pula, kedua-dua etnik menampakkan ethnic consciousness dan ethnic awareness masing-masing.

Hipotesis pertama kajian ini yang berbunyi, "Ugama Islam dari segi amalannya merupakan faktor utama dalam menyelesaikan masalah etnik di Malaysia dan orang-orang Cina Islam dianggap sebagai "jambatan" bagi menghubungkan di antara orang-orang Cina dengan orang-orang Melayu", adalah tidak dapat kebenarannya. Jika dilihat pada hubungan jalinan sosial dalam masyarakat, di antara orang-orang Cina Islam dengan orang-orang Melayu, didapati hanya sebilangan kecil sahaja yang mengatakan hubungan mereka sangat rapat, sedangkan yang lain mengatakan hubungan mereka tidak begitu rapat. Bagi yang mengatakan hubungan mereka sangat

rapat, adalah disebabkan mereka telah berumahtangga dengan orang-orang Melayu tetapi mereka telah pula berpisah jauh dengan keluarga asal mereka. Dengan ini tidaklah boleh dikatakan mereka itu sebagai "jambatan". Terdapat pula hubungan responden Cina Islam ini dengan keluarga mereka sangat rapat kerana mereka tinggal bersama-sama tetapi hubungan mereka dengan orang-orang Melayu tidak begitu rapat, dan hanya bertemu sekali sekala sahaja.

Bagi hipotesis kedua pula, " Pengislaman orang-orang Cina yang semakin ramai di negara ini, akan menimbulkan prasangka dan penerimaan yang negatif oleh masyarakat Melayu" dan hipotesis ini ada benarnya. Dari kajian ini, didapati setengah dari responden Melayu menampakkan rasa ragu-ragu apabila disebut perkataan "orang-orang Cina Islam". Mereka yakin dari apa yang mereka dengar ataupun lihat sendiri, kebanyakannya orang-orang Cina yang memeluk ugama Islam ini bukannya benar-benar hendak menganut dan mengamalkan ajarannya tetapi untuk mendapatkan nama "Islam" sahaja atau lebih tepat dikatakan Islam hanya pada nama dan bukan pada praktisnya. Ini menandakan keujudan semangat perkauman yang sempit di kalangan orang-orang Melayu. Perasaan ini diperkuatkan lagi apabila didapati lebih dari satu pertiga dari jumlah yang memeluk ugama Islam itu baik secara resmi atau tidak telah keluar dari ugama Islam (murtad). Murtad hukumnya berdosa dan patut dihukum bunuh. Oleh kerana hukum menyelamatkan orang-orang yang murtad ini fardhu kifayah, jadi setiap umat Islam adalah dipertanggungjawabkan dan seandainya tidak dilakukan semua umat Islam di negara ini adalah berdosa. Oleh sebab itu responden Melayu ini tidak mahu menerima hakikat ini dan dikatakan orang-orang Cina ini mempermain-mainkan ugama mereka. Walaupun begitu, dari kajian yang dijalankan didapati ada setengah-setengah

responden Cina Islam itu lebih alim dari orang-orang Melayu. Dengan ini orang-orang Melayu telah berprasangka bahawa mungkinkah orang-orang Cina ini memeluk ugama Islam kerana hendakkan sesuatu, tetapi apabila gagal mendapatnya mereka keluar dari ugama Islam.

Dari keterangan di atas, nyatalah bahawa kegagalan terjadinya assimilasi maupun integrasi itu disebabkan oleh dua faktor utama iaitu i) kesedaran etnik yang kuat di kalangan kedua-dua kelompok minoriti Cina Islam dan majoriti Melayu; dan ii) terdapatnya kekurangan dari segi pengetahuan ugama Islam di kalangan mereka. Bagi responden Cina Islam, kebanyakannya mengatakan setelah mereka diislamkan, mereka tidak mendapat "follow-up study" yang tegas dari pihak-pihak tertentu. Dalam hal ini pehak PERKIM patut dipertanggungjawabkan kerana mereka memeluk ugama Islam menerusi institusi ini. Kelemahan pihak PERKIM mengenai perkara ini adalah berpunca dari kurangnya kakitangan yang benar-benar terlatih dan berpengetahuan tinggi dalam ugama Islam juga disebabkan kekurangan sumber-sumber keewangan bagi membiayai perbelanjaan tersebut. Namun begitu kesilapan seperti ini bukan hanya terletak pada PERKIM sahaja, tetapi juga pada semua umat Islam kerana setiap umat Islam adalah pendakwah. Bagi responden Melayu khasnya dan orang-orang Melayu amnya, kekurangan pengetahuan ugama adalah berpunca dari proses sosialisasi terhadap pendidikan ugama itu sendiri. Melalui proses sosialisasi ini juga orang-orang Melayu dapat mengetahui bahawa ugama Islam adalah ugama keturunannya sejak kemasukan Islam di rantau ini. Dengan ini, semangat keislaman itu ada ditanam di jiwa mereka berserta dengan semangat kebangsaan etnik yang kuat. Kesilapannya ugama Islam yang diamalkan oleh mereka hanya terbatas kepada perkara-perkara yang berhubung dengan peribadatan, perkahwinan dan beberapa adat resam yang

lain. Jelas kelihatan bahawa kedudukan ugama Islam itu hanyalah merupakan satu cabang dari aspek kehidupan mereka dan sebagai ugama ritus semata-mata. Pada hakikatnya, ugama Islam adalah satu cara hidup yang lengkap dan menjadi asas pada segala bidang kehidupan.

Hasil dari kajian ini, nyata sekali bahawa kesedaran etnik (consciousness/awareness) itu adalah kuat di kalangan responden Melayu dan Cina Islam. Ethnic awareness seperti yang dikatakan oleh Francis (1947:396) adalah satu kumpulan manusia yang berdasarkan pada elemen-elemen perasaan solidariti, yang akhirnya akan membawa kepada kesedaran identiti etniknya sendiri. Di antara satu kumpulan etnik dengan kumpulan etnik yang lain adalah dibezakan atas ciri-ciri budaya seperti ugama dan kepercayaan, bahasa dan sebagainya. Sungguhpun ugama Islam merupakan ugama bagi kedua-dua responden dalam kajian kes ini, tetapi mereka masih sedar bahawa tindak tanduk perlakuan mereka adalah berbeza sama sekali. Manakala ethnic consciousness pula adalah satu kesedaran etnik yang "unik" berdasarkan perasaan sentimen yang kuat dan apabila mereka membandingkan diri mereka dengan kumpulan etnik yang lain akan mengakibatkan ketegangan sosial (social tension) dan konflik (Connor 1972, 1973; Goering 1971). Di dalam kajian kes ini, jelas didapati kesedaran etnik itu lebih tinggi kadarnya dari kesedaran berugama bagi kedua-dua responden. Dengan kata lain, masaalah perpaduan yang timbul adalah berpunca daripada semangat kebangsaan etnik yang kuat. Kesedaran etnik berpunca bukan sahaja daripada perbezaan bahasa, ugama serta unsur-unsur budaya yang lain malah adalah dari aspek ekonomi dan juga politik. Bagi responden Melayu, mereka amat menyedari kedudukan mereka kerana pada amnya kedudukan ekonomi mereka jauh lebih rendah dari keadaan ekonomi orang-orang Cina. Kesedaran ini diperkuatkan lagi apabila di-

dapati kemiskinan di negara ini kebanyakannya dari etnik Melayu selepas dari etnik India dan Cina. Responden Melayu sedar bahawa mereka hidup seolah-olah terhimpit di tengah-tengah kekayaan orang-orang dari etnik lain. Dalam kajian ini, pengkaji sengaja mengemukakan persoalan-persoalan tentang DEB kepada responden dengan tujuan untuk melihat kesedaran ini. Didapati orang-orang Melayu tidak rela jika hak-hak keistimewaan mereka seperti yang diperuntukkan dalam DEB maupun dalam Perlembagaan Persekutuan, diberikan kepada etnik lain. Begitu juga dengan responden Cina Islam, kebanyakannya mereka mengatakan DEB ini tidak adil kerana peruntukan-peruntukan itu banyak diberikan kepada orang-orang Melayu, oleh itu mereka rasa mereka telah didiskriminasikan dari segi peluang-peluang hidup sebagai rakyat di negara ini. Setengah dari responden Cina Islam ini mengatakan sungguhpun mereka beretnik Cina tetapi mereka adalah miskin dan patut diberikan perhatian seperti orang-orang Melayu. Namun begitu, bagi setengah-setengah responden yang tidak bersetuju dengan DEB ini bukanlah disebabkan oleh rasa diskriminasi semata-mata tetapi dirasakan DEB ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Jika dipandang dari sudut Islam, sesuatu pemberian itu patut diberikan mengikut keadilan tanpa ada diskriminasi. DEB ini juga seolah-olah membenarkan kapitalis berleluasa di negara ini. Walaupun tujuannya murni, tetapi dari segi perlaksanaannya terdapat terlalu banyak penyelewengan, banyak berlaku rasuah, riba' dan sebagainya yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Setelah menyedari bahawa masaalah perpaduan etnik belum lagi dapat diatasi melalui ugama Islam, tetapi inilah alternatif yang dicadangkan, jadi pengkaji ingin mencadangkan beberapa saranan berkenaan hal ini. Sedia diketahui bahawa ajaran Islam yang murni, menggalakkan

berbaik-baik di antara jiran tetangga, bukannya digalakkan bergaduh atau berdengki di antara satu sama lain sungguhpun mereka itu dijadikan berbagai kaum dan jenis rupa. Perbezaan kepelbagaian ini bukanlah untuk dijadikan asas bagi menimbulkan buruk sangka, riak takbur, penghinaan dan penganiayaan dan sebagainya tetapi sebaliknya disuruh bertolong bantu dan bekerjasama di dalam menjalani kehidupan di dunia. Telah diperkatakan di awal tadi bahawa kelemahan ini bukanlah terletak pada ugama Islam tetapi adalah pada diri individu itu sendiri. Individu yang telah mengaku yang dirinya penganut ugama Islam telah tidak menghayati sepenuhnya ajaran-ajaran Islam itu lantaran kejahilan mereka sendiri.

Bagi responden Cina Islam, adalah disyorkan bahawa perlu ditingkatkan lagi pengetahuan Islam kepada mereka secara intensif. Usaha ini bukan sahaja terletak pada tanggungjawab PERKIM semata-mata tetapi adalah juga tanggungjawab setiap umat Islam terutama sekali badan - badan dakwah yang sedang bergiat pesat di negara ini demi mendapatkan satu usaha dakwah yang bermakna juga mendapatkan sokongan moral yang tinggi.

Di samping itu, usaha-usaha dakwah secara perseorangan juga diperhebatkan. Adalah diharapkan bahawa ada umat Islam yang sudi secara ikhlas menerima orang-orang Cina Islam, yang tidak ada tempat bergantung sebagai anak angkat mereka. Dalam pada itu sedikit demi sedikit ajaran Islam diajarkan, semoga dengan itu nanti akan kukuh pengetahuan Islam mereka. Orang-orang yang bakal menjadi keluarga angkat itu pula diharapkan mempunyai pengetahuan Islam yang tinggi dan dihayati dalam kehidupan mereka sehari-hari. Selain daripada cara "anak angkat", cara-cara lain seperti mengadakan kerjasama dari pihak institusi mesjid kerana kebanyakan responden Cina Islam mengatakan mereka suka

pergi ke mesjid (lihat bab III). Dalam pada inilah orang-orang Cina Islam perlu diambil perhatian yang wajar dan memujuk mereka secara toleransi supaya mengajak rakan-rakan mereka yang lain untuk datang ke mesjid atau ke tempat-tempat lain yang ada mengadakan kelas-kelas ugama. Bagi di kampung-kampung atau kawasan-kawasan luar bandar pula, perlu ada kerjasama pihak PERKIM dengan ketua-ketua kampung atau orang-orang yang bertanggungjawab dalam bidang keugamaan supaya selalu mengadakan pendidikan ugama kepada orang-orang Cina Islam ini. Dirasakan cara saperti ini lebih berkesan kerana di kawasan yang lebih kecil adalah mudah untuk mengawalnya. Bagi orang-orang Melayu atau Islam lainnya, apabila mereka hendak mengadakan majlis kenduri atau doa selamat, adalah diharapkan supaya mereka sudi menjemput orang-orang Cina Islam ini kerana dengan cara ini mereka akan mendapat pengalaman hidup bermasyarakat dalam suasana keislaman dan dapat menikmati bahawa umat Islam itu adalah bersaudara.

Mungkin juga melalui cara yang tidak disedari bahawa apabila ada di antara umat Islam yang berpeluang bergaul dengan orang-orang Cina Islam ini supaya dapat menunjukkan sifat-sifat peribadi yang baik yang seharusnya ada pada seseorang mukmin. Berdakwah secara ini adalah lebih berkesan.

Bagi pihak responden Melayu khasnya dan orang-orang Melayu amnya, setelah mengetahui yang mereka ini terlalu kurang pengetahuan ugamanya Islam, adalah disarankan perlu ada satu usaha pendidikan semula (re-education) ke atas mereka. Jika selama ini mereka mengatakan ugama Islam itu sebagai ugama ritus semata-mata tetapi kini perlu ditekankan berkali-kali bahawa ugama Islam itu ialah satu cara hidup yang lengkap yang perlu dihayati oleh setiap umat Islam. Usaha-usaha

ini juga sedang berjalan walaupun masih pada peringkat awal dan masih dalam tahap pembentukan.  
saperti yang dilakukan oleh badan-badan dakwah seperti: Al Ihsan, Al Anugerah dan lain-lain.

Seandainya kesemua umat Islam di negara ini benar menghayati dan menyedari bahawa ugama Islam itu tiada perbezaan warna kulit, berdengki, prasangka dan sebagainya tentu sekali tidak akan ujud satu perbezaan umat berdasarkan etnik.

PERKIR adalah singkatan dari Persekutuan Ketajaman Islam Malaysia, merupakan suatu badan dakwah yang tidak milik siapa sahaja termasuk tuan-tuan. PERKIR pada dimulai oleh Tuanku Abdul Razak Shah Al Haj pada 1950. Penubuhannya ini dibuat bersama-sama dengan tokoh-tokoh seperjuangannya yang lain seperti Datu S.O.S. Wahidullah (seorang pengaruh yang pertama), Tan Sri Dato' Haji Mohd Yusof Ibrahim, Cikgu Hikmah Bahiyah Muam, Dato' Haji Ibrahim Da dan Tan Sri Dato' Sulaiman Sheppard (seorang pemimpin yang pertama). Untuk mencapai motif dan objektifnya, PERKIR belum tentu berpusat di Kuala Lumpur tetapi juga mempunyai kantor-kantorannya sendiri di setiap buah negeri. Terdapat sebanyak 14 kantorawang negeri dan seluruh 50 buah lagi kawang buah-buah bertujuan membantu untuk membantuk kebajikan dan mengajar "mudharat-mudharat baru".

#### Bentuk Perkembangannya

Adalah tiga objektif utama penubuhan PERKIR iaitu seperti berikut:-  
1. Untuk menyediakan, memberi dan mendorong berkembangnya hal-hal positif Islam atau pendidikan akademik yang lain yang disesuaikan atau tujuan melaksanakan ajaran Islam kepada semua orang tanpa

<sup>1</sup> Pehak PERKIR lebih suka menggunakan orang-orang China Islam atau orang-orang baru memeluk agama Islam sebagai "mudharat baru".

## BIBLIOGRAFI

1. Al Quran
2. Al Hadith
3. Abul Ala Maududi, Masaalah Ekonomi dan Penyelesaiannya Secara Islam (terjemahan), UM, KL, 1970.
4. A.H.Richmond, A Dictionary of Sociology, (ed). G.D. Mitchell, Routledge and Kegan Paul, London.
5. A.Karin Zaidan, Umat Islam dan Negara Dalam Syariat Islam, Kota Baharu, 1978.
6. Ashley Montegu, The Concept of Race, (ed) Collier Mac Millan, London, 1964.
7. Aziz Deraman, Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, 1975.
8. C.W.Mills, The Power Elite, New York, Oxford University Press, 1956.
9. G.E.Simpson, International Encyclopedia of the Social Science, Vol.1(ed) D.L.Sills, Mac Millan Company, 1969.
10. George A.Theoderson, and Achilles G.Theoderson, A Modern Dictionary of Sociology, New York, Thomas Y.Gowell Co. 1969.
11. Gunnar Myrdal, An American Dilemma : The Negro Problem and Modern Democracy, New York, Harper and Row, 1944.
12. Henry P.Fairchild, Dictionary of Sociology (ed) Gould, New York, 1944.
13. John A.Clausen, Committee on Socialization and Society, Boston (Mass), 1968.
14. Judith Djamour, Malay Kinship and Marriage in Singapore, London, The Athlone Press.
15. K.J.Ratnam, Faham Perkauman dan Proses Politik di-Malaysia Univ. of Malaya Press, 1969

16. Koentjaraningrat, Radin Mas, Manusia dan Kebudayaan Indonesia, Djakarta, 1971.
17. Lukes Emile Durkheim, His Life and Work, The Penguin Press, 1973.
18. Milne R. Political Science. What and Why? In Inagural Lecture, Singapore, 1963.
19. Milton M.Gordon, Assimilation in American Life, Oxford University Press, New York, 1964.
20. Nordin Selat, Kelas Menengah Pentadbir Melayu, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1976.
21. O.C.Cox, Caste, Class and Race, Monthly Review, Press, New York, 1959.
22. Ogburn and Nimkoff, A Handbook of Sociology, Routledge and Kegan Paul Ltd, London,
23. Park and Burges, Introduction to the Science of Sociology, 2nd.eddition, Univ. of Chicago Press.
24. Ralph Linton, The Science of Man in The World,Crisis, (ed) New York, Columbia, Univ.Press 1945.
25. \_\_\_\_\_, Latarbelakang Kebudayaan Daripada Keperibadian,(terjemahan), Djakarta, Djaja Sakti, 1962.
26. R.A.Shermorchon, Comparative Ethnic Relation, A Framework for Theory and Research, Random House, New York, 1970.
27. Richard J.Coughlin, The Chinese in Bangkok - A Study of Cultural Persistence, Institute of Microfilms International, An Arbor, Michigan, 1969.
28. Robert Ezra Park, Race and Culture, The Free Press of Glencoe, London, 1950.
29. Sherwani Haroon Khan, Mempelajari Pendapat-pendapat Sarjana Islam Tentang Adiministratif Negara, Tintamas, Djakarta, 1964.
30. Sidi Ghazalba, Mesjid, Pustaka Antara Djakarta, 1975.
31. Tan Sri Mohd Suffian Hashim, An Introduction to The Constitution of Malaysia, Cetakan Kerajaan, 1972.

32. Wang Gang Wu,  
33. Wagley and Harris,  
Kebudayaan Cina, DBP. KL.  
Cohesion and Cleavage in a Chinese  
Muslim Minority, B.Pillsburg, 1973.

Cetakan Terhad

1. Hassan Talib,  
Masaalah Assimilasi Orang-orang Cina  
Muslim, Ke Dalam Masyarakat Melayu :  
Kes Di Sungai Way New Village, Jabatan  
Antropologi dan Sosiologi, UM,KL,  
1976/77.
2. Rokiah Talib,  
Konflik dan Integrasi Dalam Masyarakat  
Perubahan (Kg.Kepayang), Jabatan  
Pengajian Melayu, UM,KL, 1966.
3. Sanusi Osman,  
Hubungan Etnik Di Mukim Labu, Jabatan  
Pengajian Melayu, (MA), UM,KL, 1972.

Journal dan Majalah

1. Dewan Masyarakat, DBP, KL, July, 1978.
2. \_\_\_\_\_, DBP, KL, July, 1975.
3. Man and International Relation, Vol.2, Chandler Publishing Co.  
California.
4. Islamic Herald, Vol.1 dan 2.
5. Race, Vol.1 no. 1 Nov. 1959.
6. \_\_\_\_\_, Vol.X, July, 1968.
7. Social Process, Vol. 42, no.4, May 1964
8. What Muslim Believe, April, 1978.